

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 15**

**Isnin**

**30 Jun 2014**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013	(Halaman	27)
Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014	(Halaman	70)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	35)
<b>Usul Penangguhan</b>		
Hak Untuk Pekerjaan Tetap - <i>YB Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud</i>	(Halaman	107)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 30 Jun 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat pagi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sebelum kita membuat pertanyaan jawapan lisan ini, izinkan saya memaklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam mengucapkan selamat berpuasa di bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Begitu juga hari ini kita ingin memaklumkan juga perjalanan mesyuarat kita akan berjalan sehingga jam 7, selepas itu kita berehat untuk berbuka puasa. Selepas berbuka puasa kita jemput bukan hanya kepada orang Islam, dijemput juga bukan beragama Islam berbuka puasa bersama. Selepas berbuka puasa, tunaikan solat Maghrib dan kita sambung semula jam 8.30 malam.

Semua Ahli Yang Berhormat dijemput kerana kita ada empat rang undang-undang dan oleh itu saya rasa mohon kerjasama semua Yang Berhormat. Bagi yang sudah hantar nama itu saya terima dan kita hari ini akan sambung rang undang-undang yang kita berhenti hari itu dan seterusnya rang undang-undang yang lain. Sekian sahajalah, sekarang saya mulakan pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bahawa masalah penculikan kanak-kanak yang semakin menjadi-jadi akhir-akhir ini di mana terdapat berita bahawa sesetengah kanak-kanak yang diculik, organ dalaman mereka dijual di dalam ataupun di luar negara dan beri maklumat sebenar keadaan tersebut serta perancangan kerajaan untuk menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam berbahagia.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam*.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ...Dan salam menyambut Ramadhan Al-Mubarak. Tuan Yang di-Pertua, kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks yang memerlukan penglibatan semua pihak untuk mengekang jenayah ini dari terus berlaku. Kejadian culik bukan sahaja

menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan keluarga. Ianya boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat dan memberi kesan kepada maruah negara apabila melibatkan penculikan kepada warga negara asing yang melancong dan menetap di negara ini.

Pihak kementerian khususnya pihak PDRM sentiasa memberi perhatian khusus untuk membanteras kes penculikan dari terus berlaku. Umpamanya pihak PDRM mempunyai Cawangan Operasi Khas yang dipanggil Ops Scorpions untuk mengendali kes penculikan yang berlaku di dalam negara. Daripada siasatan polis pelbagai motif dapat dikaitkan dengan kes penculikan yang berlaku seperti berikut Tuan Yang di-Pertua iaitu:

- (i) culik untuk mendapat wang tebusan;
- (ii) culik untuk mendapat kembali hutang;
- (iii) culik dari diri sendiri atau menculik diri sendiri;
- (iv) culik di perairan oleh kumpulan lanun;
- (v) culik untuk tujuan individu, untuk rogol, kahwin, persaingan dan balas dendam;
- (vi) culik melarikan mangsa bersama kenderaan; dan
- (vii) culik yang melibatkan kes lari dari rumah.

Dakwaan bahawa terdapat kanak-kanak yang diculik dan organ mereka diambil untuk dijual dalam negara atau di luar negara seperti yang tersebar luas dalam lama sosial khususnya di *Facebook* dan *WhatsApp*. Sejak akhir ini ia merupakan khabar angin semata-mata yang bertujuan untuk menakutkan orang ramai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pihak kementerian menasihatkan orang ramai agar tidak mudah mempercayai maklumat tersebut kerana sehingga kini pihak polis tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak. Risikan yang dijalankan juga mengesahkan tiada maklumat diperoleh sama ada di dalam atau di luar negara berkaitan dengan sindiket penjualan atau pembelian organ oleh mana-mana pihak di negara ini.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menjelaskan bahawa proses perolehan organ melibatkan prosedur klinikal yang perlu dijalankan dengan penuh teliti mengikut garis panduan tertentu dan dilakukannya dengan penuh terhormat. Tidak seperti yang digambarkan dalam berita-berita yang disebar dalam media sosial pada masa kini. Proses perolehan dan pemindahan organ melibatkan prosedur pembedahan yang kompleks. Ia memerlukan penglibatan pasukan pakar perubatan yang berkemahiran tinggi mengikut bidang kepakaran masing-masing seperti pembedahan urologi, hepatobiliary, kardiotorasik dan anesthesiologi serta rawatan terapi. Ia juga melibatkan perkhidmatan sokongan lain seperti makmal dan bank darah.

Selain itu pembedahan yang dijalankan juga dibuat dalam keadaan terkawal. Mengikut amalan yang dijalankan di peringkat antarabangsa dan prosedur yang sama adalah guna pakai di dalam negara ini dan mana-mana negara di dunia.

#### ■1010

Selepas sesuatu organ itu diambil ia perlu disimpan di dalam cecair pengawet khas pada suhu yang tertentu secara berterusan bagi memastikan ia berada dalam keadaan optimum sebelum dipindah

kepada penerima. Organ yang diperoleh perlu dipindah kepada penerima dengan secepat mungkin dalam tempoh masa yang tertentu. Organ seperti buah pinggang perlu dipindah dalam masa 24 jam, hati dalam masa lapan hingga dua belas jam manakala jantung dan paru-paru perlu dipindah dalam masa empat hingga enam jam kepada penerima. Sekiranya tempoh masa ini tidak dipenuhi orang yang telah diperoleh tidak dapat digunakan kerana ia akan tidak berfungsi dengan sepatutnya. Bagi menangani masalah penculikan, pelbagai langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati atas keselamatan diri dan keluarga dengan mempertingkatkan ilmu pencegahan jenayah dengan menutup ruang-ruang dan peluang kepada penjenayah seperti tidak membiarkan anak-anak bermain atau berjalan secara bersendirian dan bercakap dengan orang yang tidak dikenali;
- (ii) menjalankan risikan dan mengenal pasti individu dan sindiket yang dipercayai melakukan jenayah culik;
- (iii) meningkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan kes penculikan dapat ditangani secara menyeluruh dan mewujudkan talian khas iaitu talian Nur. Bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika kanak-kanak terlibat dalam keadaan mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa ataupun penjaga;
- (iv) menggalak orang ramai supaya menggunakan kaedah-kaedah pencegahan jenayah seperti menggunakan litar tertutup CCTV yang boleh merakam orang yang mencurigakan; dan
- (v) melaksanakan program advokasi melalui televisyen seperti menyiarkan iklan yang mengandungi panduan kepada kanak-kanak ketika berada di luar rumah dan langkah-langkah keselamatan yang khusus diberi perhatian oleh kanak-kanak dalam bentuk animasi ataupun kartun.

Pihak kementerian merayu kepada orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang bentuk khabar angin ataupun menyebarkan berita yang tidak benar di media sosial. Perkara ini bukan sahaja boleh menimbulkan perasaan tidak tenteram dalam masyarakat tetapi melanggar undang-undang negara. Pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan dengan tegas kepada mana-mana orang perseorangan atau pihak tertentu yang menyebarkan berita yang boleh menimbulkan keresahan dan ketakutan kepada orang ramai. Saya juga menyeru kepada orang ramai supaya sentiasa merujuk kepada berita yang sahih dan rasmi dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya rasa amat bersyukur dan *alhamdulillah* bahawa sebenarnya perkara ini tidak berlaku di negara kita. Ini kerana sebenarnya memang kita rasa amat takut setelah melihat gambar-gambar yang telah diposkan di dalam kita punya *WhatsApp* dan sebagainya dalam *my WhatsApp* saya menerima *quite a*

*few and* nampak memang *real* sekali. Jadi saya ingin beri soalan tambahan iaitu tentang kes penculikan dan penyeludupan ataupun kadang-kadang pemerdagangan manusia yang sering berlaku melalui sempadan.

Adakah kakitangan, petugas dan pengawal di sempadan ini terlatih untuk dapat mengesan, mengecam penjenayah dan juga peralatan kita yang tercanggih? Umpamanya baru-baru ini telah terjadi dokumen palsu, pasport penumpang MH370 tidak pun dapat dikesan sehingganya berlaku sesuatu.

Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah bersepadu yang diadakan antara pihak polis, kastam dan imigresen untuk mengenal pasti dan mengekang operasi penjenayah di sempadan? Berapakah setakat ini angka sebenar kanak-kanak yang hilang dalam katalah tiga tahun ini yang sehingga kini belum pun dapat dikesan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat. Pertama, berhubung dengan pengesanan penculikan menyeberang sempadan. Kedua, berhubung dengan pengesanan pasport palsu, dokumen palsu yang dipakaikan di laluan masuk Malaysia. Ketiga, fakta berapa penculikan berlaku di negara ini melibatkan kanak-kanak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan yang ketiga dahulu. Bahawa pada tahun 2011 kita mempunyai 16 kes sebenarnya penculikan, bukan kes *missing person*. Kes penculikan yang dilaporkan kepada polis dan *alhamdulillah* kita dapat menyelesaikan lima kes iaitu 31% selesai. Pada tahun 2012, 32 kes dilaporkan dan 13 kes telah selesai maknanya 40% telah diselesaikan. Pada tahun 2013, 27 kes dilaporkan dan 16 kes selesai iaitu 59%. Maknanya peningkatan trend peningkatan. Tahun 2014, lima kes dilaporkan dan tiga telah kita selesaikan iaitu 60%.

Jadi, dari sudut fakta Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat ini kes-kes melibatkan kanak-kanak penyelesaian oleh pihak polis adalah boleh dikatakan Tuan Yang di-Pertua, mengetahui soalan ini seperti risikan, *intelligence*, penyelidikan dan sebagainya. Memang bukan sahaja daripada sudut kajian tetapi amalannya Tuan Yang di-Pertua mengetahui sendiri. Kita mempunyai data maklumat menunjukkan bahawa prestasi pihak polis dalam sudut ini adalah amat cemerlang. Kalau dibandingkan dengan fakta penyelesaian kes antarabangsa ataupun Interpol rating. Jadi, kalau kita lihat 60%, 59%, 40% ini jauh tinggi daripada Interpol *achievement* sebenarnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* yang lain-lain itu masih dalam siasatan kita. Itu yang kedua.

Berhubung kes penculikan menyeberang sempadan. Sebenarnya saya tidak ada maklumat berhubung dengan kes kanak-kanak yang diculik di negara ini dan dibawa menyeberangkan sempadan ke negara kita ini. Tadi saya bertanya pun belum dapat *figure* yang tertentu. Apa yang kita dapat ini sahaja yang berlaku di Malaysia yang dilaporkan dan kita terima, yang tidak dilaporkan itu kita tidak tahulah. Saya memahami soalan ini, soalan ini ada hubung kait dengan desas-desus ataupun khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa anak-anak di sini diculik dan lepas itu dibawa ke negara lain dan dijadikan sebagai peminta sedekah dan sebagainya di luar negara. Akan tetapi ini juga pada kita ialah satu khabar angin yang tidak ada asas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua berhubung dengan *passenger* menggunakan- orang masuk ke pintu masuk Malaysia menggunakan pasport palsu dan sebagainya itu. Contoh yang diberi adalah kes kepada MH370 dua orang Iranian mencuri pasport di Thailand yang tidak dapat dikesan hinggalah mereka masuk ke Malaysia. Itu pun dengan bantuan Kerajaan Thailand dan peringkat Interpol untuk kita mengesan mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* kita akan melaksanakan *Advance Passenger Screening System* (APSS) pada tahun ini selewat-lewatnya pada bulan Julai nanti.

Dengan itu semua data maklumat siapa sahaja dan pasport di mana sahaja hilang. Sama ada hilang di Iran ataupun hilang di Rusia ataupun hilang di Amerika ataupun Amerika Selatan. Kita akan mengetahui mengikut data dan maklumat yang didapati daripada Interpol, ASEANAPOL dan sebahagian risikan-risikan data maklumat daripada negara-negara lain yang boleh kita rangkum dan kita dapati menerusi APSS sistem ini nanti. Kita akan mengetahui di mana pasport itu hilang dan pasport itu kalau dibawa masuk ke Malaysia, orang menggunakan pasport itu dan dibawa masuk ke Malaysia, kita akan mengetahui bahawa seseorang itu memasuki Malaysia menggunakan pasport palsu.

■1020

Pada masa sekarang, kita boleh mengesan apabila pasport Malaysia yang dicuri oleh orang dan diguna pakai oleh orang yang ditukar gambar oleh orang lain dan guna pasport itu untuk memasuki Malaysia, kita memang boleh mengetahuinya sekarang, tetapi kalau pasport asing, kita tidak boleh mengetahui. Akan tetapi dengan pelaksanaan APSS ini nanti, *insya-Allah*, kita boleh mengesan di mana sahaja pasport hilang, pasport negara mana sahaja yang hilang dipakai masuk ke Malaysia akan dapat kita kesankan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Saya hanya soalan mudah sahaja sebenarnya. Minta penjelasan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dengan penyelesaian kes itu, apa yang dimaksudkan dengan 'penyelesaian'? Itu satu. Kemudian saya ingin tahu apakah hukuman yang paling berat yang telah diberikan terhadap penculik-penculik yang didapati bersalah?

Selain daripada itu, saya mengucapkan tahniah kepada kecekapan pihak polis mengesan penculik-penculik ini. Akan tetapi yang saya hendak tahu bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan penyelesaian kes, apa yang dimaksudkan 'penyelesaian'? Dan tentu sahaja penculik-penculik itu telah ada yang telah dihukum, dan saya hendak tahu hukuman yang paling berat yang pernah diberikan dan dilaksanakan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini memang relevan dalam soalan perkataan 'selesai' yang saya sebutkan tadi. Sebenarnya kes yang dianggap selesai oleh polis apabila polis telah tamat membuat penyelidikan dan kes itu tidak perlu lagi penyelidikan yang berpanjangan. Apabila sesuatu kes itu telah dibawa ke mahkamah dan di bawah kendalian mahkamah ataupun orang yang diculik itu telah dikembalikan kepada keluarganya dengan selamat, maknanya kes itu juga dianggap telah selesai.

Yang terakhir, yang malang sekali kalau penculikan berlaku dengan kematian dan anak ini telah didapati mati dan kes itu orang sudah ditangkap, polis sudah bawa dia ke mahkamah, istilah polis, kes itu juga telah dianggap selesai walaupun dalam sudut pembicaraan di mahkamah belum lagi selesai. Ini yang pertama, soalan selesai kes. Dalam istilah yang saya sebutkan, selesai di peringkat Kementerian Dalam Negeri.

Peringkat kedua Yang Berhormat Senator Dato' Profesor bertanya berhubung dengan hukuman. Hukuman ini kita serah kepada kehakiman. Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa negara kita ditadbir oleh tiga organ *of government*. Satu, *legislative*, *legislator* yang kita ini. Kedua, kehakiman, dan yang ketiga pentadbiran daripada Perdana Menteri ke bawah dan mereka ini saling *balance* atau mengimbangkan pentadbiran negara supaya tidak menyebelah satu pihak sahaja.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita serah bulat-bulat. Pihak *legislator* tidak boleh *interfere* dengan pihak kehakiman untuk macam mana hukum. Kalau pihak *legislator* ini telah menetapkan apakah maksimum hukum, umpamanya 25 tahun untuk menculik, inilah meletak kita secara maksimum tetapi atas kebudibicaraan hakim itu sama ada hendak meletakkan 25 tahun ataupun dihukum hanya 15 tahun, itu atas budi bicara hakim berlandaskan fakta-fakta tertentu yang ditunjuk oleh polis, ditunjuk oleh pendakwa kepada mahkamah pada ketika tersebut.

Jadi pada keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mempunyai ruang satu sahaja untuk meningkatkan, meninggikan lagi hukuman daripada mendesak pihak hakim untuk memberi hukuman yang lebih berat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha yang dilakukan untuk memulihkan prestasi Syarikat Penerbangan Malaysia yang terus mengalami kerugian.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman yang bertanya mengenai Malaysia Airlines (MAS).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia Airline System Berhad (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001 kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatat keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula. Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia.

Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi pelan pemulihan perniagaan pada Februari 2006 dan pada Januari 2008.

Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007, 2008, 2009, dan 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat yang lama, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang.

Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaan yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatat kerugian bersih yang berkurang kepada RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding US dolar dan kos pemulangan pesawat yang lama.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat. Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan suku pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang.

Berdasarkan pelan perniagaan syarikat, MAS terus memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program penggantian pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, Malaysia dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan.

MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat penerbangan yang lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam gabungan *Oneworld alliance* mulai 1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli *Oneworld* yang lain dengan proses rangkaian hubungan ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 buah negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS ke dalam *Oneworld alliance* telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.



Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Berhad segera menjalankan kajian *due diligence*, dengan izin, untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen penyelesaian terbaik. Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telah pun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih lagi dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, pelan pemulihan MAS yang dimulakan pada tahun 2011 berjaya mengurangkan kerugian bersihnya pada tahun 2012 tetapi balik rugi yang banyak pula pada tahun 2013 sebanyak RM1.7 bilion.

■1030

Soalan tambahan saya ialah apa pandangan Yang Berhormat bahawa dua masalah utama MAS ialah pertama, operasi yang tinggi dan penganalisis ekonomi menjangka penjimatan kos sebanyak RM1 bilion pada tahun ini memerlukan pengurangan dari segi tenaga kerja yang besar. Tambahan pula untuk meningkat produktif. Masalah kedua ialah hutang MAS pada masa ini ialah hampir RM10 bilion. Sungguhpun Khazanah sudah belanja RM5 bilion dan kos bayar bagi bunga saja kalau kadar 4% sekalipun, sudah RM400 juta setahun. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri Dato' Abdul Rahim. Dua perkara, hutang dan kos operasi. Dari segi kos operasi MAS ini, 40% daripada kosnya adalah disebabkan oleh kos bahan api. Sekarang ini kita tahu minyak dunia satu tong ialah USD115 lebih kurang satu tong. Jika dibandingkan dahulu tidaklah setinggi ini- 40% ialah kos operasi. Dari segi yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim, operasi yang tinggi, itulah dia operasi yang tinggi. Kalau kita hendak melihat dari segi *staff*, jumlahnya 18,600 orang dan gaji dan juga seluruh *benefit* yang lain ialah berjumlah 16% daripada keseluruhan kos.

Oleh kerana itu, dari segi *staff* itu tidaklah kita katakan sebagai satu kos yang utama. Hutang ini tentunya kerana hendak membeli beberapa buah kapal terbang yang baru, kalau menggunakan kapal terbang yang lama, dia ada kesan-kesan yang lain. Kita ada 114 buah pesawat dalam keseluruhan *fleet* MAS itu dan hutang itu memanglah tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi jumlah penumpang. Kalau kita lihat trend jumlah penumpang sehingga sebelum MH370, jumlah penumpang pada tahun 2012 misalnya, 16.6 juta orang dan ia meningkat pada tahun 2013 - 20.7 juta orang. Jika pada tahun 2012 kita panggil *load factor*, 74.5%, pada tahun 2013 - 81% ini dikira agak baik.

Walaupun bagaimanapun kita akan terus mengkaji bagaimana cara untuk *turn around* MAS ini dan ia adalah masalah negara dan ia adalah pesawat membawa lambang negara. Kita akan berusaha di

bawah Khazanah dan Khazanah memiliki 69% daripada saham MAS selain daripada PNB 1.7%, Kerajaan Negeri Sarawak 1.4%, Sabah 0.9% dan saham minoriti jika dicampurkan semua sekali 27%. Oleh kerana Khazanah yang menjadi utama, maka di bawah tanggungjawab Khazanah untuk meneliti langkah-langkah seterusnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sikit. Apakah kerajaan masih ada cadangan atau kemampuan untuk mengatasi yang dialami oleh MAS atau kerajaan akan menutupnya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pasti kita tidak akan menutup. Ia adalah *national carrier*. Pastinya kita akan melaksanakan apa yang terbaik. Kita tidak menjangka MH370 hilang pada 8 Mac 2014. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat kesan MH370 ini, kesan langsung dari segi tuntutan insurans dan sebagainya itu, ia tidak melibatkan MAS. Dari segi penumpang - 226 penumpang, 12 krew, 238 itu telah dibayar dua kali secara *advance*. Dari segi insuransnya, dia dilindungi oleh Etiqa Insurans dan *reinsurancenya* oleh *Alliance*. Itu kesan langsung tapi walaupun kesan tidak langsung juga berlaku pada MAS akibat daripada MH370. *Forward booking* misalnya, tempahan awal tiket berkurangan. MAS menjangkakan pada tahun ini, kalau kita tidak sama-sama membantu, pada tahun ini pengurangan jualan tiket dianggar RM400 juta ke RM500 juta pengurangan jualan tiket akibat daripada MH370.

Walaupun angka ini 2.7% hingga 3.3% daripada seluruh jumlah jualan ataupun hasil MAS tahun ini RM15 bilion, namun 2.7% hingga 3.3% pengurangan jualan tiket itu adalah suatu yang agak membimbangkan. Jadi, kita sama-sama pakat tolong MAS dan MAS tidak akan tutup dan MAS akan kita bantu dengan pelbagai kaedah. Kesan tidak langsung misalnya, berlaku juga terhadap jenama MAS ini. Walau bagaimanapun, kesan tidak langsung akibat kehilangan MH370 itu kita boleh atasi apabila masa berlalu dan apabila kita memberikan diskaun yang besar kepada tiket. Diberitahu oleh pegawai-pegawai MAS sebentar tadi, apabila kita memberikan diskaun sehingga 40%-50%, kadang-kadang mereka terlupa bahawa apa yang berlaku pada MH370 itu dan mereka terus memilih MAS. Bererti masih ada jalan keluar lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya silakan pertanyaan nombor tiga, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

**3. Datuk Dr. Lucas bin Umbul** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana kementerian ingin meningkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya Sistem Pengumpulan dan Pengguna Semula Air Hujan (SPAH) di rumah mereka dan apakah ada insentif yang diberikan kepada pemaju untuk membina sistem ini di setiap projek perumahan yang bakal dibina.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, pengumpulan dan penggunaan semula air hujan juga dikenali sebagai Sistem Penuaian Air Hujan atau SPAH, bukan SPA ya Yang Berhormat, SPAH, adalah salah satu daripada *best management practice*, dengan izin, dalam pengurusan air yang berkesan. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya mensyaratkan sistem SPAH untuk bangunan, kediaman rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih. Manakala bagi bangunan berasingan, bukan jenis kediaman, juga yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih. Air yang dikumpulkan melalui teknik SPAH ini, boleh digunakan bagi tujuan selain daripada makan minum ataupun *non-portable*, dengan izin, termasuklah untuk kegunaan-kegunaan di sektor perladangan dan juga di sektor pembinaan.

Bagi makluman Yang Berhormat, melihat kepada kebaikan sistem SPAH ini Tuan Yang di-Pertua, maka Kementerian telah pun membuat pindaan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 atau juga dikenali sebagai UBBL iaitu Undang-undang Kecil 2, 10 dan 115. Pindaan-pindaan ini telah pun dibawa dan dipersetujui secara bersama oleh negeri-negeri, kerajaan-kerajaan negeri dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan yang ke 64 pada 23 hari bulan 2011 untuk mensyaratkan penggunaan sistem SPAH ini.

Tuan Yang di-Pertua, air hujan ini boleh digunakan Yang Berhormat, untuk kegunaan bukan untuk minum, bukan untuk makan tapi boleh digunakan untuk segala aktiviti yang diadakan di rumah. Contoh, siram pokok, *flush* air di tandas, cuci lantai ataupun Yang Berhormat hendak cuci keretakah, jadi air hujan ini boleh digunakan. Daripada tipikal penggunaan air harian bagi satu-satu isi rumah Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan 64% daripada penggunaan air tersebut sebenarnya boleh digantikan- 64% penggunaan air terawat boleh digantikan dengan air hujan di mana 22% boleh digunakan untuk mencuci baju, 16% untuk mencuci kereta dan lain-lain dan dalaman dan luaran serta landskap dan 26% boleh digunakan untuk tandas. Daripada kajian penyelidikan yang dijalankan oleh NAHRIM Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa 34% dari jumlah penggunaan air terawat, air bulanan yang kita gunakan di rumah sebenarnya boleh digantikan dengan air hujan untuk aktiviti-aktiviti yang saya nyatakan tadi.

#### ■1040

Kedua-dua kajian yang dijalankan oleh NAHRIM ini Tuan Yang di-Pertua telah pun menunjukkan bahawa dengan penggunaan air hujan ia dapat mengurangkan bil air antara 34% hinggalah kepada 64%. Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kesedaran umum dan juga pengetahuan mengenai betapa pentingnya Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) ini, kementerian telah pun menggerakkan beberapa inisiatif yang pertama antaranya ialah

kursus pelaksanaan SPAH kepada pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan pada setiap tahun mulai tahun 2011 selepas keputusan dibuat dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Ini supaya Yang Berhormat, pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan ini selaku pihak yang akan memastikan pelaksanaan SPAH faham, tahu dan sedar tentang pindaan-pindaan yang telah pun diadakan kepada UKBS, 1984. Selain itu juga akan menjadi agen yang akan menyalurkan maklumat kepada masyarakat selain daripada melalui ahli majlis juga kepada masyarakat tentang betapa pentingnya untuk kita menggunakan semula air hujan ini melalui sistem SPAH ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, garis panduan mengenai pelaksanaan SPAH yang telah pun ditambah baik dan telah diedarkan kepada semua pihak berkuasa tempatan pada 24 April 2014. Garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat hendak dapatkan maklumat lebih, Yang Berhormat boleh muat turun melalui laman web Jabatan Kerajaan Tempatan. Dengan adanya garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan supaya ia akan mampu untuk meningkatkan lagi kesedaran rakyat mengenai kebaikan penggunaan semula air hujan melalui sistem SPAH ini dan juga mengetahui tentang panduan-panduan pelaksanaan SPAH.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, banyak lagi agensi-agensi lain seperti yang saya sebutkan tadi iaitu Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran turut sama terlibat secara aktif untuk mempromosikan sistem SPAH ini di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, kementerian buat masa ini secara khusus tidak memberikan sebarang intensif kepada mana-mana pemaju yang mahu melaksanakan pemasangan SPAH ini dalam pemajuan mereka. Kementerian akan melihat kepada perkara ini Tuan Yang di-Pertua dan mungkin akan memikirkan apakah bentuk intensif yang bersesuaian untuk diberikan kepada mana-mana pemaju untuk pemasangan SPAH ini dalam pemajuan mana-mana projek mereka.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sementara hendak menunggu perkara-perkara yang sedemikian, kerajaan telah pun menggalakkan dan sebagai intensif pembangunan di bawah aktiviti teknologi hijau melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah pun memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion sebagai pinjaman mudah kepada para pengeluar dan juga kepada pengguna-pengguna teknologi hijau di seluruh negara melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ataupun *Green Technology Financing Scheme*, dengan izin dan melalui intensif-intensif ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menanggung faedah sebanyak 2% daripada keseluruhan faedah yang dikenakan dan dengan pinjaman berfaedah rendah ini, maka ia akan secara tidak langsung dapat membantu pemaju untuk menggunakan teknologi hijau, SPAH ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, purata pemasangan bagi sistem SPAH ini Tuan Yang di-Pertua, di premis kediaman dianggarkan di antara RM2,000 sehingga RM5,000. Kadang-kadang orang kata kenapa tidak tadah sahaja tong-tong, ia jadilah sistem SPAH, bukan. Untuk pemasangan sistem SPAH ini peruntukan yang diperlukan adalah antara RM2,000 sehingga RM5,000 dan ia

sebenarnya satu peruntukan kewangan yang kecil jika kita fikirkan tentang betapa besarnya apabila pelaksanaan SPAH ini digunakan. Kenapa RM2,000 hingga RM5,000? Ini kerana SPAH yang diaplikasikan ini Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, di bangunan merupakan- ia mengikut kepada *Urban Stormwater Management Manual for Malaysia (2nd edition)*, dengan izin, dan ia terdiri daripada lima komponen asas iaitu:

- (i) *catchment area* - di mana kawasan permukaan untuk mengumpul air seperti dari bumbung;
- (ii) *conveyance* - saluran paip untuk menyalurkan air hujan dari kawasan tadahan air ke tangki tempat menyimpan air hujan yang tersebut;
- (iii) *first flush* - sistem untuk menapis keluaran bahan-bahan kotor dan sampah dengan menggunakan peranti yang berasingan;
- (iv) *storage tanks* - untuk menampung air hujan; dan
- (v) *distribution* - sistem untuk menyalurkan air hujan bagi kegunaan pengguna-pengguna yang mengamalkan sistem SPAH ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan?

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu jelas sekali. Soalan tambahan saya ialah seperti yang kita maklum penggunaan air hujan ini amat penting khususnya pada musim-musim kemarau dan juga air hujan ini menjadi sumber bermanfaat kepada kegunaan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ia bukan kegunaan minuman tetapi untuk kegunaan dalam tandas, pembasuhan pakaian atau kenderaan-kenderaan, dan sebagainya.

Soalan saya ialah apakah pihak berkuasa tempatan telah menguatkuasakan serta melaksanakan sistem ini dan bagaimana pencapaian mereka setakat ini? Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan sebarang insentif terus kepada pembeli-pembeli rumah agar kos ini dapat dikurangkan? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas. Yang Berhormat tadi saya sudah sebutkan tentang intensif yang disediakan di bawah kementerian KeTTHA iaitu ia bukan sahaja untuk pihak pemajuan perumahan tetapi juga untuk pembekal dan juga pengguna. Seterusnya saya juga ingin memaklumkan sekali lagi kepada Yang Berhormat, apabila kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan membentangkan kertas yang berkaitan dengan SPAH dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang ke-64 pada 23 Mei 2011 dan telah dipersetujui secara bersama oleh semua kerajaan negeri.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, hanya enam buah negeri sahaja yang baru melaksanakannya, yang telah membuat pindaan terhadap undang-undang kecil. Saya yakin negeri-negeri yang lain sedang dalam tindakan untuk melakukan pindaan-pindaan kepada undang-undang kecil yang ada.

Apabila telah pun diterima dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, ia telah menjadi syarat. Apabila telah menjadi syarat Yang Berhormat, maka pihak berkuasa tempatan mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk menentukan supaya semua pemaju kepada mana-mana projek perumahan yang baru wajib menggunakan sistem SPAH yang ada ini ke atas mana-mana perumahan yang dibangunkan oleh pihak mereka.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat mana-mana pemaju yang ingkar, tidak mahu menggunakan ataupun mengaplikasikan sistem SPAH ini kepada mana-mana projek pemajuan baru yang sedang dilakukan oleh pihak mereka sedangkan kerajaan telah pun membuat keputusan dan pihak berkuasa tempatan wajib melaksanakan tindakan penguatkuasaan untuk memastikan supaya semua pemaju mematuhi kepada syarat yang telah dikenakan.

Sekiranya terdapat mana-mana pemaju yang ingkar kepada keputusan yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan ini Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, maka pihak berkuasa tempatan seperti yang disyaratkan dalam UKBS yang saya nyatakan tadi, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan menarik balik CCC yang telah pun dikeluarkan. Sekiranya pihak pemaju ingkar, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan untuk menghantar nama perunding, arkitek, jurutera, dan juga perancang bandar dan wilayah kepada pertubuhan profesional yang berkaitan supaya lesen mereka digantungkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1050

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sistem SPAH ini sangat baik dan ia sesuai dengan iklim Malaysia. Kita mula memperkenalkan tahun 2011 seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi dan tahun ini 2014 masih lagi tidak terlaksana secara menyeluruh.

Saya ingin bertanya soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, tidak adakah cara, jalan yang lebih cepat untuk kita memastikan perlaksanaan sistem SPAH ini? Maksud saya kalau kita dah pasti dengan sistem kita, kita boleh panggil pemaju-pemaju, arkitek pastikan semua sekali projek perumahan baru di seluruh negara dilaksanakan dengan sistem ini. Sistem ini sangat baik. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam Hamid. Yang Berhormat lebih faham. Ini bekas Exco Perumahan negeri Johor dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-64 pada tahun 2011. Pihak kerajaan negeri Yang Berhormat, perlu membuat pindaan-pindaan kepada mana-mana undang-undang kecil yang saya sebutkan tadi. Apabila undang-undang kecil ini telah dibuat pindaan, maka ia menjadi syarat dan kepada mana-mana pemaju kalau melanggar kepada syarat yang telah pun dinyatakan dalam pindaan kepada undang-undang kecil ini, maka pihak kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan akan, boleh dan berkuasa untuk mengambil tindakan

perundangan ke atas mana-mana pemaju yang melakukan keingkaran ataupun kesalahan tidak mematuhi kepada syarat yang dikenakan tadi.

Selain daripada itu, kita perlukan satu peruntukan kuasa untuk kita mengaplikasikan penguatkuasaan ke atas mana-mana pelanggaran kepada undang-undang kecil yang telah dinyatakan tadi. Maka, kerana itu Yang Berhormat kerajaan negeri perlu pinda dan selepas buat pindaan, maka dikuatkuasakan pindaan ke atas undang-undang kecil yang ada itu kepada mana-mana pemaju.

Selain daripada itu, pihak pemaju Tuan Yang di-Pertua REHDA dan sebagainya amat maklum tentang keputusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dan amat maklum kenapa kerajaan telah membuat keputusan yang sedemikian untuk menjadikan penggunaan sistem SPAH ini sebagai sebahagian daripada komponen yang akan dilaksanakan dalam mana-mana pemajuan oleh projek mereka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, mungkin agaknya Yang Berhormat dah sebutkan tadi – ini adalah satu usaha yang baik dan sebagainya. Saya hendak kongsi sedikit sahaja maklumat. Kajian telah pun dijalankan oleh pihak NAHRIM Yang Berhormat Dato'. Tentang betapa pentingnya dan keperluan untuk kita jimatkan air terawat apabila kita gunakan sistem SPAH. Dua kajian telah dijalankan oleh pihak NAHRIM Yang Berhormat Dato' Senator.

Pertama ialah SPAH di rumah teres dua tingkat Taman Wangsa Melawati Kuala Lumpur pada tahun 2001. Hasil daripada kajian selepas pelaksanaan SPAH di rumah teres dua tingkat Taman Wangsa Melawati menunjukkan bahawa purata isi rumah dapat menjimatkan air sebanyak 34% daripada bil air melalui penggunaan sistem SPAH ini. Kedua, di SPAH Rumah Panjang Bair, Betong, Sarawak fasa 1 dan 2 pada tahun 2012. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan dengan jelas bahawa penduduk dapat mengurangkan kebergantungan terhadap air sungai yang sering mengalami kuantiti dan juga kualiti serta kapasiti bekalan air hujan yang digunakan melalui sistem SPAH ini ia boleh bertahan sehingga 21 hari dalam sebulan.

Untuk meyakinkan bukan sahaja Malaysia yang melihat kepada kepentingan penggunaan sistem SPAH ini yang akhirnya telah dijadikan syarat dalam undang-undang kecil yang akan dipantau oleh pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ada terdapat beberapa buah negara yang telah pun melaksanakannya dan mendapat sambutan pelaksanaan di negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, China, Jerman, India, Australia dan Brazil. Di Brazil Tuan Yang di-Pertua- saya penyokong kuat Brazil. Setakat ini belum kalah lagi mana-mana pertandingan yang ada. Berkat doa, *insya-Allah*.

Di Brazil Tuan Yang di-Pertua, 62 bandar daripada keseluruhan bandar-bandarnya yang ada dapat menjimatkan sumber air utama di antara 30% sehingga 92%, di mana kadar pengguna penyimpanan air hujan ini meningkat kepada 69%. Jadi, ini contoh negara luar yang telah mengaplikasikan sistem SPAH. Satu lagi ialah di New Delhi dan Chennai di mana sistem penuaian air hujan ini atau SPAH ini diwajibkan kepada setiap perancangan pembangunan dan memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.

Jadi, saya menyerulah kepada rakyat Malaysia selain daripada projek-projek baru yang akan dilaksanakan oleh pemaju dan kita sebagai pengguna boleh memasang, mengaplikasikan sistem SPAH ini supaya ia dapat membantu penjimatan penggunaan air terawat bagi bil domestik kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, jumlah pelajar Malaysia di Indonesia, dan bagaimana tahap keselamatan pelajar Malaysia serta apakah tindakan Malaysia dalam kes seorang pelajar Malaysia di Universiti Padjadjaran, Jawa Barat yang telah diculik dan dirogol pada 17 Mei 2014.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pelajar Malaysia di Indonesia pada masa kini adalah seramai 5,082 orang. Pejabat *Education Malaysia* di Indonesia sentiasa memantau kebajikan mereka dan pejabat Kedutaan Malaysia serta juga pejabat-pejabat Konsulat Jeneral di Indonesia memberi bantuan kaunselor kepada pelajar-pelajar Malaysia di sana apabila perlu.

Jalanan kerjasama yang erat dengan pihak universiti dan badan Persatuan Pelajar Malaysia turut membantu pejabat perwakilan Malaysia memastikan kebajikan mereka berada dalam keadaan baik. Secara amnya, tahap keselamatan pelajar di Indonesia adalah selamat. Para pelajar senantiasanya dinasihatkan agar tidak terlibat dalam aktiviti kumpulan dan aktiviti yang melanggar undang-undang negara Indonesia serta juga mengelak daripada mengunjungi tempat-tempat yang boleh mengancam keselamatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kes pelajar Malaysia di Universiti Padjadjaran yang telah dilaporkan diculik pada 16 Mei 2014 baru-baru ini, wakil Kedutaan Malaysia di Jakarta telah segera ke Bandung untuk menghulurkan bantuan kaunselor kepada pelajar berkenaan. Pihak kedutaan bekerjasama dengan pihak universiti dan polis Indonesia dalam menangani kes ini. Buat masa ini kita masih menunggu laporan rasmi dari pihak berkuasa Indonesia. Untuk makluman Dewan yang mulia juga, hasil daripada perbincangan dengan pihak universiti dan pihak polis, pihak universiti telah bersetuju untuk meningkatkan keselamatan di kampus termasuk memasang lebih banyak kamera litar tertutup atau CCTV, meningkatkan rondaan keselamatan dan menambah baik prosedur keselamatan kampus.

Manakala untuk pelajar yang tinggal di luar kampus, pihak polis telah bersetuju untuk membuat rondaan di kawasan di mana ramai penuntut Malaysia menetap di sana. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih di atas jawapan. Melihat kepada jawapan itu tadi, pihak kita telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Indonesia untuk menyelesaikan masalah tersebut. Cuma saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan ada menghantar apa-apa nota bantahan terhadap tahap keselamatan pelajar kita di sana dan adakah kita— salah satu aspek penting tahap keselamatan adalah penyediaan kemudahan-kemudahan kepada pelajar-pelajar kita di Indonesia terutamanya daripada aspek penginapan.



Jadi, adakah kerajaan menjalinkan persefahaman agar pelajar-pelajar kita disediakan dengan penginapan-penginapan, ATM dan kemudahan-kemudahan lain yang sesuai bagi meningkatkan tahap keselamatan.

■1100

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi sama ada kerajaan ada menghantar nota bantahan tentang perkara yang telah pun berlaku baru-baru ini.

Saya hendak jelaskan seperti jawapan awal saya tadi, saya beritahu bahawa kita bekerjasama dengan pihak Indonesia untuk benar-benar membuat penelitian yang khusus tentang apa yang berlaku. Kita tidak mahu kita menghantar nota bantahan, akhirnya apabila kita sudah selidik, perkara yang berlaku itu mungkin tidak benar. Ini kerana seperti jawapan KDN awal-awal tadi apabila kes culik ini, dia ada juga kes yang menculik diri sendiri. Ini yang menjadi masalah kita. Jadi kita takut perkara itu juga berlaku. Maka kita tidak hantar nota bantahan tentang kes tersebut.

Walau bagaimanapun, tentang perkara-perkara untuk melindungi pelajar-pelajar kita di sana, saya telah juga memberitahu tadi bahawa kita dengan pihak universiti bukan satu, dua universiti tetapi semua universiti yang kita mempunyai pelajar kita di sana. Kita telah pun menghubungi mereka dan telah pun berbincang melalui *Education Malaysia* untuk menentukan bahawa semua pelajar kita tinggal dalam keadaan yang selamat. Kita minta beberapa universiti seperti juga jawapan saya tadi, kita minta kalau boleh mereka menambah CCTV di sekeliling kampus dan juga tempat-tempat penginapan tentang kedudukan pelajar-pelajar kita yang ada di sana. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah umum sahaja. Kita ada dua golongan pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara. Satu yang ditaja oleh kerajaan daripada JPA, MARA, Telekom dan sebagainya. Sekumpulan lagi ialah pelajar-pelajar persendirian. Soalan saya ialah sejauh mana melalui Kedutaan Malaysia di mana-mana pun mempunyai maklumat tentang pelajar-pelajar persendirian ini sama ada di UK ataupun Mesir dan seterusnya? Sejauh mana juga kementerian melalui kedutaan dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada mereka yang memerlukan?

Kedua, berhubung dengan pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara, khususnya UK dan Mesir, sering kita mendapat laporan mereka ini terdedah dengan pelbagai anasir-anasir yang kurang sihat, yang datangnya daripada tempat mereka belajar dan juga ada juga yang datang daripada pemimpin-pemimpin parti-parti politik tertentu daripada Malaysia sendiri untuk memberikan gambaran-gambaran yang mengelirukan tentang kerajaan yang sedia ada ini. Mohon pandangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator yang bangkitkan isu berkenaan dengan pelajar-pelajar kita di luar negara. Pertama tentang maklumat pelajar, saya hendak jelaskan di sini Kementerian Luar Negeri sentiasa menggalakkan supaya mana-mana pelajar yang telah pun pergi ke luar negara untuk berdaftar dengan

wakil kita ataupun *embassy* kita. Masalahnya kepada pelajar-pelajar yang ditaja, kebanyakan memang kita telah pun mendapat maklumat tentang para pelajar. Akan tetapi tentang pelajar-pelajar persendirian ini, sebagai contoh di Indonesia sendiri daripada 5.082 orang itu, 2,340 orang adalah pelajar persendirian. Daripada mereka ini, hanya lebih kurang 15% sahaja yang benar-benar bila sampai berdaftar dengan kita.

Begitulah di seluruh tempat di luar sana, bukan hanya di Indonesia, begitu juga di UK, di Amerika, banyak pelajar-pelajar persendirian yang tidak berdaftar dengan mana-mana wakil. Maka kita susah hendak kadang-kadang hendak menganggarkan berapa jumlah yang sebenarnya. Maka sebab itu, perkhidmatan yang kita hendak berikan hanyalah kepada mereka yang telah pun berdaftar dengan kita. Ini kerana kalau yang berdaftar dengan kita, kita boleh panggil mereka pada bila-bila masa. Ini kerana mudah kerana mereka telah pun mengemukakan maklumat persendirian tentang diri mereka sendiri pada kita.

Saya faham tentang kedudukan beberapa parti-parti politik dalam negara kita ini yang telah pun menemui pelajar-pelajar. Kita menggalakkan supaya pelajar-pelajar ini menubuhkan persatuan. Daripada persatuan-persatuan yang mereka telah tubuhkan, ada yang mempunyai ideologi yang berbeza dengan apa yang kita buat selama ini dan pendapat mereka terbuka untuk menjemput mana-mana. Walau bagaimanapun, biarlah apabila daripada kedudukan yang telah tersedia ada ini, sepatutnya pihak pembangkang daripada parti-parti pembangkang sebagai contoh, pergi menceritakan apa yang berlaku sebenarnya dalam negara tetapi mereka telah mengubah konsep apa yang Malaysia, negara buat sekarang ini seolah-olah semuanya tidak betul. Ini mengelirukan pelajar-pelajar kita.

Oleh sebab itu kita menggalakkan sekarang ini pemimpin-pemimpin kerajaan, apabila keluar negara melalui mesyuarat bilateral ataupun mesyuarat internasional forum dan sebagainya contoh, kami galakkan supaya bertemu dengan pelajar-pelajar ini dan menjelaskan beberapa isu yang mungkin berlaku dalam dan di luar negara. Ini kerana kadang-kadang kala pelajar-pelajar kita ini terbabit dengan isu-isu di luar negara. Contohnya di Syria, di Iraq, pegawai-pegawai ini telah pun mereka terima daripada pihak luar, bukan daripada dalam negara. Oleh sebab itu, kita hendak jelaskan dan kita telah pun menghantar pemimpin-pemimpin kita dan tokoh-tokoh yang baik yang boleh menyelesaikan ataupun menerangkan dengan secara lebih jelas kepada pelajar-pelajar ini. Itu yang kita buat selama ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

**5. Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Perdana Menteri menyatakan, sebelum ini pernah ada cadangan untuk mendaftarkan warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun sebagai pengundi secara automatik. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan perkara ini. Apakah pendirian kerajaan berhubung dengan perkara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Selamat berpuasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun tidak akan hilang kelayakan sebagai pemilih, perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi sesuatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan, ia memerlukan kajian yang lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, sehingga kajian lanjut dijalankan, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan pendaftaran mengundi secara automatik.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang jawab soalan tadi. Memandangkan kedudukan sekarang ini lebih daripada 3 juta orang tidak mendaftarkan dirinya sebagai pemilih. Ada juga yang membuka kaunter-kaunter di pejabat pos dan juga banyak tempat-tempat ini, tetapi kami dapati yang ada pihak-pihak ini tidak datang ke situ. Fasal apa, kita harapkan yang mana penduduk ini akan datang pejabat untuk daftarkan.

■1110

So, kalau kita pergi sampai hari ini dapat kita daftarkan. Ini kerana setiap hari ada juga- ramai yang mencapai umurnya 21 tahun yang mana ini akan membawa banyak masalah untuk masa depan. Ada juga pihak-pihak yang tertentu juga dapatkan orang-orang untuk daftarkan mereka untuk kepentingan mereka. Bukannya semua orang yang dia dapat, dia tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Soalan tambahan saya apakah pandangan dan tindakan kementerian terhadap perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita laksanakan secara automatik, ia menimbulkan masalah-masalah yang berkaitan termasuk masalah daftar pemilih dan mereka ini bila cukup umur, mereka hendak kena mengundi dan dia akan mengundi di tempat yang dia hendak mengundi. Selalunya dia akan mengundi di tempat di alamat yang ditulis di situ. Dalam masa yang sama, sesetengah orang hendak mengundi di kampung halamannya, dia hendak mengundi di sana. Jadi yang penting di situ ialah alamat yang penting. Jangan sampai timbul keadaan di mana satu rumah sampai 40 alamat dan apabila mereka daftar, nama mereka akan dipamerkan dan orang lain boleh protes sama ada nama itu wujud atau pun tidak.

Jadi, ia banyak perkara yang ada hubung kait yang kalau kita buat secara automatik, ia ada juga kebaikan dan ada juga masalah. Akan tetapi yang paling penting sekarang ini Perlembagaan tidak benarkan kita berbuat demikian. Kalau kita ingin berbuat demikian, kita harus buat kajian, buat cadangan dan kita harus pinda Perlembagaan di bawah Perkara 119, yang telah saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun banyak pihak sukarelawan, NGO, parti-parti politik terutamanya mereka yang

aktif untuk mendaftar pemilih. Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya juga telah melantik penolong-penolong pendaftar pada tahun lepas. Akan tetapi sekarang ini yang telah habis kontrak itu tidak disambung kerana ada beberapa masalah berbangkit hasil pendaftaran yang dibuat oleh mereka. Jadi kita sedang kaji balik sama ada hendak kaji semula sama ada boleh kita benarkan mereka mendaftar semula.

Ini kerana kita hendak elak benda-benda yang tidak patut berlaku, berlaku. Contohnya seperti orang yang telah meninggal didaftar dan sebagainya. Itu sebab suruhanjaya ambil alih terus dan kita mendaftar melalui tempat-tempat yang telah kita umumkan. Akan tetapi pihak parti-parti politik, orang perseorangan boleh mendaftar di mana-mana tempat yang telah kita sebutkan tadi. Sistem yang ada sekarang ini telah elok cumanya kita gerakkan bersungguh-sungguh sudah pasti sistem ini akan menjadi elok. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, oleh sebab pendaftaran ini dibuat oleh parti-parti politik, sekarang ini orang yang paling ramai mendaftar ialah orang-orang Cina. Penduduknya 23% tetapi pendaftarannya 32%. Orang-orang Melayu, penduduk dan bumiputera, penduduknya 67% tetapi pendaftarannya tidak sampai 50% kecuali orang India 7% sama 7%. Jadi kumpulan besar yang tidak daftar sebenarnya ialah penduduk-penduduk orang Melayu.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**6. Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Perdana Menteri menyatakan, sejak Yayasan 1M4U ditubuhkan pada Julai 2012 dengan dana yang banyak, apakah pencapaian yang telah terlaksana dan dicapai selari dengan Gagasan 1Malaysia dan ke manakah dana-dana tersebut disalurkan?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla tidak ada apa ya? Nombor enam saja ya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari belia merupakan golongan utama yang akan memacu dan mencorakkan pembangunan dan hala tuju negara di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menerusi pendekatan *Blue Ocean Strategy* mengalami daya usaha mewujudkan platform bagi belia menyalurkan tenaga dan mengetengahkan kreativiti mereka melalui aktiviti kesukarelawan.

Menerusi penubuhan sebuah syarikat, menurut jaminan iaitu sebagai 1M4U. Objektif penubuhan ini adalah untuk melibatkan golongan belia pelbagai kaum dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan yang bersifat kenegaraan, *nation building* serta menjadi tempat bagi mereka mengetengahkan inovasi dan kreativiti mereka menerusi perancangan dan penglibatan dalam program atau aktiviti yang boleh menguntungkan negara dan diri mereka sendiri. Ini adalah selari dengan Prinsip Gagasan 1Malaysia yang berpaksikan prinsip, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*" untuk melahirkan bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dan mampu menghadapi cabaran globalisasi yang melanda dunia.

Dari tahun 2012 sehingga Mei 2014, 1M4U telah meluluskan lebih kurang 1,400 permohonan kepada belia di negara ini untuk menjalankan program kesukarelawanan melalui Dana 1Malaysia. Ini tidak termasuk kira-kira 1,200 aktiviti sukarelawan yang diterajui sendiri oleh 1M4U. Pemberian sumbangan kewangan kepada belia ini dibuat dengan teliti dan setiap permohonan dinilai dengan terperinci bagi memastikan projek tersebut memberi impak kepada masyarakat dan perbelanjaan

dilakukan secara berpatutan. Hanya projek bercirikan kesukarelawanan yang membina negara atau *nation building* diluluskan dengan pembiayaan kebanyakan sebanyak RM5,000 ke bawah.

Sehingga kini 1M4U telah membelanjakan sebanyak RM34 juta bagi membiayai program kesukarelawanan dan kos operasi 1M4U. *1Malaysia For Youth* atau dikenali sebagai 1M4U adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menggerakkan aktiviti kesukarelawanan di kalangan belia di negara ini. Ianya ditubuhkan sebagai sebuah syarikat menurut jaminan. Mengikut struktur organisasi 1M4U, ia diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pengerusi lembaga pemegang amanah dan dianggotai juga oleh Menteri Belia dan Sukan, Menteri Komunikasi dan Multimedia dan Ketua Setiausaha Negara. *Insyaa-Allah* pada masa akan datang Menteri di Jabatan Perdana Menteri mungkin diletakkan bersama.

Fungsi Lembaga Pemegang Amanah ialah menentukan dasar dan hala tuju 1M4U. Di bawah Lembaga Pemegang Amanah, ia ditubuhkan sebagai Jawatankuasa Eksekutif yang memantau perjalanan 1M4U supaya dapat meneliti hala tuju yang ditetapkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya belum saya jawab. Selamat berpuasa Tuan Yang di-Pertua dan semua sahabat orang Islam. Soalan tambahan saya, berapa peratus penglibatan belia India di dalam program-program *1MDB* atau *1Malaysia Development Berhad* ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Senator Datuk Nalla boleh ulang sekali lagi?.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dia tanya berapa peratus kaum India terlibat Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, 1M4U ini kita ambil pendekatan tidak mengikut kaum. Kita ambil pendekatan mengikut inisiatif daya usaha pihak belia itu sendiri. Sebagai contoh, nama-nama yang kita bagi sumbangan ya, sumbangan RM5,000 ini. Kadang-kadang kita tidak tahu siapa ini. Ia mungkin ada orang India, mungkin ada orang Melayu. Akan tetapi saya pasti kebanyakan mereka itu terdiri daripada pelbagai kaum. Contohnya Chan Tieu Chop Giap, Tedi Yus RM10,000 kita bagi.

#### ■1120

Kemudian *Kiwanis Club of Kuala Lumpur*, 16 *Kiwanis used camp*. *Used camp* ini di dalam *Kiwanis* saya tengok banyak orang India di sana. Ini kita bagi RM10,000. Kemudian, *Social Innovation Camp Asia Consultancy*, *Social Innovation Camp Asia*. RM15,000 kita bagi. Ini terdiri daripada Cina, Melayu, India ada sana. Kemudian, *Persatuan Belia Kemahiran 1Malaysia*. Ini termasuk ini. Kai Fong, Program Mesra Usia Emas dan Gotong-royong Perdana sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Kemudian, *KDU College* mohon di bawah *International Student Conference*- RM5,000. Ng Chuck Chuan, *the World of Cafe Discussion for Environment Another New Dimension of Global Environmental Education*- RM5,000. Ini sudah jumpa orang India sudah, Sharvinder Singh a/l Bachitara

Singh, seminar Fizik SPM- RM5,000. Kemudian, Eng Ming Yeap, Bakti Siswa Perdana, Kembara Budi Siswa 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu program 1M4U ini yang cukup menarik. Dia memohon pelbagai perkara mengenai pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum. Ini kita beri keutamaan. Jawatankuasa eksekutif itu akan pastikan supaya ada penglibatan pelbagai kaum dan tujuannya yang lebih kepada *nations building*. Daripada kolej, pelbagai pihak yang memohon itu, yang kita bagi kebanyakannya di bawah RM5,000 ataupun yang kita bagi RM10,000. Semua ini ialah untuk tujuan aktiviti.

Ini sesuatu program yang lain daripada kementerian lain. Tujuannya ialah supaya anak-anak muda Malaysia ini bangun bersama dengan konsep 1Malaysia, "*Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.*" Kalau Yang Berhormat kata sudah ada belia Hindu Tama Bell dia hendak minta untuk buat program, saya rasa tidak ada masalah tapi kalau boleh kena ada kehadiran daripada pelbagai kaum supaya nampak kita ada pendekatan bersama. Ini satu usaha yang baru yang saya percaya boleh membina ke arah negara yang lebih baik.

Pada masa sekarang ini program-program di bawah yang berbentuk kaum itu diteruskan sebab akhirnya kita akan berjumpa juga. Kaum ini mungkin bergerak pelbagai tempat tetapi bila dia sampai tahap tertentu, kaum itu akan berjumpa contohnya berjumpa di tempat kerja, tempat berniaga dan sebagainya. Benda semua ini tidak salah tetapi yang salahnya bila diwujudkan pemikiran yang lebih ekstrem, Pemikiran bahawa mereka sahaja yang punya orang lain tidak punya. Itu salah. Kalau fikirkan mereka sahaja yang punya, orang lain yang tidak kaya, mesti diperlekehkan dengan penaikan harga barang dan sebagainya. Itu salah.

Akan tetapi kalau sekiranya kita menganggap bahawa kita ini satu negara, kalau kita hukum, kita buat apa pun, kawan kita yang kena hukum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Contoh-contoh satu soalan sebab puasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Di Kudat. Kenapa orang Kudat tidak naikkan harga barang? Jawapannya mudah. Oleh sebab dia kata, kalau saya naikkan harga barang mereka ini jiran saya. Dia balik ke rumah, saya nampak dia, dia nampak saya. Jadi adalah zalim bagi saya untuk menaikkan harga barang bagi jiran yang duduk dengan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan...

**Dato' Goonasakaren a/l Raman:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada. Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim...

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kelab-kelab UMNO yang banyak membantu belia-belia di luar negara. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak peruntukkan daripada 1M4U untuk belia-belia yang terdapat di luar negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka ada memohon kita akan mempertimbangkan. Akan tetapi dalam senarai yang saya bawa pada hari ini tidak ada. Akan tetapi saya percaya mereka ini memohon sebab senarainya terlampau panjang. Saya bawa ini cuma lebih kurang 200 senarai. Jadi kemungkinan mereka ada buat permohonan, kemungkinan mereka tidak tahu. Kalau mereka tahu mereka boleh bawa permohonan.

Oleh sebab di luar negara, walaupun kelab UMNO sebenarnya apa sahaja majlis UMNO itu dianjurkan untuk pelbagai kaum, Tuan Yang di-Pertua. Itu cukup menarik. Sebagai contohnya kelab UMNO ini jemput saya pergi ke London untuk berbuka puasa. Yang Berhormat tentu teringin hendak pergi bersama. Akan tetapi dia berbuka puasa dia jemput semua. Dia jemput semua orang Melayu, orang Cina hadir bersama dan kita kena bagi satu tazkirah. Tazkirah itu penting untuk membolehkan rakyat rasa semangat, "*We feeling*", semangat kekitaan.

Macam hari ini kita buka puasa yang di tuan rumahkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita bagi tazkirah sedikit. Tuan Yang di-Pertua pun macam berucap sedikit sebab itu... [*Disampuk*] Ya, ya. Soalan tambahan tepi-tepi ini pening Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita beritahu bahawa Kelab UMNO juga boleh memohon.

Oleh sekarang ini saya rasa oleh kerana Menteri yang bertanggungjawab terus 1M4U ini sebab soalan jarang muncul. Bila soalan ini muncul, barulah termuncul kehadiran Menteri dalam program ini. Jadi saya minta supaya semua pihak memohon sedikit peruntukkan untuk tujuan membina negara. Buat kerana ikhlas, Allah akan rahmati kita. Akan tetapi kalau buat kerana hendak mencari nama, mendapat nama tetapi Allah tidak memberi rahmat. Jadi kalau hendak cari di bulan puasa ini yang terbaik pohon cepat kita bagi cepat. Buat program untuk tujuan membina negara sebab hukumnya wajib.

**7. Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Pendidikan menyatakan, kurikulum pendidikan Sains Pertanian di peringkat sekolah dilihat semakin ditinggalkan oleh Kementerian sedangkan bidang ini telah menyumbang kepakaran dalam bidang pertanian, seperti yang dilahirkan oleh guru Maktab Perguruan lepasan Sains Pertanian dan juga graduan Universiti Pertanian Malaysia satu ketika dahulu. Apakah usaha Kementerian untuk memperkasakan semula bidang sains pertanian ini di sekolah, yang seharusnya bermula dari peringkat rendah lagi.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari kepentingan bidang pertanian dan berusaha memperkasakan bidang Sains Pertanian di sekolah.

Pada peringkat sekolah rendah melalui pelaksanaan Kokurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) komponen teknologi pertanian mula diperkenalkan untuk semua murid dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi ataupun kata ringkas dia RBT, bermula Tahun 5 iaitu mulai tahun 2015 tahun depan. Penekanan kokurikulum diberikan dalam pemilihan anak benih dan kaedah menanam secara teori dan juga amali. Pada peringkat menengah rendah iaitu melalui pelaksanaan Kokurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula tahun 2017, komponen asas pertanian diperkenalkan dalam mata

pelajaran RBT untuk dipelajari oleh semua murid. Komponen asas pertanian merangkumi penternakan, teknologi tanaman, pengurusan dan penyediaan produk pertanian.

Di samping itu Yang Berhormat pada peringkat menengah atas pula pada Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, mata pelajaran Pertanian ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa bidang pertanian ini adalah kurang menarik perhatian pada anak-anak remaja kita dan juga anak muda. Bila Sains Pertanian diserap kepada dalam Kementerian Pendidikan dan ia dapat mengenalkan mereka tentang kepentingan dalam pembangunan negara. Jadi adakah kementerian memperkenalkan kajian pendidikan dengan agensi lain dan kerjasama dari agensi luar negara yang berkaitan seperti Thailand, Holland dan sebagainya agar kita dapat menyediakan *syllabus* yang mantap dalam kokurikulum yang ada sekarang agar sains pertanian tidak dipinggirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian. Apakah yang terjadi kepada usaha untuk mengembalikan Universiti Pertanian di Kolej Pertanian Serdang pada tahun lalu? Seterusnya, apakah terjadi kepada tanah MAEPS yang diuruskan oleh MARDI di Serdang? Oleh kerana ia difahamkan bahawa sebahagian tapak Expo MAHA yang kita banggakan telah dijual kepada sebuah syarikat swasta bagi mendirikan sebuah universiti perubatan swasta di sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dua soalan. Satu, spesifik kepada Kementerian Pendidikan. Satu lagi kepada Kementerian Pertanian yang mana saya tidak dapat menjawab.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi aspek Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengambil pendekatan untuk memahami apa yang terkini, apa yang penting untuk Kementerian Pendidikan dalam aspek pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah membuat satu kaedah daripada sekolah rendah hingga ke IPTA dalam bidang pertanian ini. Malah, kita memastikan pelajar-pelajar yang minat dalam bidang pertanian ini tidak akan ketinggalan di mana jua walau bagaimanapun pencapaian mereka dalam peperiksaan. Contoh, seorang pelajar yang tamatnya pengajiannya di sekolah menengah.

Untuk makluman tambahan Yang Berhormat, daripada 2,375 buah sekolah menengah yang ada di Malaysia ini, 376 buah sekolah atau 16% sekolah menengah menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Bukan sahaja itu, di kolej komuniti kita ada, di kolej vokasional ditawarkan, di politeknik kita tawarkan. Malah, apabila seorang pelajar mendapat keputusan tidak kira



sama ada cemerlang atau kurang cemerlang. Yang cemerlang boleh mohon masuk diploma di IPTA, yang sederhana cemerlang boleh mohon masuk vokasional dan politeknik, yang tidak begitu cemerlang boleh mohon masuk ke kolej komuniti kerana pada akhirnya, landasan minat mereka terhadap bidang pertanian ini, kementerian faham dan telah menyediakan ruang-ruang dan landasan-landasan ini supaya mereka mahir dalam bidang ini.

Malah, kita sentiasa rujuk kepada pakar-pakar bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara juga bagaimana kita dapat menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Sains Pertanian ini. Malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pelajar-pelajar di IPTA, kita ada 9,339 pelajar dalam bidang pertanian di tujuh buah IPTA di negara ini dan nombor ini meningkat dari semasa ke semasa. Kita akan sentiasa memberi perhatian kerana suka atau tidak suka, negara kita adalah sebuah negara yang berlandaskan kepada pertanian dan kita akan sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah untuk memastikan bidang pertanian ini tidak akan tercicir dan tidak akan tertinggal jauh di belakang. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan petani kita masih menjalankan cara pertanian mereka secara tradisional sejak berpuluh-puluh tahun lalu begitu, sekarang masih kekal dengan metode tradisional itu. Jadi, seperti telah kita dimaklumkan, krisis kekurangan makanan akan berlaku di seluruh dunia. Jadi pertanian ini memanglah bidang yang sangat penting.

Jadi, apakah telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan supaya pertanian kita iaitu boleh dengan kos yang minimum dan dapat hasil yang maksimum. Sebab nampaknya tanah memang kekurangan tetapi di Jepun, di lain-lain negara kita ada *water planting* dan sebagainya. Jadi, apakah langkah yang telah atau akan diambil oleh kementerian untuk mencapai tahap seperti negara-negara lain? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi, dua soalan. Satu kepada Kementerian Pendidikan, satu lagi kepada Kementerian Pertanian. Saya akan menjawab soalan yang kepada Kementerian Pendidikan. Atas soalan sama ada petani-petani mengikut cara tradisional, bagaimana kita dapat membantu mereka untuk menambah baik cara-cara pertanian mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan melalui kolej komuniti, kita ada konsep *life-long learning*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Life-long learning* ini akan membantu mereka yang minat untuk mempelajari tentang industri pertanian bagaimana dapat menambah baik mutu-mutu pertanian mereka. Sebagai contoh, PERHEBAT. PERHEBAT ini sebuah persatuan yang mana dikhaskan kepada askar-askar yang telah bersara dan mereka mengambil bidang pertanian ini dalam kolej vokasional. Kita tempatkan 15 tempat setiap kohort dan sentiasa penuh.

Kita juga boleh membenarkan, kita juga boleh mewujudkan situasi yang mana petani-petani yang ingin mempelajari cara-cara yang terbaru dalam industri pertanian ini boleh mendaftar dengan

Kementerian Pendidikan. Kita boleh wujudkan ruang dan peluang kepada mereka khasnya di kolej komuniti memang diwujudkan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan rakyat, mereka boleh meminta keperluan untuk mempelajarinya, kita akan membantu mereka dalam kaedah-kaedah yang tertentu. Terima kasih Yang Berhormat.

**8. Dato' Lim Nget Yoon** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, bahawa harga getah telah banyak turun. Apakah yang membawa kepada kejatuhan harga getah. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk meningkatkan semula harga getah.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, harga getah seperti komoditi-komoditi yang lain adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran dunia. Dalam hal ini, kelembapan pertumbuhan ekonomi terutamanya di negara-negara pengimport utama mulai tahun 2013, telah menjejaskan harga getah dunia, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, kelembapan permintaan telah juga menyebabkan stok getah dunia yang tinggi dan secara tidak langsung telah menjejaskan harga getah di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu pihak kerajaan sentiasa memainkan peranan aktif sama ada peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa dalam memastikan daya siang industri getah selain memberikan pendapatan yang stabil kepada pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun-pekebun kecil. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, pihak Kabinet baru-baru ini telah meluluskan cadangan pelaksanaan mekanisme yang baru untuk mengawal selia harga getah di peringkat ladang ataupun *farm gate*, dengan izin. Mekanisme ini bertujuan untuk mengurangkan lapisan pemasaran bagi memastikan harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil adalah lebih berpatutan. Langkah-langkah lain yang diambil termasuk Tuan Yang di-Pertua:

- (i) meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D untuk mempelbagaikan kegunaan getah seperti pengeluaran produk getah yang mesra alam;
- (ii) menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang lebih berkualiti tinggi. Di bawah NKEA getah, pihak kerajaan telah melaksanakan program tanaman baharu dan tanam semula getah pekebun kecil. Kedua-dua program ini telah dilancarkan pada tahun 2012 dengan menyediakan bantuan kewangan kepada pekebun-pekebun kecil. Ia juga bertujuan untuk menangani masalah pengeluaran yang berlebihan di pasaran; dan,
- (iii) memperkukuhkan aktiviti-aktiviti promosi untuk menembusi pasaran-pasaran baharu produk bagi produk berasaskan getah seperti sarung tangan dan komponen-komponen automotif.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa menerusi ITRC ataupun dengan izin, *International Tripartite Rubber Council*, Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincangkan langkah-langkah yang lebih berkesan harus diambil untuk memperkukuhkan harga getah di pasaran dunia, dan satu persetujuan akan dijangka akan dicapai dalam masa yang terdekat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut jawapan Timbalan Menteri langkah-langkah diambil oleh kerajaan nampaknya memanglah langkah yang...

■1140

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa itu Yang Berhormat? Langkah ke hadapan?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Yes. Jangka masa panjang. Apa kita minat di sini, pada saat krisis ini, memanglah kita berterima kasih kepada kerajaan yang memberikan bantuan kepada penoreh getah dan tuan tanah termasuk golongan yang menoreh getah dan tuan tanah pun termasuk. Akan tetapi ini akan membebankan kerajaan. Saya fikir ini bukanlah cara yang paling baik untuk menyelesaikan masalah harga rendah itu. Jadi, apakah langkah-langkah yang lebih baik untuk jangka pendek ini? Terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Sebenarnya antara langkah-langkah saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua termasuklah langkah jangka pendek iaitu menetapkan harga di peringkat ladang. Harga di peringkat ladang ia bukan jangka panjang. Kalau jangka panjang ia mungkin memakan masa setahun. Akan tetapi kertas Kabinet telah kita angkat untuk menetapkan harga ladang, bukan harga lantai. Harga lantai akan mengakibatkan beban kewangan yang tinggi kepada pihak kerajaan.

Yang Berhormat sebut tadi adalah langkah jangka pendek yang bukan bantuan *one-off* yang saya faham. Tadi saya memang tidak ada sebutkan bantuan *one-off* walaupun ada dan *insya-Allah* akan dibayar kepada semua yang layak menjelang Aidilfitri. Satu, antara langkah jangka pendek yang saya katakan tadi adalah menetapkan harga di peringkat ladang, *farmgate* dan sedang disusun Yang Berhormat, antara LGM dan juga agensi-agensi seperti RISDA.

Satu lagi adalah untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil yang ramai ini, yang menyumbang hampir 95% kepada pengeluaran getah kita untuk menjadi ahli kepada koperasi-koperasi yang mana itu memang dapat kesan yang cepat. Ini kerana mereka menjual hasil terus kepada koperasi yang dapat mengurangkan dengan izin, *dealers and super dealers* di tengah, yang mana mereka memanipulasi ataupun akan melibatkan diskaun berangkai yang banyak, melibatkan beberapa orang tengah seperti *dealers* dan *super dealers*.

Jadi, melalui koperasi jual terus kepada koperasi dan koperasi *insya-Allah* kalau satu pihak sahaja daripada pekebun kecil kepada pihak koperasi saya yakin harganya akan lebih baik di samping kita galakkan pekebun kecil ini untuk menjual *latex* di musim ini. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita turut melihat tadi bagaimana langkah daripada kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini selain daripada bantuan *one-off* dan juga langkah-langkah untuk menjual dalam aktiviti getah ini, menjual *direct* dengan harga lantai dan sebagainya. Akan tetapi soalan saya adalah adakah kerajaan juga memikirkan bagaimana untuk membantu mengurangkan masalah mereka ini untuk menggalakkan satu aktiviti pertanian sampingan yang boleh dapat membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga getah? Sekian, terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Satu soalan yang baik kerana dalam menangani kesan kejatuhan harga getah seperti yang terkini, sedang melanda pekebun-pekebun kecil getah sekarang. Memang kita menggalakkan pihak pekebun kecil ini turut terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti sampingan seperti aktiviti perniagaan ataupun menjurus kepada tanaman pertanian sampingan lain. Itu adalah di bawah Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani.

Di samping itu juga kita ada menyediakan kursus-kursus, mungkin boleh masuk kepada kursus-kursus keusahawanan koko kita di bawah kementerian yang sama. Boleh juga pergi kepada pusat-pusat atau pegawai-pegawai getah kita di Lembaga Getah Malaysia ataupun RISDA untuk mendapatkan bantuan dan panduan dari segi apa yang sesuai untuk mereka ceburi, tertakluk kepada minat dan juga kapasiti keupayaan yang ada, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[26 Jun 2014]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyambung perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

**11.46 pg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Waktu memulakan perbahasan saya, saya telah menyatakan bahawa walaupun pada dasarnya saya menyokong pindaan ini tetapi ada beberapa kebimbangan serta persoalan yang timbul. Saya telah menjelaskan tentang dua perkara yang dibimbangkan ataupun dipersoalkan itu.

Sekarang saya pergi kepada yang ketiga. Kita dapati bahawa dalam pindaan ini terdapat beberapa perenggan yang baru yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi Akta Ibu dan juga untuk menguatkan lagi hukuman-hukuman atau dendaan-dendaan yang dikenakan ke atas orang yang melakukan pemindahan wang haram ataupun pembiayaan wang keganasan ini. Misalannya, ada pindaan yang dibuat untuk menaikkan denda daripada RM5 juta dan penjara lima tahun kepada misalnya penjara 15 tahun dan RM15 juta. Selain daripada itu, ada juga pindaan dalam seksyen 5 diganti dengan 7(b) dan di situ pada pindaan seksyen 6, RM50,000 dinaikkan kepada RM1 juta dan setahun dinaikkan kepada tiga tahun.

Seterusnya dalam seksyen 12 pula pada subseksyen 12(4), RM1 juta naik kepada RM3 juta dan perkataan, "satu tahun" diganti dengan "lima tahun". Memanglah kalau misalannya denda ataupun hukuman lebih berat, ada kemungkinannya orang akan menjadi lebih takut tetapi kalau misalnya keuntungan-keuntungan yang diperoleh daripada perbuatan mereka itu besar, maka tidak jadi masalah bagi mereka untuk membayar denda-denda yang lebih besar.

Akan tetapi yang lebih membimbangkan saya ialah bahawa biasanya denda atau hukuman yang berat itu bukan merupakan satu jaminan bahawa perbuatan yang haram atau yang salah itu akan diberhentikan. Kita lihat misalnya soal dadah walaupun ada hukuman yang paling berat iaitu hukuman bunuh tetapi dadah masih belum boleh dikawal bahkan ada unsur-unsur untuk menunjukkan bukan sahaja ia berterusan bahkan akan berterusan dengan lebih buruk.

Bererti di sini saya maksudkan bahawa selain daripada denda yang lebih berat maka perlulah faktor-faktor lain. Di antaranya ialah faktor misalnya setakat mana kehendak politik atau *political will* kita untuk menggunakan undang-undang itu atau akta itu supaya dapat lebih berkesan. Mungkin itu pun belum mencukupi lagi. Saya timbulkan perkara ini kerana saya lihat ada beberapa contoh di mana misalannya kes-kes telah berlaku yang boleh dikatakan melibatkan undang-undang seperti ini.

**■1150**

Saya kemukakan empat kes misalannya. Dalam bulan November tahun lalu, tembak menembak telah berlaku di antara beberapa pihak iaitu terutama sekali polis dengan pihak kongsi gelap. Timbul daripada itu ialah penyiasatan yang telah dilakukan yang melibatkan polis dengan sindiket-sindiket *prostitute*, maaf saya, dengan izin, dan pihak polis ini dituduh sebagai mengumpul wang haram. Apabila disiasat pada awal tahun ini, pihak polis ini mengakui bahawa ada seorang Datuk yang berpangkat tinggi dalam *police force*, pasukan polis yang telah terlibat dan selain daripada beliau, ada tidak kurang daripada 40 orang polis yang telah terlibat juga.

Akan tetapi setakat ini yang saya ketahui ialah bahawa setengah-setengah mereka yang terlibat ini telah dipindahkan ke negeri-negeri lain dan sehingga ini tidak diketahui sama ada undang-undang ini akan digunakan untuk mengambil tindakan terhadap mereka kerana pihak yang dituduh mengambil wang itu, mengumpul wang daripada sindiket ini telah menghantar wang ini ke luar negara untuk disimpan atau untuk apa, masih belum diketahui sangat.

Jadi yang saya nak katakan ialah saya harap bahawa perkara ini, oleh kerana telah melibatkan pihak polis, melibatkan SPRM, akan terus dibicarakan atau diambil tindakan di bawah undang-undang ini. Tidak ada misalnya pembekuan wang ataupun penyitaan apa-apa.

Perkara yang kedua ialah tentang yang berkaitan dengan National Feedlot Corporation. Pada 12 Mac 2012, Pengerusi National Feedlot Corporation telah didakwa di bawah seksyen 409 di bawah Kanun Keseksaan atas tuduhan pecah amanah dan di bawah Akta Syarikat kerana menyalahgunakan hampir RM50 juta wang syarikatnya. Soalnya, wang syarikat itu telah pun disalurkan ke luar negara. Jadi kenapakah tidak ada tindakan diambil untuk mendakwa beliau di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram? Jadi di sini adakah sebab-sebab tertentu, yang saya ingin tahu, kenapa misalnya tindakan ini diambil di bawah akta yang lain dan tidak di bawah akta yang kita bincangkan sekarang ini?

Perkara yang ketiga ialah berkaitan dengan Geneva Sdn. Bhd. Pada Mei 2013, Mahkamah Sesyen melepas serta membebaskan tiga pengarah dan seorang bekas pengarah Geneva Sdn. Bhd. daripada 224 pertuduhan pengubahan wang haram dan lima pertuduhan menerima deposit tanpa lesen membabitkan urus niaga melebihi RM100 juta. Empat pegawai atasan Geneva Gold telah didakwa dengan 900 pertuduhan. Walaupun dengan akta yang kita bincangkan sekarang ini dan dengan kuasa yang begitu luas dan dengan kira-kira 900 pertuduhan, pendakwa raya masih gagal untuk mensabitkan kesalahan terhadap syarikat-syarikat besar ini. Ini menimbulkan persoalan berhubung proses pendakwaan. Jadi tadi saya sebutkan tentang *political will* dan di sini pula timbul soal proses.

Kes yang keempat adalah berkaitan dengan Bank HSBC. HSBC adalah di antara bank terbesar di dunia dan suatu ketika, ia telah mengakui terlibat terutama sekali dengan berbilion ringgit wang haram yang dipindahkan. Oleh kerana terlibatnya ini, maka HSBC telah didakwa di Amerika Syarikat dan pihak berkuasa Amerika Syarikat telah mengenakan denda sebanyak USD1 bilion atau hampir RM6 bilion sebagai penyelesaian kes pengubahan wang ini. Ini adalah antara jumlah terbesar yang telah dibayar oleh mana-mana pihak. Laporan yang dikeluarkan oleh Senat Amerika Syarikat pada Julai tahun lalu menunjukkan bahawa kekurangan *resistant* kawalan yang mencukupi menyebabkan bank itu terdedah kepada amalan-amalan pengubahan wang.

Soal HSBC ini relevan kerana dikaitkan juga dengan kedudukan Malaysia. Di Malaysia, ia dikatakan telah melibatkan terutama sekali soal pembalakan di Sabah dan pengeluaran wang yang timbul daripada pembalakan itu ke luar negara. Sehubungan ini, *Global Head of Compliance HSBC*, David Bagley, telah meletakkan jawatan pada kira-kira awal tahun 2002. Antara sebab peletakan jawatannya ialah kerana beliau berasa malu oleh kerana tidak ada tindakan yang diambil terhadap

pengubahan wang yang berlaku berkaitan dengan pembalakan ini. Bahkan, tindakan juga tidak diambil misalnya apabila seorang korporat bernama Chia telah ditahan oleh kerana membawa wang tunai bersama-samanya yang dituduh hendak disampaikan kepada orang-orang tertentu. Kes ini ditutup oleh kerana dikatakan bahawa wang itu bukannya untuk orang tertentu itu ataupun Ketua Menteri yang tertentu itu bahkan untuk penggunaan parti.

Walau bagaimanapun, saya merasakan oleh kerana perkara ini sudah besar berlaku dengan HSBC di Amerika dan berlaku juga peletakan jawatan oleh *Head of Compliance* tadi, maka sekurang-kurangnya mesti ada ketelusan dalam penyiasatan tentang apa yang dituduh sebagai berlaku di Sabah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lama lagi kah Yang Berhormat?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tak, satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh, gulung Yang Berhormat ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Okey, boleh. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan pindaan kepada seksyen 44A. Pindaan kepada seksyen 44A ini agak panjang tetapi ada tiga perkara yang hendak saya rumuskan.

Pertama, saya mendapat faham bahawa pegawai penguat kuasa boleh mengambil tindakan membeku, menyita atau merampas harta yang dilakukan secara haram oleh mana-mana pihak. Jadi di sini, penyitaan itu nampaknya boleh dilakukan apabila beliau memberitahu kepada pihak yang berkenaan, pihak pendakwa raya misalnya.

Kemudian yang keduanya, seorang pegawai yang lebih tinggi boleh ataupun mempunyai kuasa untuk mengubah tindakan yang telah dibuat oleh peringkat pertama tadi. Di situ juga tak berapa jelas pada saya dan saya harap dapat dijelaskan mengapakah semudah itu misalnya, tidak melalui mahkamah dan sebagainya, untuk ditukar suatu tindakan yang telah diambil sebelum daripada itu.

#### ■1200

Kemudian yang ketiganya, ini dijelaskan oleh Menteri yang berkenaan bahawa ada *check and balance* oleh kerana soal pembekuan persitaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai tertentu, adalah dirujuk kepada Peguam Negara dan adalah pada Peguam Negara kuasanya untuk menentukan sama ada tindakan-tindakan boleh diambil atau tidak. Yang menjadi soal kepada saya dalam tiga-tiga peringkat ini ialah mengapakah tidak terlibatnya mahkamah. Jadi, adakah pensitaan dan pembekuan dan sebagainya ditentukan oleh pegawai-pegawai dengan kebenaran Peguam Negara tanpa sama sekali merujuk kepada mahkamah.

Jadi, ini boleh menimbulkan persoalan kerana kita nampak bahawa tidak cukup *check and balancenya* dan seolah-olah mahkamah sama sekali tidak mempunyai kuasa dalam hal ini dan kuasanya semacam mutlak ada pada pihak Peguam Negara, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader.

**12.01 tgh.**

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013.

Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini akan menyokong kerangka perundangan yang diperlukan di dalam membanteras jenayah secara keseluruhannya di samping memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pembentangan rang undang-undang ini dan pindaan Akta 613 dan Akta A1208 akan memanfaatkan negara. Sebagai antara yang terlibat dalam menggubal rang undang-undang melalui Dewan yang mulia ini, sudah pastilah tidak ada sesiapa pun dalam Dewan yang mulia ini saya percaya menentang pelaksanaan undang-undang ini. Ini memandangkan amat baik demi kepentingan negara. *Money laundering* yang dikatakan amat popular di peringkat antarabangsa, terutama kepada golongan pengedar-pengedar dadah, kongsi gelap, *bookie*, pemain judi dan kumpulan pengganas.

Walaupun terdapat pelbagai undang-undang yang telah digubal di seluruh dunia, namun *money laundering* saya percaya amat sukar dikawal. Dikatakan *money laundering* berasal dari satu kumpulan kongsi gelap penjenayah antarabangsa yang menggunakan duit hasil kegiatan penjenayah untuk dilaburkan atau dibersihkan dengan menggunakan jalan-jalan yang berlandaskan undang-undang seperti menerusi aktiviti pembelian saham, stok, *derivatives*, *futures*, *Forex*, insurans, pembiayaan industri projek yang besar. Ada yang terlibat dengan sektor hartanah dan termasuklah *money laundering* ini juga terlibat dalam perniagaan-perniagaan kereta atau perniagaan-perniagaan yang dilihat halal.

Satu laporan antarabangsa pernah dikeluarkan yang menyatakan bahawa kewujudan *money laundering* juga menandakan operasi jenayah terancang, dengan izin, *organized crime* dan transnasional. *Money laundering* juga amat cepat evolusinya di mana penjenayahnya amat bijak menyesuaikan teknik pelaburan agar sukar dikesan. Tambahan pula dengan adanya teknologi ICT Yang mempermudah dan mempercepatkan lagi urusan perniagaan. Apabila banyak keuntungan diperoleh daripada pelaburan *money laundering*, maka dengan sendirinya kemungkinan keuntungan ini digunakan pula untuk membiayai aktiviti jenayah adalah tertinggi. Sebab itu kita bimbang ia harus ditangani dengan tegas. Atas sebab inilah kita perlu menentang dengan apa jua cara untuk membasmi kegiatan ini kerana ia mampu melumpuhkan ekonomi negara dalam masa yang sangat cepat.

Pengubahan wang haram apatah lagi melalui perbuatan jenayah adalah satu perbuatan yang harus dibanteras habis-habisan. Malah saya juga menyokong penuh kerana pindaan ini juga bertujuan untuk meluaskan kuasa penyiasatan kepada kesalahan pembiayaan keganasan.

Saya juga di sini ingin membawa beberapa perkara, terutamanya kepada menteri yang mana menjawab beberapa soalan yang mana sebelum ini tanya oleh Ahli Dewan yang mana untuk mendapatkan berapa banyakkah syarikat pengurup wang yang dikuasai oleh masyarakat mengikut kaum



yang dikatakan yang mana tidak ada- aplikasinya bukannya seorang atas syarikat yang tidak dapat dimiliki. Saya fikir ada kemudahan untuk memberi ini untuk kepentingan kita dan masyarakat bumiputera ini tidak dipinggirkan. Saya fikir menteri akan memberikan satu jawapan untuk isu ini dan juga banyak benda yang kita dapat lihat sekarang ini yang mana sebesar-besar seperti gajah tidak nampak tetapi semut kecil yang nampak yang mana selalu Bank Negara ini terus hancurkan yang kecil-kecil ini. Akan tetapi yang berada di hadapan mata ada lagi yang besar yang berlaku tidak dapat dibanteras.

Banyak undang-undang baru yang telah dibawa oleh Bank Negara tetapi ini memberikan kemudahan tetapi tidak dapat menahan keseluruhan kegiatan mereka ini. Apabila kita buat semua ini di negara ini, mereka lari ke Singapura dan mereka jalankan sahaja. Semua transaksi yang ada sebelum ini masih berjalan sekarang ini tetapi bukannya di negara kita tetapi di negara jiran kita. So, ini yang mana saya difikirkan kementerian harus mengambil perhatian dan tindakan tegas terhadap kes-kes ini kalau tidak ini juga akan membawa banyak kerugian kepada negara kita.

Walau bagaimanapun apa yang saya harapkan, pelaksanaan akan dilakukan secara bersungguh-sungguh dan juga cukup berhemah agar Malaysia dapat mengambil tempat yang tertinggi di persada antarabangsa dalam agenda pembanterasannya pengaliran wang haram sedemikian. Dengan kata-kata ini saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan.

#### **12.07 tgh.**

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat sejahtera dan selamat tengah hari kepada semua. Sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini, ingin mengatakan bahawa ini adalah satu Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013 yang perlu disokong oleh kita semua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013 dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah mengambil inisiatif membuat beberapa penambahbaikan dengan beberapa pindaan kepada akta ibu iaitu Akta Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, Akta 613. Rang undang-undang ini yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada hari membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan memperkukuhkan lagi perundangan berhubung kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan bagi maksud menyokong gerakan keganasan.

Pengubahan wang haram secara langsung atau tidak boleh menimbulkan kesan negatif terhadap individu, masyarakat dan negara. Individu yang terjebak dengan kegiatan wang haram boleh menjejaskan reputasi mereka dalam suatu institusi sehingga menyebabkan mereka kehilangan

kepercayaan di kalangan orang sekeliling dan sesama mereka. Kesan pengubahan wang haram terhadap masyarakat pula akan meningkatkan kadar jenayah seperti pengedaran dadah, pelacuran, samun, perjudian dan sebagainya. Manakala kesan pengubahan wang haram kepada negara pula bukan sahaja menyebabkan kerosakan yang serius kepada integrasi dan integriti institusi kewangan yang tanpa disedari digunakan dalam membersihkan wang kotor, malah ia juga mengancam kestabilan kewangan, ekonomi dan politik negara itu. Oleh hal yang demikian, saya yakin dan percaya tidak ada siapa pun dalam Dewan yang mulia ini yang menentang pelaksanaan undang-undang ini memandangkan ia amat baik demi kepentingan negara.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada seksyen 4 berhubung takrif kesalahan pengubahan wang haram dan saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara yang berkaitan dengan dana dari luar negara yang ada di antaranya dikenal pasti dan ada yang tidak dan sukar untuk dikenal pasti. Kita mengetahui bahawa ada antara dana-dana ini disalurkan kepada pertubuhan politik dan juga NGO-NGO bagi tujuan bukan sahaja untuk menyokong pertubuhan itu, malah mungkin berniat untuk mencampuri hal ehwal politik negara dengan tujuan menjatuhkan kerajaan dan sebagainya.

Ini dapat dilihat dalam beberapa program yang berunsur hasutan, campur tangan isu agama, mempromosikan dan memberikan sokongan kepada isu-isu sosial seperti hak *lesbian, gay, bisexual*, dan *transgender* (LGBT). Perkahwinan dan sebagainya yang dibawa oleh beberapa pertubuhan NGO kononnya atas dasar hak asasi manusia. Tindakan mereka ini sama sekali tidak boleh diterima. Selain itu, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula dengan takrif parti-parti politik yang mendapat sokongan kewangan dari kumpulan gengster yang secara umum mengetahui punca pendapatan mereka adalah dari aktiviti jenayah seperti peras ugut, samun, pelacuran, perjudian, pengedaran dadah, dan lain-lain lagi?

Sebagai balasan, mungkin ahli kumpulan gengster ini mendapat imbuhan di atas sokongan mereka dengan lesen-lesen judi, pelacuran, dan politik atas aktiviti mereka yang haram itu. Oleh itu, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan adakah perkara yang saya sebut di atas ini boleh diterima untuk ditakrifkan sebagai suatu kesalahan dalam akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam membersihkan wang haram kita dapati banyak kaedah digunakan oleh penjenayah pengubahan wang haram ini. Perkara ini dapat kita lihat dengan cara melindungi wang haram ini melalui Skim Cepat Kaya. Pengambilan syarikat atau koperasi yang bermasalah, pembiayaan industri atau projek yang besar-besaran, pembelian saham, pembelian insurans, pinjaman wang berlesen dan pinjaman wang haram daripada *Ah long*, transaksi *Forex*, pertukaran wang asing, aktiviti perniagaan sah, dan *future communities*, dengan izin.

Kemajuan teknologi telah membolehkan pengubahan wang haram ini dilakukan oleh sistem perbankan *ATM, virtual money laundering*, dengan izin, kad prepaid, dan *internet banking*. Justeru itu, ia akan membolehkan transaksi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dapat dilakukan dengan mudah dan sukar untuk dikesan. Oleh yang demikian, saya minta penjelasan Yang Berhormat

Menteri sejauh mana instrumen dan mekanisme yang digunakan sekarang dapat membendung segala perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan ini.

Saya bertanya sedemikian kerana terdapat beberapa pelbagai kaedah yang licik yang digunakan oleh penjenayah wang haram untuk melindungi wang-wang haram mereka. Satu caranya ialah dengan menggunakan orang ketiga untuk menguruskan wang haram tersebut. Saya membangkitkan perkara ini kerana banyak kontroversi dan persoalan yang berkaitan dengan tatacara kawalan, perubahan wang haram yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa khususnya Bank Negara dan bank-bank perdagangan.

Walaupun Bank Negara mempunyai garis panduan bagi mengenal pasti saluran dan aliran perubahan wang haram dan pembiayaan untuk keganasan tetapi sekatan dan kawalan secara menyeluruh masih lagi belum mantap. Di luar sana terdapat banyak sindiket wang haram seperti pemerdagangan manusia sehinggalah sindiket jenayah kolar putih dan jenayah siber yang giat aktif dan melibatkan perubahan wang haram yang sangat banyak. Jadi, persoalannya adakah kegiatan perubahan wang haram mereka telah dapat dikenal pasti dan dikenakan tindakan?

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kesalahan-kesalahan di bawah akta ini telah menghukum semua bentuk kesalahan yang dilakukan sama ada kecil atau pun besar. Sebagai contoh, kegagalan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang terkandung dalam seksyen 112, Akta Cukai Pendapatan 1967, telah disenaraikan sebagai salah satu kesalahan berat dalam jadual kedua, Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan.

Agensi-agensi penguat kuasa boleh mengambil undang-undang apabila mana-mana individu ataupun syarikat terlibat di dalam kesalahan yang saya sebutkan tadi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar kesalahan terhadap kegagalan untuk menghantar *Borang Nyata Cukai Pendapatan* dan kegagalan di dalam membayar cukai tertunggak di dalam jumlah yang kecil tidak diletakkan di bawah akta ini.

Sebaliknya, hanyalah diletakkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Saya akui ianya adalah kesalahan. Akan tetapi masalah persepsi masyarakat harus difahami. Bila kita bercakap soal persepsi masyarakat, apabila seseorang terlibat dan dituduh di dalam akta ini iaitu perubahan wang haram, perkataan haram ini masyarakat akan melihat seolah-olah individu tersebut telah melakukan sesuatu kesalahan yang jijik dan juga kotor. Ada di antara mereka walaupun tidak membayar cukai bukan bererti mereka lari tetapi gagal untuk membayar cukai di dalam jumlah yang sedikit.

Maka, setelah kita faham berulang kali dihantar notis oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, masih tidak membayar tetapi akhirnya mereka akan ditahan untuk keluar negara. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau boleh kerajaan mempertimbangkan sekurang-kurangnya untuk tidak meletakkan mereka di bawah akta ini.

Akhir kata, saya yakin dan percaya jika ada ketegasan dalam soal penguatkuasaan akta ini, sudah pasti kegiatan perubahan wang haram akan dapat dibanteras atau paling tidak pun berada di tahap yang paling minimum. Sesungguhnya rows atau pun Akta Pencegahan Perubahan Wang

Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Pengubahan Penggubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 ini adalah baik, bagus dan mesti di sokong. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah.

**12.19 tgh.**

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dengan membuat beberapa pindaan kepada Akta Ibu iaitu Akta Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001...

■1220

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berhenti sementara, Yang Berhormat kerana hendak memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri membuat usul.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti, ya. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.20 tgh.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan seterusnya Usul Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 16 diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 1 Julai 2014.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat Datuk Jamilah.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Akta 613. Rang undang-undang yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada hari ini membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan lagi perundangan berhubung kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan bagi maksud menyokong gerakan keganasan. Pengubahan wang haram secara langsung atau tidak langsung boleh menimbulkan kesan negatif terhadap individu, masyarakat dan negara. Individu yang terjebak dengan kegiatan wang haram boleh menjejaskan reputasi mereka dalam sesuatu institusi hingga menyebabkan mereka kehilangan kepercayaan di kalangan ahli.

Kesan pengubahan wang haram terhadap masyarakat pula akan meningkatkan kadar jenayah seperti pengedaran dadah, pelacuran, samun, perjudian dan sebagainya. Kesan pengubahan wang haram kepada negara pula bukan sahaja menyebabkan kerosakan serius kepada integriti institusi kewangan yang tanpa disedari digunakan dalam membersihkan wang kotor, malah juga mengancam kestabilan, kewangan, ekonomi dan politik negara. Mengikut laporan yang diberi oleh Institut Bank-bank Malaysia (IBBM), pengubahan wang haram di peringkat global dianggarkan bernilai USD3 trilion setahun. Pembiayaan wang haram untuk gerakan keganasan pula akan menyebabkan negara berada dalam keadaan yang berbahaya sehingga boleh mencetuskan keadaan kacau bilau dan menyebabkan berlakunya peperangan serta menggugat keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Kita tidak boleh memandang remeh ancaman pengubahan wang haram dan penyaluran wang untuk gerakan pengganas. Justeru, saya bersetuju dan menyokong pindaan yang hendak dilakukan terhadap akta ini. Ini kerana ia membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan hukuman yang lebih berat lagi kepada pesalah. Lantas, diharap dapat membendung gejala jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengubahan wang haram dan wang yang disalurkan untuk menyokong gerakan pengganas, saya berasa begitu bimbang sekali dengan modus operandi jenayah yang dipraktikkan oleh penjenayah wang haram ini. Mereka menggunakan pelbagai kaedah dalam melakukan jenayah. Antaranya melalui unsur pelacuran, perjudian dan gengsterisme sehinggalah kepada yang berskala besar seperti membersihkan dan melindungi wang haram ini melalui skim cepat kaya, mengambil alih syarikat atau koperasi yang bermasalah, pembelian saham dan insurans, pembelian harta dan melakukan transaksi melalui *Forex* ataupun pasaran *future commodities*.

Dalam perkara ini, saya dapati kaedah pengubahan wang haram yang berselindung di sebalik aktiviti yang seolah-olah baik dan mematuhi undang-undang adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian

khusus. Saya percaya, banyak bentuk pengubahan wang haram dan bantuan kewangan untuk keganasan dilakukan cara ini. Oleh itu saya memohon unit perisik Bank Negara perlu memberi tumpuan dan perhatian yang lebih khusus lagi dalam perkara ini. Orang-orang kaya yang tidak begitu pasti akan asal usul sumber kekayaan mereka hendaklah disiasat dan diselidik. Ini termasuklah penggunaan *proxy* atau orang tengah untuk melindungi kegiatan haram dan aset mereka. Terkini, gerakan penjenayah wang haram ini semakin bijak. Mereka menggunakan khidmat peguam untuk menyamar sebagai tuan punya aset yang dibeli dengan menggunakan pengubahan wang haram ini. Di samping menggunakan khidmat peguam yang pakar dalam selok-belok undang-undang kewangan untuk memberi nasihat dalam mengendalikan hal ehwal perolehan wang haram tersebut.

Mengikut laporan *Global Financial Integrity Report*, aliran wang haram keluar dari Malaysia adalah yang keempat tertinggi di dunia bernilai USD154 bilion. Jumlah ini adalah sangat besar dan jika benar laporan ini, saya merasakan bahawa jenayah pengubahan wang haram dan wang untuk keganasan ini adalah di satu tahap yang amat berbahaya dan boleh meruntuhkan kerajaan, ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Kita mempunyai sistem perbankan yang canggih tetapi dengan pengaliran keluar wang yang begitu banyak dari dalam negara menimbulkan suatu persoalan di sini sama ada sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi terlibat benar-benar berkesan. Oleh itu saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri akan kebenaran laporan *Global Financial Integrity Report* itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Malaysia telah menyertai piawaian *Financial Action Task Force* (FATF) untuk membanteras kegiatan jenayah wang haram dan saluran wang untuk gerakan pengganas. Piawaian ini menggariskan negara kita perlu mematuhi dengan izin, *Forty Recommendation on Money Laundering, Terrorist Financing and Proliferation Financing of FATF*. Difahamkan Malaysia perlu mematuhi dan melaksanakan kehendak piawaian tersebut bagi membolehkan Malaysia diberi pengiktirafan sebagai negara yang bersih daripada segala bentuk aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. Justeru, dapat memberi persepsi yang positif kepada pelabur bahawa iklim ekonomi dan pelaburan negara adalah dalam keadaan baik dan sihat. Persoalannya adalah adakah dengan mematuhi kehendak piawaian FATF itu akan benar-benar dapat mengesan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas di peringkat besar sehinggalah ke peringkat akar umbi.

#### ■1230

Dalam banyak kes, kita banyak mengetahui bahawa pesalah pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas dalam kategori ikan bilis sahaja yang dapat ditangkap dan didakwa, manakala jerung sebenar masih bermaharajalela melakukan jenayah ini. Sebagai contoh, belum ada didapati agensi penguatkuasaan berjaya menangkap *master mind* ataupun komander sindiket pengedaran dadah yang dewasa ini aktif dan begitu berleluasa sekali yang melibatkan ramai rakyat asing dan rakyat Malaysia sendiri. Pihak yang dapat ditangkap hanyalah keldai dadah dan *runnemya* sahaja.

Berbalik kepada penyaluran keluaran wang secara besar-besaran itu, saya juga memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah pihak berkuasa telah dapat mengesan berapa banyak wang yang telah dihantar ke luar negara dan dimasukkan ke dalam bank-bank negara asing yang dilindungi seperti Swiss Bank. Adakah dapat dipastikan kesemua wang tersebut benar-benar yang halal dan bersih dari aktiviti kotor dan haram?

Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa kejadian pencerobohan dan penculikan yang dilakukan oleh kumpulan pengganas di perairan pantai timur Sabah. Dalam kebanyakan kejadian, ia akan berakhir dengan pembayaran wang tebusan kepada pengganas tersebut. Saya dapati perkara ini sudah menjadi satu trend yang diambil untuk mengatasi masalah sedemikian. Pada pendapat saya, cara ini bukanlah satu jalan penyelesaian yang terbaik kerana pengganas tersebut akan mengulangi lagi perbuatan mereka itu. Bagi mereka, ini adalah satu cara jalan yang mudah dan menguntungkan. Namun, persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini ialah bagaimana kumpulan pengganas ini dapat mencerooboh negara tanpa sokongan kewangan yang kuat dari pihak-pihak tertentu. Dalam modus operandi pengganas dari selatan Filipina ini, keupayaan mereka untuk melakukan sesuatu gerakan banyak bergantung pada sokongan yang diberikan oleh orang ramai kepada mereka. Wang yang disalurkan biasanya akan diguna untuk membeli senjata dan bahan letupan serta digunakan untuk melancarkan gerakan bawah tanah.

Dalam isu keganasan di Sabah, saya percaya ada pihak tertentu yang menyalurkan bantuan kewangan kepada pengganas. Saya percaya sumber kewangan ini diperolehi dari wang-wang yang dikumpulkan hasil kutipan derma melalui kempen-kempen tertentu dan tidak mustahil juga yang disampaikan adalah wang yang didermakan oleh ramai pendatang asing tanpa izin ataupun PATI yang berada di Sabah yang menjadi penyokong kuat kumpulan pengganas ini. Kebanyakan wang yang disalurkan adalah berbentuk tunai. Oleh itu, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah mekanisme yang paling berkesan untuk mencegah saluran wang kepada ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat. Simpulkan ya.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Teruskan.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** ...Kepada kumpulan pengganas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, demam pertandingan bola sepak Piala Dunia FIFA sedang hebat dirasai oleh segenap penduduk dunia sekarang termasuklah negara kita Malaysia. Namun yang mendukacitakan, kesempatan ini diambil untuk sindiket judi untuk menjalankan operasi perjudian haram yang melibatkan pertaruhan berjuta-juta ringgit. Kebanyakan sindiket perjudian haram ini dijalankan secara *online* melalui internet. Pada Piala Dunia 2010, sebanyak RM437 juta telah dikesan membabitkan wang pertaruhan perjudian bola sepak. Angka ini bukanlah sedikit dan pemantauan secara rapi mesti dilakukan untuk membendung gejala ini supaya tidak terus menular dalam kalangan kaki judi yang mahu mengaut keuntungan cara mudah dan cepat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Sila.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang judi bola ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, sekarang ialah zaman kita menjalankan *e-Commerce*. Jadi setujukah Yang Berhormat, kita mesti ada undang-undang yang lebih berkesan, lebih ketat untuk mencegah jenayah-jenayah internet ini?

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Lim, saya setuju semua asalkan biar ia satu undang-undang yang baik dan berkesan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi. Pertaruhan atau perjudian bola sepak bukan hanya berlaku dalam kalangan orang dewasa dan kaki judi, budak-budak sekolah pun pandai bertaruh. Ini merupakan asas judi bagi mereka yang mula bertaruh RM1 atau RM2 kemudian membawa kepada puluhan dan ratusan ringgit jika ada kemampuan. Tidak dinafikan bahawa kuasa yang cukup besar sehingga boleh berlaku pelbagai jenis penipuan di samping wujud amalan rasuah yang boleh membawa kejatuhan sesuatu pasukan boleh sepak melalui perjudian haram ini. Saya tidak hairan pada musim pertandingan bola sepak piala dunia, para ah long yang menjadi peminjam wang secara haram ini akan bergerak aktif secara berleluasa untuk menyalurkan pinjaman kepada kaki judi bola sepak yang nampaknya semakin galak sekarang.

Saya difahamkan banyak operasi perjudian haram ini berpangkalan di luar negara. Keadaan ini amat menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan tanpa bantuan dan kerjasama daripada pihak berkuasa negara yang terlibat. Oleh itu saya ingin mengetahui, apakah bentuk kerjasama yang ada di antara negara kita dengan negara lain dalam membanteras kegiatan sindiket perjudian haram melalui internet ini? Bagi membanteras segala bentuk aktiviti judi haram, saya mencadangkan supaya semua *cyber cafe* yang diberi lesen hendaklah dihadkan di kawasan yang khas sahaja dan premis ini hendaklah dipasang dengan CCTV yang membolehkan pihak berkuasa memantau aktiviti di *cyber cafe* tersebut.

Dengan itu, saya mohon mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada rakan-rakan yang seagama dengan saya. Dengan itu, saya mohon menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

**12.39 tgh.**

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2014.



Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan ini membuat banyak pindaan, penggantian-penggantian kepada seksyen-seksyen yang sedia ada dengan seksyen yang baru dan tambahan-tambahan seksyen yang baru supaya akta yang baru ini lebih menyeluruh, komprehensif, jelas dan nyata, kemas dan lengkap.

■1240

Pindaan-pindaan penggantian dan seksyen baru ini memberi takrifan dan definisi yang lebih terperinci, lebih tepat supaya tidak sesiapa pun boleh lari dan berselindung. Tidak ada lagi elemen keraguan kerana perubahan kepada rang undang-undang ini begitu jelas sekali. Saya ucapkan tahniah di atas telitinya pindaan dibuat dan telah diperketatkan undang-undang supaya tidak ada lagi ruang untuk penjenayah berselindung memutar belit dan lari dari dihukum di atas kegiatan penipuan dan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Saya juga amat mengalu-alukan hukuman yang lebih berat yang dikenakan sebagai langkah pencegahan yang efektif.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Kegiatan Keganasan 2014 ini akan menyokong kerangka perundangan yang diperlukan di dalam membanteras jenayah secara keseluruhannya di samping memperkukuhkan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi negara. Saya percaya bahawa pindaan kepada rang undang-undang ini memastikan negara akan mencapai empat manfaat dan lima objektif untuk negara kita seperti yang dibentangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedar bahawa pengubahan wang haram ini adalah hasil daripada kelebihan keuntungan yang diperolehi daripada transaksi-transaksi kebanyakannya adalah daripada urusan niaga yang tidak dapat direkodkan. Kalau kita lihat kegiatan jenayah yang berlaku dalam negara kita ini tergolong dalam banyak kategori. Di antaranya pengedaran dadah, penipuan dalam transaksi perniagaan, penyeludupan, pelarian cukai, rasuah dan juga premis-premis perjudian yang tidak dilesenkan. Akan tetapi malangnya, ada juga kesalahan-kesalahan jenayah ini yang berlaku kini mempunyai peruntukan untuk mensabitkan kesalahan tetapi tidak ada peruntukan dalam kesalahan ini yang membolehkan hasil daripada keuntungan jenayah yang dilakukan bertahun-tahun ini diambil ataupun disita oleh pihak berkuasa.

Ada beberapa kes jenayah contohnya yang melibatkan Akta Kastam 1967, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 di mana kesemua akta ini adalah akta-akta yang akan mensabitkan seseorang itu dari segi kesalahan jenayah tetapi jenayah mereka terlibat ini menyebabkan mereka ini berjaya mengumpul harta yang banyak beratus-ratus juta dan mereka dapat menyimpan harta-harta ini. Kemudian apabila mereka didapati bersalah dimasukkan ke dalam penjara dan apabila keluar beberapa tahun kemudian telah habis menjalani hukuman penjenayah ini akan hidup dengan begitu mewah sekali dengan wang hasil daripada kegiatan jenayah mereka atau sekiranya mereka ingin meneruskan kegiatan jenayah mereka lagi ia akan lebih mudah kerana penjenayah-

penjenayah ini sudah pun ada modal yang banyak yang telah disimpan dan tidak boleh disita oleh kerajaan. Pindaan ini saya rasa adalah yang terbaik sekali menentukan bahawa ini tidak boleh lagi berlaku dan pembekuan sitaan boleh dilakukan oleh pindaan yang akan diadakan.

Saya juga ingin menyebut tentang kegiatan siber kasino yang juga sering didalangi oleh mereka yang ada kaitan dengan penjenayah. Masalah siber kasino ini bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur. Ia berlaku di seluruh negara di merata-rata tempat, di kampung-kampung baru, di kawasan-kawasan FELDA pun saya difahamkan ada siber kasino ini. Akan tetapi mereka yang berkecimpung dan terlibat dalam soal perjudi ini adalah melibatkan remaja-remaja. Kadang-kadang ada yang kanak-kanak sekolah pun menghabiskan banyak wang mereka dan perjudi. Walaupun tindakan diambil oleh pasukan berwajib tetapi setelah diserbu dan tindakan diambil lepas dua tiga hari kemudian mereka buka balik semula. Kenapakah penguatkuasaan kita begitu lemah dan tidak tegas. Jadi rakyat pun mulalah mengatakan ada penyelewengan atau rasuah berlaku.

Jadi yang merisaukan saya adalah kesan kanak-kanak ataupun remaja yang perjudi ini. Bila mereka kalah apakah yang hendak mereka buat. Jadi saya dapati bahawa kalau kita biarkan ia akan memulakan rangkaian jenayah iaitu mulalah mencuri mungkin daripada keluarga sendiri. Kemudian kegiatan meragut, pecah rumah, curi kereta, curi motor dan sebagainya. Ini kerana penjenayah-penjenayah yang kecil ini atau yang dewasa yang kalah itu sudah ketagih dan menghabiskan duit mereka di dalam *outlet* perjudian. Pada masa yang sama ia juga boleh mewujudkan aktiviti *Ah long*. Bila sudah kalah judi mulalah pinjam cari *Ah long*. Senang hendak pinjam. Yang menang dan yang untung juga boleh menjadi seorang *Ah long*. Jadi bila untung banyak mulalah *Ah long* ini mewujudkan gengsterisme *culture* dalam kawasan beroperasi. Bila ini berlaku masyarakat kita sendiri tidak lagi merasa selamat. So, boleh dikatakan bahawa duit haram memang menggalakkan jenayah iaitu *illegal money*, dengan izin, *bricks crime*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa memang banyak berlaku kewangan dari luar negara yang masuk mungkin dengan tujuan yang boleh mengganggu-gugat kesejahteraan dan keselamatan negara tetapi sampai sekarang kebanyakannya tidak dapat dikesan ataupun mungkin dikesan tetapi tidak dilaporkan. Saya berharap bahawa rang undang-undang ini akan berjaya membanteras dengan efektifnya kegiatan penjenayah membantu kumpulan-kumpulan militan di negara kita ataupun kumpulan-kumpulan militan dari negara lain yang menyeludup masuk ke negara kita kerana akhir-akhir ini telah kita dengar berita-berita penangkapan yang mungkin ada penglibatan keganasan.

Saya dimaklumkan ada juga kes-kes di mana parti-parti politik ataupun NGO-NGO didatangi oleh agen-agen yang menawarkan bantuan kewangan kepada NGO-NGO ini tetapi selepas dapat peruntukan-peruntukan yang dijanjikan mereka mesti berkongsi 50/50. Wang ini datangnya dari sumber yang mana. Kita kenalah peka dengan kegiatan sebegini dan seharusnya NGO-NGO ini melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa supaya boleh diselidik dan kita takutlah bahawa mungkin ini adalah salah satu cara untuk membersihkan wang yang kotor.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua kegiatan militan-militan dari Malaysia yang beroperasi di luar negara umpamanya di Syria yang dipaparkan di akhbar *The Star* minggu lepas adalah satu fenomena yang baru dan amat menakutkan. Siapakah yang membiayai dan melindungi mereka ini. *Headline* artikel, 27 hari bulan Jun menyatakan dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*They are militants and flaunting edge*". Dia hendak semua orang tahu. Pada masa itu dikatakan juga mereka ini adalah militan yang menganggotai kumpulan keganasan. *The new edge jihadists* di Syria yang menghebahkan aktiviti mereka melalui *social media*, *posting selfie* di *Facebook* dan video di *Youtube*. Mereka bangga dengan apa yang mereka buat.

#### ■1250

Adakah perkara ini hendak kita biarkan sahaja atau perlukah kita ambil tindakan? Tidakkah kita dapat mengenal pasti di manakah pusat mereka di sini? Siapakah yang melatih dan merekrut mereka ini? Saya khuatir, budaya ini akan jadi ikutan kepada muda mudi yang lain yang mungkin hendakkan *adventure* atau sesuatu yang mencabar atau adakah mereka ini dijanjikan sesuatu ganjaran yang besar. Saya juga khuatir tentang keselamatan anak-anak kita yang di luar negara yang akan ditangkap oleh sebab kegiatan ini.

Saya dimaklumkan bahawa rakyat Malaysia yang ditahan di Lebanon pada tahun 2012 kerana disyaki terlibat dengan Al-Qaeeda masih di dalam penjara di Lebanon dan menunggu untuk dibicarakan. Apakah akan jadi pada mereka ini dan adakah Kementerian Luar memantau kebijakan mereka? Tidakkah kita boleh mengawal perkara ini dan kenapa ada rakyat Malaysia fanatik sangat sehingga sanggup menjadi *suicide bombers* pun ada.

Fenomena ini dan kebanggaan melakukan jenayah kebangsaan ini dikaji sebab-sebab dan puncanya dan diambil tindakan. Juga perlu ada ketegasan supaya jangan menjadi satu ikutan kepada yang lain dan yang membiayai mereka ini juga sama-sama mesti dibawa ke pihak pengadilan untuk hukuman. Jadi saya kira inilah satu-satunya perkara, fenomena yang baru yang harus kita tangani dengan segera. Jangan kita biarkan sahaja laporannya keluar tetapi tidak ambil tindakan apa-apa. Jadi itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, bagus Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

#### 12.52 tgh.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kerana kementerian telah membentangkan satu pindaan bagi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013. Justeru dengan pindaan ini, aktiviti penguatkuasaan dan kawalan kerajaan terhadap aktiviti pengubahan wang haram dapat diperhebat lagi, lebih komprehensif dan *inclusive* meliputi segenap bidang ekonomi dan lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian pencerobohan Lahad Datu, jenayah gengsterisme, pengedaran dadah, perjudian dan pertaruhan haram, pelacuran dan eksploitasi manusia serta militan merupakan ancaman kepada keselamatan negara dan banyak negara dunia. Kecenderungan pihak penjenayah terbabit dalam institusi dan agensi penguatkuasaan kerajaan secara memberi ancaman dari segi ugutan jenayah, kekerasan dan rasuah menyebabkan betapa perlunya akta ini dipinda untuk bertindak dengan lebih komprehensif dan menterjemahkan betapa serius kerajaan memerangi gejala pengubahan wang haram.

Oleh yang demikian, dalam Fasal 4 yang meminda seksyen 3(1) akta ibu bagi memberikan rangkuman yang lebih luas gejala aktiviti haram dan pentakrifan hasil daripada aktiviti haram amatlah dialu-alukan. Sejalan dengan kelicikan operasi dan penggunaan pelbagai media ekonomi dalam menzahirkan aktiviti haram dan mereka bentuk hasil daripada aktiviti haram, saya mohon kerajaan memperluaskan kuasa untuk menguatkuasakan akta ini kepada pelbagai agensi penguat kuasa kerajaan kerana pada masa ini sindiket pengubahan wang haram ini telah meresapi sistem ekonomi negara dan mungkin penglibatan beberapa individu atau kumpulan penguat kuasa menyebabkan aktiviti haram ini menular dengan mudah.

Saya ingin merujuk kepada laporan *Harian Metro* Sabtu, 28 Jun 2014 di mana ah long atau pemberi wang berlesen telah menggunakan perniagaan MLM sebagai media baru bagi memberikan pinjaman untuk peserta MLM yang ingin mengecap kejayaan skim perniagaan secara langsung dengan lebih tepat. Oleh itu sindiket pemberi pinjam wang yang dilesenkan di bawah peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 telah memasuki dan menginstitusikan dengan mengeksploitasikan peniaga-peniaga jualan langsung untuk mendapat kaedah singkat bagi kenaikan pangkat dan bonus prestasi MLM dengan meminjam sejumlah besar modal sehingga RM50,000 bagi menampung pembelian barangan syarikat MLM dan menikmati janji dagang syarikat MLM.

Akhirnya, sekiranya barangan yang dibeli gagal dijual, maka peniaga yang meminjam dari ah long ini terperangkap dengan bebanan hutang yang ketara dan menjejaskan keadaan kewangan peniaga jualan langsung kerana faedah melampau hutang ah long itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia perlu bertindak dengan lebih tegas dan efektif bagi membendung penipuan dalam teknologi ICT. Sehingga kini, teknologi ICT telah disalah guna untuk memerangkap individu melalui media sosial dan e-mel palsu bagi memerangkap dan menipu orang awam. Gejala penipuan dalam ICT ini meliputi kaedah jualan langsung, peraduan dan juga sabotaj akaun dan kecurian wang melalui perbankan internet.

Saya juga ingin menggesa kerajaan untuk melihat semula beberapa perundangan statutori bagi Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 yang melesenkan pengurup wang kerana saya khawatir akan berlaku pakatan di antara pemilik pengurup wang dengan sindiket antarabangsa bagi mengubah wang haram. Pemeriksaan dan pemantauan secara berkala dan mengejut perlu dilakukan agar

kecenderungan pihak yang menjalankan aktiviti haram menggunakan perkhidmatan pengurup wang dapat diatasi sepenuhnya.

Bagi memantau pemindahan rentas sempadan, wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menyemak semula beberapa institusi kiriman wang keluar negara dengan melakukan audit lebih tegas dan sistem kawal selia yang boleh memintas apa-apa perlakuan dan gejala pemindahan wang. Untuk itu, Kementerian Kewangan dengan bantuan pelbagai agensi atau pemeriksa yang berwajib perlu bekerjasama dengan lebih erat dan bersedia untuk membanteras gejala pembiayaan keganasan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, kelicikan jenayah kolar putih atau penggiat aktiviti haram mengubah hasil daripada aktiviti haram amat kompleks kini. Saya dimaklumkan bahawa melalui instrumen kewangan dan perniagaan *Forex*, dagangan komoditi emas dan niaga hadapan komoditi menjadi pilihan mereka untuk memperdayakan penguat kuasa. Semalam, *Mingguan Malaysia* melaporkan kegagalan pihak berkuasa membanteras gejala judi dan pertaruhan awam yang berlaku di sebalik pusat hiburan dan *cyber cafe* di mana kawasan operasi seperti di Pasar Borong Selayang, Setapak, Genting Klang dan beberapa kawasan ekonomi strategik memerlukan tindakan penguat kuasa lebih keras dan tegas. Oleh itu, sesuai dengan pindaan ini agar semua operasi membendung gejala perjudian haram ini, memerlukan agensi penguat kuasa kerajaan tempatan diberikan kuasa perlu untuk menggunakan akta ini bagi tujuan penguatkuasaan. Ini akan membantu penggiat aktiviti haram dihapuskan operasi dan *cartel* jenayahnya.

Selain daripada itu, saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan tahniah juga terhadap Kementerian KPDNKK kerana telah bertindak tegas membanteras penyeludup minyak dan mengambil tindakan membekukan akaun pihak yang ditangkap yang telah terbabit. Oleh itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan memohon dengan lulusnya akta ini, aktiviti penguatkuasaan lebih komprehensif dan efektif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Pukul 12.59 tengah hari. Ada, kita ada satu minit lagi. Jadi, di sebelah petang nanti, mungkin kita ada empat orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskan rang undang-undang ini dan selepas itu kita akan minta pihak kementerian untuk menjawab. Kita masih ada lagi tiga rang undang-undang yang hendak dibahaskan. Kita cuma ada esok untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Jadi, saya mohon kerjasama semua pihak Yang Berhormat supaya yang telah menghantar nama itu supaya berada di dalam Dewan. Ini kerana kalau Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat boleh mendengar jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Kita sambung balik sebelah petang, jam 2.30 petang.

Terima kasih Yang Berhormat.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]***

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan kita sambung semula perbincangan kita. Mengikuti rekod di sini yang terakhir sekali Yang Berhormat Hajah Mariani. Adakah, sudah habis? Kalau sudah habis saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pok amai-amai belalang kupu-kupu,  
Tepuk biar ramai kita dapat akta baru.  
Pok amai-amai belalang kupu-kupu,  
Tepuk biar ramai Malaysia makin maju.  
Pok amai-amai belalang kupu-kupu,  
Tepuk biar ramai BN dihatiku.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang tepuk amai-amai ni Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *[Ketawa]* Tiga rangkap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggambarkan latar belakang dahulu tentang jenayah di Malaysia. Sebelum saya baca akta ini, mengikuti *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* menganggarkan jumlah pengubahan wang haram di peringkat global adalah antara 2% hingga 5% jumlah KDNK seluruh dunia. Jika yang demikian, pengubahan wang haram di peringkat global dianggarkan bernilai antara USD2 trilion yakni USD6 trilion hingga USD3 trilion, yakni USD3 trilion setahun. Banyak itu, besar itu.

Di peringkat Malaysia negara kita dari tahun 2001 hingga tahun 2003 jumlah amaun yang disiasat bagi kesalahan berat seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

Jenis kesalahan	Jumlah Kes
Penipuan	7,893
Penyeludupan	2,155
Dadah	1,435
Jenayah cukai	1,046
Curi dan rompakan	309
Lain-lain	198

Berikut adalah kes siasatan yang dibuka oleh agensi-agensi penguat kuasa sepanjang 2001 hingga 2003:

<b>Agensi Penguat kuasa</b>	<b>Kertas Siasatan</b>
PDRM	219
SPRM	119
LHDN	115
Jabatan Kastam	14
Bank Negara Malaysia (BNM)	5
KPDNKK	5
Suruhanjaya Sekuriti	1
<b>JUMLAH</b>	<b>568</b>

Amaun disiasat bagi kesalahan berat berjumlah RM13.1 bilion. Amaun disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan berjumlah RM567.97 juta. Jenayah kolar putih tahun 2012 bilangan kes 18,000, jumlah nilai transaksi RM1.6 bilion. Tahun 2013 bilangan kes 16,600, nilai transaksi RM1.78 bilion.

Apa yang saya pertahankan tadi menggambarkan jenayah yang melibatkan istilah pengubahan wang haram begitu besar baik di peringkat dunia mahupun di peringkat negara kita sendiri. Oleh sebab itu saya berdiri di sini bukan sahaja untuk bercakap tentang akta ini tetapi juga untuk turut serta menyokong akta ini. Bagi saya akta ini merupakan satu rang undang-undang yang bagus, yang bersifat murni dengan tujuan untuk mencapai, merangkumi tujuan-tujuan tertentu. Ada empat tujuan yang boleh saya simpulkan:

■1440

- (i) untuk kurangkan jumlah keseluruhan kadar jenayah dalam negeri seperti yang saya sebutkan tadi;
- (ii) untuk memperkukuhkan ekonomi dengan meningkatkan integriti serta keyakinan orang ramai dan komuniti antarabangsa;
- (iii) untuk meningkat sumber pendapatan negara dengan mengurangkan kebocoran, penipuan yakni diistilahkan sebagai ketirisan; dan
- (iv) untuk memperkukuhkan reputasi Malaysia sebagai negara yang komited dan serius dalam menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan penganas.

Apa tidaknya, hari ini tahun 2014, sudah dua kali akta ini dipinda. Pertama, pada tahun 2001 dan kedua tahun 2003. Harapan saya bukan dalam masa dua hingga tiga tahun pinda lagi, pinda lagi. Tebal, banyak isi, banyak rencana, banyak tujuan.

Saya sokong akta ini dan saya hendak timbul isu-isu yang berkaitan. Pertama, isu takrifan pengganas. Siapakah yang dimaksudkan pengganas? Mungkin kepada negara lain dan bukan pengganas kepada kita. Melibatkan juga isu tekanan atau *pressure* daripada negara-negara barat khususnya Amerika Syarikat yang mempunyai agenda sendiri. Mohon huraian selain pengganas seperti dinyatakan di bawah *United Nations Consolidated List* (UNSL) yang mana diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Selain daripada kita dengar iaitu pengganas Taliban, Al-Qaeda. Kalau negara kita JI. Apa yang saya tahu, mungkin ada lagi pengganas lain di peringkat antarabangsa yang tidak adil diistilahkan. Contoh, bagi sayalah, Yahudi, Israel juga ialah pengganas sebab menzalimi rakyat Palestin, rakyat Arab termasuk memusnahkan Masjid Al-Aqsa. Itu satu contoh.

Kedua, isu pengaliran dana dari dalam ke luar negara. Mengikut laporan *Global Financial Integrity* (GFI) menyebut aliran keluar duit Malaysia iaitu yang keempat tertinggi di dunia mencecah USD154 bilion. Jumlah yang terkumpul sepanjang 2002 hingga 2011 adalah RM370 bilion, bukan MH370. Mengikut Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Institut Bank-bank Malaysia, jumlahnya adalah trilion setahun. Jadi berdasarkan kenyataan ini, saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi satu *figure* yang tepat, yang boleh dijadikan panduan. Kita tidak usah bermain dengan *Errors & Omission Regulation* bagi Malaysia untuk menyatakan ada orang kata lebih kurang 18 bilion setahun sepanjang sepuluh tahun kita berada.

Jadi, isu ini penting sebab kita hendak tahu dengan tepat. Saya harap MoF mampu menjelaskan jumlah yang betul-betul terjadi. Kajian berkaitan aliran wang haram oleh GFI hanya merangkumi negara-negara tertentu sahaja. Tidak membuat kajian terhadap negara-negara maju seperti Amerika, Perancis, United Kingdom dan Jerman, yang saya peliknya tidak termasuk negara Singapura dan juga Hong Kong yang merupakan pusat kewangan antarabangsa. Apa sebab tidak termasuk?

Seterusnya, isu penyertaan hadir jenayah yang telah disabitkan kesalahan. Ini sesuai dengan seksyen baru 44A, halaman 39, 40, fasal 7 dan sebagainya. Kelemahan akta-akta tertentu seperti Akta Kastam 1967, Akta Cukai 1967, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang tidak mempunyai peruntukan menyita harta penjenayah yang terkumpul hasil daripada kegiatan jenayah mereka. Apa yang saya tahu hanya dua akta sahaja iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Dadah Berbahaya (Pelucutan Hak) yang melibatkan pembekuan, penyitaan dan pelucutan harta sedangkan kita ada lebih kurang 40 perundangan yang kita tidak mempunyai hak hanya dua.

Saya cadangkan supaya kementerian kaji balik untuk sita dan beku semua 40 perundangan di Malaysia. Jadi, baru nampak adil sebab negara lain termasuk UK, termasuk Australia, Kanada, Singapura juga menyatukan semua kuasa penyiasatan tentang pembekuan, penyitaan dan pelucutan hak di bawah satu akta sahaja sebagai mana akta yang dibentangkan ini. Yang lain-lain, lagi 38 tidak masuk ini. Oleh itu, saya syorkan supaya mana-mana akta yang berkait rapat dan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan hendaklah disamaratakan.



■1450

Isu (D), isu perjudian di *internet cafe* atau di *cyber casino* yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Tindakan penguatkuasaan yang tidak berkesan. *Internet cafe* diserbu, digeledah dan dirampas peralatannya, pun dua tiga hari selepas itu atau seminggu selepas itu boleh dibuka semula. Remaja termasuk orang dewasa yang kalah judi melakukan jenayah semula berulang-ulang dan menggalakkan percambahan *Ah long*, bercambah-cambah. Saya hendak tahu juga bilangan *Ah long* yang ada di Malaysia berapa. Katanya makin disekat, makin disiasat, makin ditangkap, makin tumbuh seperti cendawan di musim hujan. Jadi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mengeluarkan lesen perlu siasat semula supaya mana-mana pengusaha *internet cybercafe* disiasat latar belakang mereka dengan lebih terperinci kerana kebanyakan pengusaha *internet cybercafe*, rekod mereka adalah berkaitan dengan rekod yang tidak baik, bukan semua tetapi majoriti.

Isu (E), isu penguatkuasaan dari sudut rasuah dalam penguatkuasaan. Perlu dipantau bukan sahaja penjenayah tetapi juga individu-individu kuat kuasa yang melindungi mereka kerana saya tahu dan orang tahu, ada duri dalam daging.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak boleh lagi. Saya tengah syok. Nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa panjangkah lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada separuh lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ringkaskan sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Isu deposit wang haram seperti Pak Man Telo. Perlu ada kempen kesedaran supaya orang ramai tidak mudah tertipu. Dengan pindaan-pindaan ini, perkara-perkara demikian boleh ditangani.

Isu (G), isu *anti-money laundering*. Saya minta supaya keberkesanan pihak perbankan dalam memantau semua akaun yang mencurigakan. Perlu diluluskan oleh rang undang-undang *Anti-Money Laundering Act* (AMLA) untuk menggantikan kelemahan-kelemahan yang ada. Saya juga hendak minta isu penyalahgunaan kuasa dalam menyita aset-aset yang dilucut hak. Perlu ada *check and balance* di mana pihak yang menyita perlu mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi, tidak hanya kepada Jabatan Peguam Negara sahaja.

Saya juga minta supaya isu pendakwaan secara terpilih dibatalkan. Bagi saya, perlu ada satu mekanisme di mana pihak berkuasa tidak boleh mengambil kes secara terpilih. Mereka yang bersalah, tidak kira ahli politik, pegawai polis, pegawai penguat kuasa, pegawai kerajaan, Menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri, ahli korporat yang terkenal hendaklah didakwa apabila mereka bersalah. Oleh itu, tidak ada lagi pendakwaan secara selektif.

Lain-lain isu ialah isu Singapura menjadi pusat penyimpanan selamat wang haram dari Malaysia. Saya hendak tanya adakah benar dakwaan ini? Adakah betul hendak simpan wang dengan selamat pergilah ke Singapura?

Lain-lain isu ialah isu keberkesanan Bank Negara Malaysia dalam membendung kegiatan pengubahan wang haram dan isu pembiayaan penganas. Penilaian terhadap keberkesanan Bank Negara memantau bank-bank lain dalam menilai pelanggan-pelanggan yang ada hendaklah dibuat dari semasa ke semasa. Apakah yang saya hendak tekankan ialah negara kita dalam isu *money laundering* menduduki tempat ke berapa? Ia ada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah dikatakan *blacklist*, ada berapa negara? Adakah Malaysia termasuk dalam *blacklist*?

Kedua isu *greylist*, adakah Malaysia termasuk *greylist*? Ketiga, *whitelist*, *list* putih. Jadi Malaysia duduk di tempat yang mana dalam 194 buah negara di dunia ini, Malaysia berada di tempat yang mana? Kalau Malaysia berada di tempat *whitelist*, syukur, Malaysia masih lagi ada wibawa dan integriti.

Isu yang lain, isu perjudian bola sepak Piala Dunia, *FIFA World Cup* sekarang. Saya hendak tanya juga, perlunya pangkalan data berpusat diwujudkan antara Bank Negara dan jabatan seperti PDRM, LHDN, SPRM dan imigresen supaya pencegahan wang haram tidak berlaku di sini sebab saya tahu ada kenyataan bahawa isu perjudian bola sepak Piala Dunia ini tidak akan berlaku apabila satu komuniti diwujudkan antara Bank Negara dengan apa yang saya sebutkan tadi.

Isu dakwaan deposit 1Malaysia Development Berhad di Pulau Cayman berjumlah RM18.1 bilion. Saya minta penjelasan daripada kementerian, adakah benar ada orang Malaysia atau negara Malaysia pindah wang ke Pulau Cayman berjumlah RM18.1 bilion sebab saya tahu 1MDB diperuntukkan sebanyak RM5 bilion untuk pelbagai tujuan.

#### ■1500

Isu yang akhir, isu jenayah kolar putih yang semakin meruncing. Juga saya minta huraikan butiran penuh, berapa banyak yang ditangkap. Apa pun, saya nak ringkas-ringkas tentang isu pengedar siber kasino, pengendali siber kasino ada berapa? Kedua, laporan GFI yang sangkal Malaysia tidak terlibat, tidak komited dengan wang haram. Ketiga, isu-isu NGO yang mendapat biayaan luar negara. adakah berlaku? Keempat, isu rasuah dalam kuat kuasa. Terakhirnya ialah penggunaan teknologi terkini dalam pencegahan jenayah seperti *scanner* dan lain-lain alat.

Akhirnya, saya sokong. Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada banyak masa hendak kupas ini. Apa pun, saya timbulkan banyak isu tadi. Harapan saya mendapat jawapan dan akhirnya, saya sokong penuh tentang rang undang-undang ini untuk tujuan keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara kita Malaysia. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam* Yang Berhormat. Saya mengikut apa Yang Berhormat cakap. Inti patinya seolah-olah Yang Berhormat menyatakan dasar undang-undang ada, penguatkuasaan mesti diketatkan dan pendakwaan mesti dijalankan tanpa memilih bulu dan sebagainya. Adakah yang itu benar Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya silakan Dato' Khairudin.

### 3.03ptg.

**Dato' Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013.

Saya menyokong sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman Bakar. Bagus, cuma dia setengah jam, dia pulun habis semua. Habis semua. Itu pun dia kata ada yang dia belum kupas lagi. Kalau kita bagi dia kupas Tuan Yang di-Pertua, pukul 4 pun belum tentu. Modal-modal kita pun habis. Akan tetapi, saya rasa kita pun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau modal dah habis, Yang Berhormat *just* ringkas sahajalah.

**Dato' Khairudin Samad:** Berkongsi, berkongsi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin Samad:** Yang pertama, saya bersetuju tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa penguatkuasaan kita ini, penguatkuasaan yang undang-undang ini macam mana? Kita buat tebal mana sekalipun, kita lulus dalam Dewan yang mulia ini pun tetapi penguatkuasaan itu yang perlu. Ini kerana kalau tidak ada penguatkuasaan yang ketat, yang didakwa terus, jadi apa yang berlaku dalam laporan *The Star* pada hari ini.

Ini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita melawat hari Jumaat di KLIA2 di kawasan tahanan imigrasi. Daripada laporan yang saya baca dalam- ini perdagangan manusia. Laporan yang saya baca dalam *Star* [*Merujuk kepada naskhah surat khabar The Star*], 650 yang ditangkap, hanya sembilan yang kena dakwa. Sebanyak 650 tangkapan dibuat tetapi hanya sembilan orang sahaja yang didakwa. Kalau undang-undang ini kita luluskan, kita minta supaya ia tidak berlaku seperti ini.

Ini kerana kalau kita bercakap soal pemindahan wang haram ini, macam kata Dato' Rahman tadilah, ia meliputi pelbagai, terutama sekali perjudian. Bukan kita hendak sentuh soal- tak mahu sentuh soal keganasan ini, bukan kita tak nak sentuh. Keganasan ini berlaku, betul. Akan tetapi saya rasa sedikit sangat wang haram yang keluar untuk keganasan. Bila sebut keganasan sahaja, persepsi orang, Islam. Bila kena sahaja, persepsi orang, Islam, kerana apa? Ini kerana Barat kata Dato' Rahman tadi, saya bersetuju- kerana Barat dan Amerika dah cap yang itu. Dah buat segala-galanya untuk memberitahu kepada dunia, Islam itu ganas.

Maka, kita pun terikut-ikut. Hendak gubalkan undang-undang kerana takut sat lagi orang Islam jadi ganas. Padahal kita pun orang Islam, negara Islam. Jadi, kita kena tengok benda-benda ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya bersetuju sangat. Bukan saya kata saya tidak menyokong undang-undang. Saya menyokong. Ini kerana kita pun tidak mahu kompromi dalam soal keselamatan. Kita tidak akan kompromi. Kalau ada, tangkap, kita sokong, kita setuju. Tangkap sahaja. Kalau soal keselamatan,

jangan ada kompromi. Kita tangkap, kita kurung mereka. Kalau kita terpaksa buat seperti Guantanamo, kita buat.

Akan tetapi janganlah sampai bila ada undang-undang, penguatkuasaan yang tidak kuat. Yang inilah yang jadi masalah di dalam negara kita. Judi haram ini, berlaku pemindahan wang haram ini, kadang-kadang tidak keluar daripada negara pun. Mereka untung, beli rumah 10, jadi spekulasi, spekulator rumah pula. Selepas untung, bukan setakat judi haram, VCD haram pun dulu berleluasa. Itu semua wang haram. Kalau kita nak bercakap soal haramlah. Itu semua wang haram. Akan tetapi hari ini kita tidak nampak itu kerana kita memberi tumpuan kepada keganasan, maka orang akan cap kita orang Islam sebagai penganas. Ini yang jadi masalah.

Kalau Amerika buat, tidak ganas. Saya melihat apa yang mereka buat di Iraq umpamanya, tidak ganas. Hari ini baru saya lihat berita tiga empat hari sudah, bila *diinterview* pada orang-orang Iraq sama ada Syiah atau Sunni, *diinterview* mereka ini, mereka mengatakan mereka dapat membentuk negara mereka tanpa gangguan daripada Amerika. Dia suruh Amerika keluar. Bererti adunan itu mestilah dalam negara itu, bukan kita hendak tunggu orang luar datang. Orang Amerika datang untuk hendak menyelesaikan masalah. Kita ini banyak terikut-ikut. Itu yang semalam waktu di KLIA itu Tuan Yang di-Pertua, bukan saya kompromi soal keselamatan. Saya cuma tanya kepada MAB, kenapa kita terikut dengan apa yang dikatakan oleh Amerika?

Oleh sebab kalau kita masuk *business class*, kita dibekalkan pisau dengan garpu. Akan tetapi kita hendak bawa, kita disuruh buka tali pinggang sampai terlondeh seluar kerana nak cek di dalam tali pinggang itu kononnya ada pisau. Pisau yang boleh di selit di tali pinggang yang kecil dengan pisau yang kita bawa dalam *business class*, saya rasa pisau yang dalam *business class* itu lebih besar. Garpu yang dalam *business class* itu lagi berbahaya daripada pisau yang kecil, yang kita hendak selit dalam tali pinggang yang dia suruh kita buka tali pinggang. Yang perempuan pun kena tanggalkan tali pinggang, kemudian kena selak baju depan dia, tunjuk aurat kepada orang. Itu pun berlaku.

Saya bukan kompromi soal keselamatan tetapi saya kata ada *detector* dulu. *Detect* orang, kita belanja duit sedikit, *detect* orang dulu. Kalau betul ada, baru cek. Baru suruh dia londeh. *Metal detector* yang lebih canggih. Ini kita sampai sahaja, kebetulan tengah menguruskan badan. Bila buka tali pinggang, terlondeh seluar. Masalah. Yang ini yang saya sebut ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya takut ini macam ini. Oleh sebab kita dulu kita tengok filem P.Ramlee. Bukan tidak ada penguatkuasaan, ada tetapi apabila, "*Satu untuk kau, satu untuk kau, dua untuk kau, dua untuk aku, ehem untuk kau, ehem untuk aku, eee untuk kau, eee untuk aku.*" Sampai tak boleh hendak kira. Tak boleh hendak kira. Itu yang tidak ada angka dah.

#### ■1510

Oleh kerana itulah, maka penguatkuasaan tidak begitu kuat sebab duk "*Ehem*" untuk engkau, "*Ehem*" untuk aku, "*Eee*" untuk engkau, "*Eee*" untuk aku. Ini yang menjadi masalah di dalam negara kita sekarang yang sampai penguatkuasaan 650 orang hanya sembilan orang. Ini yang saya tegur tadi. Ini kerana kalau kita hendak ikut apa yang Amerika Syarikat suruh kita buat, memang kita pening. Ini

kerana saya sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya belajar sejarah sampai. Dengan kecanggihan Amerika Syarikat itu- tahun 40-an, apabila *Pearl Harbor* dibom, diattack oleh Jepun, sampai beribu tentera Amerika Syarikat mati di situ. Kemudian dia pergi *attack* Hiroshima dengan bom atom dan Nagasaki. Sampai hari siapa tahu kenapa? Ini matlamat menghalalkan cara. Tidak mungkin Amerika Syarikat tidak tahu Jepun hendak serang *Pearl Harbor*. Akan tetapi dia biarkan *Pearl Harbor* diserang sebab dia hendak bom Hiroshima. Orang yang kena bunuh bom atom di Hiroshima itu, racun itu sampai hari ini ada lagi.

Kadang-kadang kita kena lihat benda-benda ini, yang dia pergi - mungkin *remote control* sahaja yang *attack* WTC. Islam ini dihentam sampai hari ini. Akan tetapi belum ada bukti. Iraq umpamanya, *mass production of* kimia. Sampai hari ini belum ada terbukti, sampai sudah banyak orang Iraq meninggal. Jadi ini yang kita- saya menyokong penuh Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua kata sikit sahaja sebab Dato' Haji Abdul Rahman sudah kebas semuanya. Dia "*Cekau-cekau ah*", "*Cekau-cekau eh*" kita pun sudah tidak ada apa. Jadi kita beri dekat Dato' Haji Abdul Rahmanlah yang itu. Saya turut menyokong rang undang-undang ini dan mudah-mudahan apa yang saya katakan, supaya kita ketatkan penguatkuasaannya supaya ianya barulah satu rang undang-undang yang kita luluskan, yang menjadi faedah kepada semua masyarakat kita. Sekian, terima kasih banyak-banyak. *Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang saya silakan Yang Berhormat yang baru dilantik, Datuk S. Vigneswaran. Ada?... Tidak ada. Datuk S. Vigneswaran? Kalau tidak ada, saya silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat memberi nama jangan keluar dahulu sehingga Yang Berhormat berbahas. Saya tidak akan panggil nama sekali lagi kalau dia datang pun. Sekarang, silakan Yang Berhormat.

### 3.13 ptg.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Pindaan 2013. Saya menyokong pembentangan rang undang-undang ini yang saya kira amat penting dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan jenayah keseluruhannya di seluruh negara. Ini kerana adalah dilaporkan bahawa jumlah amaun hasil aktiviti kumpulan wang haram ini di Malaysia yang disiasat oleh pihak berkuasa dalam tempoh tiga tahun lalu iaitu dari tahun 2011 hingga 2013, mencecah kira-kira RM13.1 bilion membabitkan 13,126 kes pelbagai jenis kesalahan jenayah.

Kumpulan ini telah didedahkan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa daripada jumlah amaun berkenaan sejumlah RM567.9 juta hasil aktiviti pengubahan wang haram telah dan sedang disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan

Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2011. Ia juga adalah dilaporkan keadaan ini menyebabkan sebanyak 568 kertas siasatan dibuka iaitu 219 kertas siasatan oleh pihak polis; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah – 119; Lembaga Hasil Dalam Negeri – 115; 114 - Bank Negara terima, dan Suruhanjaya Sekuriti - satu.

Jelas hasil laporan di atas amatlah membimbangkan kita. Kita perlu memastikan perkara ini adalah jenayah pengubahan wang haram diambil tindakan segera dan saya secara peribadi menyokong undang-undang ini demi kepentingan negara. Ini kerana jenayah ini jika tidak diambil tindakan segera termasuk penggubal rang undang-undang ini ianya bakal menjadi semakin parah. Soalan saya, mengapa hanya sekarang laporan ini didedahkan kepada umum? Adakah apa-apa pelan atau perancangan setelah beberapa tahun sejak 2011, baru sekarang angka ini didedahkan? Tujuan saya membangkitkan soalan ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah membuat kenyataan bahawa pendedahan angka-angka di atas adalah pertama kali seumpamanya oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh melalui pindaan ke atas akta sedia ada. Pihak berkuasa bakal memiliki kuasa lebih luas untuk membeku, menyita atau melucutkan hak harta pihak yang terbabit dalam mengubah wang haram. Bagaimana mekanisme sebelum ini? Adakah harta pihak yang terlibat tidak boleh disita? Saya beri contoh Skim Cepat Kaya, Pak Man Telo sekitar 1980-an. Benarkah hanya orangnya ditahan tetapi hartanya diwarisi oleh keluarganya hasil penipuan duit orang lain? Berapa jumlah anggaran Skim Penipuan Pak Man Telo ini dalam rekod kementerian dan Bank Negara Malaysia?

Dalam melaksanakannya penguatkuasaan tindakan penyitaan ini, adakah kementerian dan pihak berkuasa termasuk Bank Negara Malaysia perlu mempunyai alasan yang kukuh sebelum siasatan dijalankan? Ini kerana saya ambil contoh kes-kes di mana penjenayah yang berselindung di sebalik kekayaan, umum mengetahui golongan ini, penjenayah yang kaya-raya tetapi sukar dibuktikan. Ini termasuk juga kes-kes di mana penjawat awam yang hidup dalam kekayaan yang melampau dan tidak sepadan dengan gaji mereka. Sudah tentu berlakunya kes-kes pengubahan wang haram ini tetapi hakikatnya amat sukar dibuktikan kerana mereka juga mengelak diri dari dikesan pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pindaan terhadap seksyen 3...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dasuki:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dasuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dan juga membangkitkan satu persoalan mungkin kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya sebab Yang Berhormat ada bangkitkan berkenaan dengan sesetengah pihak yang hidup kaya-raya tetapi dapat lari daripada perundangan dan sebagainya. Saya hendak membangkitkan juga dengan isu-isu yang terbaru- dalam baru-baru ini yang semalam pun dibangkitkan dalam media massa. Sebenarnya amat menyakitkan hati kita juga mendengarnya apabila diberitakan setengah pihak yang kaya-raya boleh lari daripada membayar cukai kerajaan tetapi apabila berjaya ditangkap oleh LHDN

umpamanya, mereka dengan sewenang-wenangnya minta diskaun dan diberikan diskaun oleh LHDN dalam konteks itu.

Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh media massa mereka memberikan diskaun kepada orang-orang yang kaya-raya yang hartanya ratusan juta bahkan berbilion-bilion. Akan tetapi untuk rakyat biasa yang mungkin hanya membayar cukai hasil daripada potongan gaji setiap bulan tetapi tidak diendahkan rayuan apabila didenda dan sebagainya.

Jadi saya mungkin hendak bertanya kepada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya atau kita boleh bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini. Apakah di sana tidak ada satu piawai ataupun mekanisme di peringkat LHDN dalam menentukan bagaimanakah proses rayuan ini? Apakah berlakunya di sana ketidakadilan dalam kerangka rayuan bagi orang-orang yang kaya-raya seperti katakan Pak Man Telo tadi yang hartanya ratusan juta tetapi apabila merayu dapat diambil peduli oleh LHDN?

■1520

Akan tetapi bagi rakyat biasa, rakyat marhaen, mereka tidak boleh merayu bahkan ada juga dibangkitkan oleh ramai pihak rayuan-rayuan mereka kepada LHDN ini seolah-olah tidak diambil kira walaupun beberapa kali surat dihantar kepada mereka. Hanya kerana denda yang berjumlah mungkin tidak sampai RM10,000 pun tetapi bagi nilai cukai yang ratusan juta diberikan proses pembayarannya boleh dibuat secara ansuran. Ini yang membangkitkan keresahan di kalangan rakyat. Mungkin apa komen Yang Berhormat Senator?.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya amat setuju. Perkara ini saya kira biarlah kerajaan yang menjawab. Ini kerana kita pada hari ini ingin menggubal undang-undang pengubahan wang haram. Jadi kalau sekiranya wang haram ini tidak dipantau atau disiasat yang sebenar-benarnya, tidak guna lah kita berbincang, bercakap, berbuih mulut dan sebagainya. jadi ini, saya harap pihak kerajaan yang berkenaan harap ambil tindakan yang setegas-tegasnya itu sepanjang masa, terima kasih. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Saya juga ingin menyentuh pindaan terhadap subseksyen 3(1), *Akta 63*. Di mana penalti lebih berat akan dikenakan bagi kesalahan pengubahan wang haram. Melalui takrifan serta peruntukan yang lebih menyeluruh mengenai kesalahan pengubahan wang haram ini. Pada masa ini hukuman ke atas pesalah yang ketika ini ialah denda RM5 juta atau penjara lima tahun perlu dinaikkan. Mungkin penjara selama 15 tahun atau denda lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti pengubahan wang haram ini atau apa-apa nilai yang difikirkan sesuai oleh pihak kementerian.

Ini kerana boleh dikatakan hampir keseluruhan aktiviti jenayah adalah bermotif dan melibatkan wang dalam jumlah yang besar. Pembanterasan jenayah dengan menyekat perolehan hasil dan kegiatan jenayah adalah salah satu aspek penting bagi mengurangkan ancaman jenayah di Malaysia. Saya rasa perlulah diwujudkan kerangka perundangan yang kukuh dan komprehensif bagi mewujudkan

persekitaran berkesan dalam mencegah kegiatan jenayah yang menyumbang kepada aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2013. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat kerana kita telah pun membahaskan rang undang-undang ini dengan begitu lama dan ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian. Kita ada tiga rang undang-undang lagi yang terpaksa kita selesaikan dan kita terpaksa habiskan esok. Maka oleh itu saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab. Bagi Ahli Yang Berhormat yang ingin melibatkan diri dalam perbahasan yang akan datang sila kemukakan nama untuk setakat hari ini saja. Esok saya tidak benarkan lagi kerana sudah ramai dalam rekod kita. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **3.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullah,* salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada 12 Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit, Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad, Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bertanya apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan berat. Adakah terdapat definisi tersebut di bawah akta. Maksud kesalahan berat telah diperuntukkan di bawah seksyen 3 akta iaitu mana-mana kesalahan tersenarai di bawah jadual kedua AMLATFA atau percubaan atau persubahatan melakukan mana-mana kesalahan tersebut. Jadual kedua AMLATFA menyenaraikan senarai kesalahan-kesalahan berat. Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 288 kesalahan berat di bawah 42 perundangan telah disenaraikan. Oleh itu seseorang yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dengan hasil daripada kesalahan berat tersebut boleh disabitkan sebagai kesalahan jenayah pengubahan wang haram.

Yang Berhormat Dato' Boon Som bertanyakan maklumat dan statistik berkaitan penyiasatan aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia. Di antara tahun 2011 hingga tahun 2013 jumlah yang disiasat bagi kesalahan berat di seluruh Malaysia adalah:



KES	JUMLAH KES
Penipuan	7983
Curi dan rompakan	309
Jenayah cukai	1,046
Dadah	1,435
Penyeludupan	2,155
Lain-lain	198

Kertas siasatan PDRM, polis 219, Suruhanjaya Penyiasatan Rasuah Malaysia (SPRM) 119 , Lembaga Hasil Dalam Negeri 115, Jabatan Kastam 104, Bank Negara 5, KPDNKK 5, dan Suruhanjaya Sekuriti 1. Jumlah keseluruhan adalah 568 kertas siasatan dan daripada RM13.1 bilion amaun yang disiasat sebanyak RM567.9 juta telah disiasat di bawah AMLATFA.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanyakan sama ada kesalahan pengubahan wang haram di bawah akta boleh diguna pakai terhadap pihak ketiga yang menerima dan menggunakan wang hasil daripada aktiviti haram. Skop akta ini cukup luas di mana akta juga terpakai terhadap mana-mana orang yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan aktiviti haram. Tambahan pula seseorang pihak ketiga yang bersubahat atau berkomplot untuk melakukan atau membantu dalam sesuatu kesalahan di bawah akta boleh juga didapati bersalah di bawah akta.

Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bertanya apakah mekanisme yang wujud untuk orang awam yang melaporkan kegiatan yang disyaki melakukan kegiatan haram. Mekanisme untuk orang awam melaporkan kegiatan disyaki telah pun diwujudkan di setiap agensi penguat kuasa seperti polis, kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Sekuriti. Untuk melaporkan kegiatan-kegiatan yang disyaki berkaitan jenayah yang menjurus kepada pengubahan wang haram, orang ramai perlu melihat kepada jenis jenayah itu sendiri bagi mengenal pasti agensi yang terlibat dan kepada agensi mana laporan perlu dibuat. Sebagai contoh sekiranya penjenayah itu berkaitan dengan aktiviti judi haram yang banyak yang disebut oleh Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan. Agensi yang bertanggungjawab ialah Polis Diraja Malaysia.

Oleh itu laporan perlu dibuat kepada pihak PDRM bagi melaporkan kegiatan haram tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi sebagaimana berikut, Polis Diraja Malaysia tentunya di balai polis berdekatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telefon 1800-88-6000, e-meil [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my). Jabatan Kastam Diraja Malaysia 03-78067200, Lembaga Hasil Dalam Negeri 1800-88-5436, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 1800-88-6800 - saya sebutkan ini sebab segala jawapan kita telah ada dalam *Hansard'* kemudian boleh dirujuk semula nombor-nombor ini Tuan Yang di-Pertua.

Bank Negara Malaysia telefon 1300-88-5465, sms 15888, e-mail, [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telefon 03-82048999, e-mail, [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telefon 03-77214000, e-mail, [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

Yang Berhormat Puan Hajah Mariany, Yang Berhormat Datuk Jamilah bertanya mengenai transaksi di atas talian (*online transaction*), sama ada tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap transaksi tersebut. Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi juga bertanya jual beli mata wang secara *illegal Forex*. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap transaksi jual beli mata wang secara haram di atas talian, boleh.

■1530

Berdasarkan kepada peruntukan terdapat dalam undang-undang sedia ada seperti AMLATFA, Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) 2012 dan Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) 2013, tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas transaksi jual beli mata wang *Forex* secara haram terutamanya apabila syarikat yang mengendalikan perniagaan tersebut berada di Malaysia. Walau bagaimanapun, jika syarikat tersebut beroperasi dari luar negara dan telah dilesenkan di negara asal mereka, agensi penguatkuasaan hanya dapat mengambil tindakan jika terdapat bukti yang mencukupi. Agensi penguatkuasaan yang berkenaan secara lazimnya akan membuat tindakan yang sesuai seperti menutup laman sesawang yang terbabit atau menyekat akses ke atas laman sesawang tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, apakah langkah-langkah yang ada bagi mengelak tindakan AMLATFA ke atas kesalahan-kesalahan cukai yang kecil. Kesalahan berkaitan dengan cukai pendapatan kini diiktiraf sebagai satu kesalahan yang ditetapkan dengan izin, *designated offences* oleh *Financial Action Task Force* (FATF). Kesalahan cukai telah dimasukkan sebagai kesalahan berat atau kesalahan predikat di bawah AMLATFA pada tahun 2010. Jenayah fiskal termasuk jenayah cukai dipandang serius oleh kebanyakan negara-negara terutamanya negara maju. Oleh kerana kita ingin menjadi negara maju, kita juga meletakkan ia juga sebagai jenayah berat.

Di samping itu, jenayah cukai akan hanya menjejaskan kutipan hasil kerajaan yang diperlukan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, pendidikan, kesihatan, prasarana. Sekiranya Malaysia tidak mengiktiraf kesalahan berkaitan cukai pendapatan sebagai salah satu kesalahan berat, ini akan mewujudkan persepsi negatif ke atas komitmen Malaysia untuk memerangi pengubahan wang haram dan pengelakan cukai secara lebih berkesan.

Di samping itu, pihak Kastam juga telah menambah jumlah mesin pengimbas (*scanner*) yang berteknologi tinggi di pelabuhan-pelabuhan utama negara, ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa, kes yang disiasat perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua elemen kesalahan. Sebagai contoh, kes disyaki melalui kesalahan pengambilan deposit haram di bawah Bank Negara Malaysia pada masa yang sama tidak melaporkan pendapatan di bawah seksyen 112, Akta Cukai Pendapatan 1997 atau kurang melaporkan pendapatan di bawah seksyen 113, Akta Cukai Pendapatan 1997 atau dengan niat melarikan cukai di bawah seksyen 114, Akta Cukai Pendapatan 1997.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, perlukah ada undang-undang baru bagi kesalahan jenayah Internet. Undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan Akta Pertaruhan 1953 adalah mencukupi untuk menangani kesalahan jenayah berkaitan. Pihak polis mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menyiasat kesalahan-kesalahan tersebut. AMLATFA juga boleh digunakan terhadap kesalahan berkenaan dan Internet hanya merupakan medium menerusi mana kesalahan dilakukan. Walaupun demikian, kesalahan atas talian ataupun *online* itu masih lagi tetap kesalahan dan dalam AMLATFA, dia juga adalah dianggap sebagai kesalahan berat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, agensi perjudian haram. Aktiviti perjudian haram adalah merupakan satu daripada kesalahan yang tersenarai di bawah Jadual Kedua kesalahan berat di bawah AMLATFA. Sehubungan itu, agensi yang bertanggungjawab terutamanya polis dalam menguatkuasakan akta yang berkaitan dengan perjudian haram boleh menggunakan kuasa di bawah AMLATFA.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, denda yang berat tidak menjamin orang akan berhenti melakukan jenayah dan *political will* perlu digunakan. AMLATFA membolehkan tindakan pembekuan, penyitaan dan pelucutan hakkan harta yang terlibat dalam kegiatan penggubahan wang haram. Bagi kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat, izinkan saya maklumkan perkara berikut. Siasatan ke atas pegawai polis dan *National Feedlot Corporation (NFC)*, kedua-dua kes ini disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan polis. Akta SPRM ini adalah salah satu akta yang mempunyai kuasa yang sama dengan AMLATFA. Oleh itu, SPRM boleh mengambil tindakan yang serupa di bawah akta SPRM. Bagi kes di bawah pihak polis, pihak polis boleh menggunakan kuasa-kuasa di bawah AMLATFA selain kuasa-kuasa di bawah Kanun Keseksaan. Jadi dua-dua kes tersebut boleh disita harta.

Kes Geneva Sdn. Bhd, pendakwa raya telah mengemukakan rayuan ke atas keputusan Mahkamah Sesyen yang melepaskan Geneva Sdn. Bhd. Bererti kes ini masih belum tamat.

Kes yang ketiga, HSBC US telah dikenakan penalti lebih daripada USD1 bilion dalam tahun 2012. Bagi institusi-institusi kewangan Malaysia, Bank negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan sentiasa memantau institusi ini secara *off side* dan *on side*, dengan izin, bagi memastikan institusi ini sentiasa mengikut peraturan yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, mengenai beberapa perkara siapakah yang terlibat dengan pengaliran wang haram yang disebut oleh *Global Financial Integrity (GFI)*. GFI adalah satu badan bukan kerajaan yang ditaja oleh *Ford Foundation* yang berpusat di Washington America. Kajian berkaitan *illicit outflow* yang dibuat oleh GFI adalah tidak adil dan tidak memberi gambaran yang tepat berkaitan dengan isu *illicit outflow* yang dihadapi oleh sebuah negara-negara dunia kerana ia hanya merangkumi negara-negara membangun sahaja.

GFI tidak membuat kajian ataupun laporan terhadap negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, German dan juga yang disebut oleh Yang Berhormat tadi di Singapura dan Hong

Kong. Laporan yang dikeluarkan oleh GFI yang pada dasarnya menganggap semua aliran kewangan yang tidak direkodkan adalah aliran wang haram. Anggapan ini adalah tidak benar kerana sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, perbezaan di antara jumlah import dan eksport yang direkodkan wujud di sebabkan oleh pelbagai faktor seperti kaedah merekodkan transaksi, perbezaan kadar pertukaran mata wang dan perbezaan masa dalam merekodkan transaksi.

Sebagai contoh, jika Malaysia membuat satu eksport RM100 juta ke negara China dan Malaysia juga mengeksport RM100 juta ke Singapura. Kemudian daripada RM100 juta eksport ke Singapura itu, Singapura mengeksport RM50 juta ke negara China. Dalam rekod Malaysia, eksport negara China hanyalah RM100 juta tetapi dalam rekod negara China import dari Malaysia adalah lebih tinggi iaitu RM150 juta. Walaupun perbezaan RM50 juta yang direkodkan oleh Malaysia dan China wujud disebabkan oleh kaedah merekodkan yang berbeza, GFI menganggap RM50 juta tambahan itu sebagai satu aliran wang haram walhal itu bukan wang haram, ia adalah perbezaan rekod. Perlu ditekankan di sini bahawa aliran kewangan ini direkodkan tidak direkodkan semestinya aliran wang haram. Ini hanya sebagai satu contoh.

Kesahihan kaedah yang diguna oleh GFI untuk menganggar jumlah aliran kewangan haram adalah tidak tepat. Akibatnya, jumlah yang dinyatakan GFI ternyata terlebih anggar dan ketara. Berdasarkan data yang dikumpulkan, jumlah dengan izin, *Errors & Omissions* (E&O) bersih bagi Malaysia adalah purata USD6 bilion lebih kurang RM18 bilion setahun sepanjang 10 tahun yang lepas.

E&O bersih ini juga telah menunjukkan pengurangan. Sebagai contoh, jumlah *Errors & Omissions* (E&O) bersih direkodkan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM28 bilion berbanding RM38 bilion pada tahun 2011. Adalah penting untuk mengambil maklum bahawa bukan semua jumlah E&O ini merupakan wang haram. Secara amnya, konvensyen antarabangsa menerima 5% *Errors & Omissions* dari jumlah perdagangan sebagai satu kebiasaan. Malaysia berada dalam lingkungan hanya 2%. Oleh yang demikian, penilaian GFI adalah tidak tepat dan tidak boleh diterima sebulatnya.

Kerajaan memandang serius terhadap kegiatan yang melanggar undang-undang negara. Pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan telah pun diambil oleh kerajaan untuk membanteras aliran keluar wang haram. Kerjasama antara agensi bagi menangani isu aliran keluar wang haram telah pun bermula seawal tahun 2008 sebelum laporan GFI diterbitkan. Kerjasama ni diselaraskan oleh pasukan petugas khas pelbagai agensi peringkat tinggi. Langkah-langkah yang telah diambil tempoh menambah baik rangka kerja pengawal seliaan, memperhebat usaha penguatkuasaan dan mempertingkatkan mekanisme pengawasan. Langkah-langkah ini telah melahirkan hasil yang positif dan akan terus diperhebat.

Sejak tahun 2011, sebanyak 187 kes telah disiasat di bawah usaha sama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam untuk membanteras kegiatan pengelakan cukai dan duti Kastam. Sementara itu, pasukan khas juga telah menyelaras pelbagai status dari segi penguatkuasaan berkaitan pengelakan cukai, penyeludupan dan pelarian subsidi. Usaha-usaha ini telah menunjukkan kesan di mana jumlah pungutan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam terus meningkat.

Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia juga telah menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW) bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti berkaitan penukaran mata wang dan pemindahan mata wang ke luar negara. Sehingga kini, bilangan pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dikurangkan kepada 424 pemegang daripada 839 pemegang berikutan langkah pelesenan semula semua perniagaan perkhidmatan wang di bawah APPW 2011. Sebanyak 97 lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dibatalkan. Ini menunjukkan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua tadi juga bertanya tentang penguatkuasaan, dibenarkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Ini juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Sebanyak 80 pemegang lesen telah dikompaun kerana melanggar peruntukan pelbagai undang-undang. Sebanyak 47 syarikat telah didakwa di mahkamah atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang secara haram.

#### ■1540

Ada 40 daripadanya telah disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan yang sewajarnya. Melalui pelesenan semula, bilangan peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang Malaysia juga telah meningkat. Buat masa ini, terdapat 34 penyedia perkhidmatan pengiriman wang berlesen dan 132 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih kepada 1,800 premis yang beroperasi di seluruh negara. Dari segi perundangan, cadangan-cadangan untuk memperkukuh peruntukan berkaitan pengisytiharan wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga rentas sempadan, kuasa penyiasatan dan pendakwaan dicadangkan di bawah rang undang-undang ini juga akan dapat membantu kerajaan menangani pelbagai risiko ketirisan kepada pendapatan negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, takrif pengganas dan skopnya. Di Malaysia, takrif pengganas, pembiayaan keganasan dan kesalahan-kesalahan jenayah yang berkaitan telah pun diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (*Penal Code*). Takrif *Terrorist Act* di bawah Kanun Keseksaan menyeluruh kerana merangkumi perbuatan atau aktiviti yang menyebabkan dengan izin, "*The act or threat made with the intention of advancing political, religious or ideological course and threat to intimidate the public*" dengan izin. Oleh yang demikian, takrif pengganas merangkumi lebih daripada keganasan menggunakan senjata.

Walau bagaimanapun, bagi maksud pelaksanaan Bahagian 4A AMLATFA, takrif pengganas adalah terhad kepada pengganas yang disenaraikan oleh Menteri Dalam Negeri. Melalui seksyen 66B, AMLATFA dan pengganas yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui seksyen 66C AMLATFA. Seksyen 66B AMLATFA membolehkan Menteri Dalam Negeri untuk menyenaraikan entiti tertentu sebagai pengganas berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak polis. Menteri Dalam Negeri sekiranya berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh pihak polis akanewartakan entiti tersebut di bawah seksyen 66B AMLATFA.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah mengenai pembiayaan keganasan di Malaysia, instrumen sedia ada mampu menangani atau

tidak. Malaysia bukanlah pusat serantau bagi kegiatan pembiayaan keganasan. Ini adalah disebabkan aliran dana yang terhad untuk menjana aktiviti kumpulan pengganas dan keupayaan yang minimum untuk menjalankan operasi mereka berikutan operasi memerangi keganasan dijalankan oleh pihak berkuasa. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa aktiviti keganasan di Malaysia telah dibiayai oleh dana yang diperoleh daripada kutipan dan sumbangan secara sukarela daripada ahli-ahli mereka.

Dalam kes pembiayaan keganasan di Malaysia, semua dana untuk membiayai aktiviti keganasan tersebut telah dibawa dengan tangan, *hand courier* dan tidak melalui institusi kewangan di Malaysia. Instrumen sedia ada mampu menangani kesalahan pengubahan wang haram bagi menangani ancaman daripada aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rangka kerja yang lengkap telah dibina merangkumi langkah-langkah yang diperlukan bagi setiap komponen rangka kerja yang berkaitan undang-undang, penguatkuasaan, pencegahan, kerjasama pelbagai pihak. Rangka kerja tersebut dibentuk selaras dengan piawaian antarabangsa bagi menangani aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada peringkat domestik, asas pelaksanaan rangka kerja untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia dipacu oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram, *National Coordination Committee to Counter Money Laundering* (NCC). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Bank Negara, dianggotai oleh 16 kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam usaha membanteras jenayah tersebut. Selain membangun dan menyelaras dasar-dasar nasional berkaitan pencegahan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, jawatankuasa ini juga memainkan peranan dalam menggalakkan kerjasama perkongsian maklumat dan penyiasatan aktiviti jenayah tersebut.

Malaysia juga memainkan peranan yang aktif di peringkat antarabangsa melalui penglibatan badan-badan antarabangsa seperti *Asia-Pacific Group on Money Laundering* (APG), *Augment Group* dan *Financial Action Task Force on Money Laundering* (FATF). Peranan Bank Negara sebagai pihak berkuasa berwajib yang dilantik oleh Menteri Kewangan adalah untuk menerima dan menganalisis transaksi kewangan yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan 288 kesalahan berat dalam atau luar negara seperti yang tersenarai dalam Jadual Kedua AMLATFA untuk membantu siasatan agensi-agensi penguatkuasaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, adakah terdapat sebarang bukti berlaku kemasukan dana daripada kumpulan pengganas memasuki sistem perbankan Malaysia. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada laporan yang dibuat oleh institusi pelapor sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas, tidak terdapat sebarang dana asing dikenal pasti memasuki Malaysia melalui sistem perbankan bagi tujuan pembiayaan keganasan.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas mengenai pertubuhan termasuk parti-parti politik dan individu. Kemasukan dana selain daripada pinjaman daripada bukan pemastautin yang tertakluk di bawah peraturan pentadbiran pertukaran asing

semasa, adalah dibenarkan tertakluk pada pengisytiharan oleh penerima dana di dalam borang perakaunan penerimaan bagi sebarang penerimaan dana melebihi jumlah had bersamaan RM200,001 dan ke atas. Pengisytiharan ini dibuat di setiap bank penerima di Malaysia dengan menyatakan secara terperinci butiran penerimaan dana tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 78(i) dan dua Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Penerimaan dana menerusi pinjaman daripada bukan pemastautin yang tertakluk di bawah pentadbiran pertukaran asing semasa masih terus perlu mendapatkan kelulusan pengawal pertukaran asing, dengan izin *controller of foreign exchange* terlebih dahulu sebelum transaksi penerimaan dilakukan sebagaimana yang tertakluk di bawah seksyen 214(ii), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Mengikut peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) sekiranya sumber-sumber dana adalah hasil yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa aktiviti haram iaitu aktiviti yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing termasuklah pembiayaan keganasan dan percambahan senjata pemusnah, *weapon of mass destruction* seperti yang tersenarai dalam Jadual Kedua AMLATFA, maka dana-dana tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan AMLATFA. Sebaliknya sekiranya dana itu tidak mempunyai unsur disyaki dan dana tersebut tidak tertakluk kepada peruntukan AMLATFA.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, fasal 44A- mengapakah mahkamah tidak terlibat dalam proses menimbangkan permohonan atau menggubah atau membatalkan. Perintah perkara ini memberi kuasa kepada agensi penguat kuasa dan pendakwa raya supaya permohonan dan keputusan dapat dibuat dengan lebih segera. Walau bagaimanapun, pelucut hakkan apa-apa harta hanya boleh dibuat oleh mahkamah.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim, berapakah syarikat pengurup wang mengikut kaum? Sekali lagi saya ingin maklumkan bahawa lesen pengurupan tidak dikeluarkan kepada individu sebaliknya kepada syarikat yang mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM300,000. Syarikat yang dilesenkan juga hendaklah mempunyai pengarah-pengarah yang layak dan sesuai atau *fit and proper* serta mempunyai pengalaman dalam perniagaan tersebut. Sehingga kini terdapat 474 pemegang lesen pengurup wang di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, patuh syariah. Di bawah kerangka perundangan sedia ada, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara adalah dua badan pengawal selia utama bagi industri kewangan Islam di Malaysia. Sehubungan itu, untuk urus niaga kewangan Islam di Malaysia, pihak SC dan Bank Negara melalui Majlis Penasihat Syariah, SC dan BNM masing-masing melalui peruntukan undang-undang sedia ada telah diberi mandat untuk mengawal selia aktiviti patuh syariah bagi sektor pasaran modal Islam, industri perbankan Islam dan takaful serta aktiviti kewangan Islam lain. Pasaran kewangan Islam di Malaysia yang membangun secara teratur adalah berlandaskan rangka kerja tadbir urus syariah, dengan izin, *Syariah governance framework* yang

komprehensif seperti yang terkandung dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), Akta Bank Pusat 2009 (CBA) serta akta-akta berkaitan yang lain. Setiap produk dan aktiviti yang berada di pasaran perlu mendapat kelulusan mengikut proses yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan kewujudan pelbagai urus niaga tidak berlesen di pasaran, pihak pengawal selia SC dan Bank Negara serta agensi berkaitan yang lain seperti KPDNKK sentiasa mengambil langkah proaktif bagi membanteras aktiviti yang berkenaan melalui aktiviti penguatkuasaan menyeluruh berterusan dari semasa ke semasa. Pihak SC dan BNM percaya dengan adanya penguatkuasaan berkesan, berterusan, aktiviti produk yang dimaksudkan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa dan pada masa yang sama akan dapat membendung penggunaan label syariah secara berleluasa.

Sehubungan itu, pihak SC dan Bank Negara memberi fokus berterusan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam dan pelabur berhubung produk yang mendapat kelulusan pihak berkuasa, usaha yang dijalankan melalui *road show* yang diadakan satu penggunaan media elektronik bagi menyebarkan maklumat kepada umum. Pihak *Security Commission*, Bank Negara aktif mengambil bahagian dalam program *road show* yang dianjurkan oleh agensi lain seperti *Malaysia International Halal Show Case* (MIHAS) dan Minggu Saham Amanah Malaysia yang diadakan setiap tahun. Di SC, terdapat jabatan yang khusus bagi mengawal selia hal ehwal pelabur dan aduan dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Pelabur dan Aduan. SC telah menganjurkan program sulungnya bagi mendekati orang awam pada Disember 2013 di Kota Kinabalu.

Pihak SC juga melalui cabang pendidikannya, *Securities Industry Development Corporations* sering mengadakan program kesedaran kewangan, *financial literacy program*, dengan izin di peringkat sekolah rendah dan menengah, kolej dan universiti. Melalui program ini, pihak kementerian percaya usaha-usaha *investor empowerment* akan secara langsung mampu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan khususnya kepada para pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang bijak supaya tidak terdedah kepada 'Pak Man Telo' dan seumpamanya.

#### ■1550

Seksyen 8(3), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah menetapkan bahawa hukuman berat penjara tidak melebihi tempoh 10 tahun atau denda tidak melebihi RM50 juta boleh dikenakan kepada pihak tidak berlesen yang didapati menjalankan perniagaan perbankan Islam atau takaful secara tidak sah. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, 40 akta lain tidak mempunyai peruntukan berkenaan pelucutan hak. Akta-akta yang tersenarai di bawah Jadual Kedua AMLATFA boleh dikuatkuasakan di bawah AMLATFA sekiranya terdapat siasatan ke atas aktiviti haram. Menteri Kewangan diberi kuasa untuk meminda Jadual Kedua berdasarkan keperluan negara. Kesemua 40 akta termasuk contoh-contoh yang telah diberi telah dimasukkan ke dalam Jadual Kedua AMLATFA sebagai jenayah berat.



Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, statistik *Ah long*. Bagi tahun 2012, sebanyak 448 kes siasatan *Ah long*. Tahun 2013, sebanyak 476 kes siasatan. Jumlah pada tahun 2012 sebanyak 448 kes dan 2013 – 476 kes, jumlah sebanyak RM8.5 juta.

Mengenai 1MDB, Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. 1MDB telah melaburkan sebanyak USD2.318 bilion bersama pengurus kewangan berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman atau *Cayman Islands* dan dikawal selia oleh pihak berkuasa kewangan di Cayman, Switzerland dan Hong Kong. Dana tersebut merupakan hasil pulangan daripada hasil usaha sama perniagaan 1MDB dengan *Petro Saudi International*. Pelaburan ini merupakan satu langkah interim atau langkah sementara sahaja bagi memastikan dana tersebut tidak pasif di samping membolehkan 1MDB mendapat keuntungan sementara mempertimbangkan peluang-peluang pelaburan lain dalam semua sektor. Ini termasuklah di peringkat global yang dapat menyokong inisiatif strategik bagi membawa manfaat jangka panjang kepada Negara Malaysia. Sebahagian daripada dana di luar negara telah beransur-ansur kembali ke Malaysia untuk dilaburkan dalam projek-projek tenaga dan hartanah 1MDB. Kemudian

Kemudian, apakah kedudukan Malaysia daripada segi pematuhan terhadap piawaian antarabangsa? Ditanya oleh Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Malaysia...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya sedikit. Apa kelebihan Malaysia melabur di *Cayman Island* jika dibandingkan melabur di tempat sendiri?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya dah sebut tadi Yang Berhormat bahawa ia adalah langkah interim, langkah sementara. Kalau Yang Berhormat melihat kepada kaedah-kaedah untuk melabur wang di *Cayman Islands*, sekurang-kurangnya ada 11 kaedah, 11 langkah jika kita melabur di sana bukan bermakna duit itu wang haram. Ia adalah pelaburan yang sah dan sebagaimana yang kita sebut tadi, ia beransur-ansur di bawah pulang ke Malaysia. Sebagai contoh, kita mula membeli hartanah yang tertentu dengan keuntungan daripada pelaburan yang telah saya sebutkan tadi.

Kemudian, pematuhan terhadap pematuhan piawaian antarabangsa. Malaysia ialah ahli kepada *Asia Pacific Group on Money Laundering* (APG) tertakluk kepada badan antarabangsa yang membuat piawaian. Badan antarabangsa itu disebut sebagai *Financial Action Task Force* (FATF). Daripada 194 negara dalam dunia, terdapat dua negara dalam *blacklist* iaitu Korea Utara dan Iran. Terdapat sembilan negara dalam *dark grey list* iaitu Algeria, Ecuador, Utopia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Syria, Turki, dan Yemen. 21 negara dalam *light grey list* iaitu Afghanistan, Albania, Angola, Argentina, Cambodia, Cuba, Iraq, Kenya, Kuwait, Kyrgyzstan, Lao People's Democratic Republic, Mongolia, Namibia, Nepal, Nicaragua, Papua New Guinea, Sudan, Tajikistan, Tanzania, Uganda, Zimbabwe dan ada 162 negara dalam *white list* dan *alhamdulillah* syukur Malaysia adalah berada dalam *white list* dan kita berharap dengan adanya akta yang kita akan luluskan sebentar lagi ini, negara kita akan terhindar daripada *light grey list* dan sebagainya apabila ada tuduhan-tuduhan seperti GFI.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, mengapakah baru sekarang statistik ini diberikan. Kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan kes-kes yang disiasat oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan

mengambil tindakan sewajarnya untuk menambah baik. Salah satu langkah untuk menambah baik pelaksanaan adalah dengan meminda undang-undang ini supaya lebih berkesan dan sebelum ini mungkin tiada kesempatan ataupun tiada peluang untuk menyatakan kes-kes yang berkaitan.

Kemudian, kes Pak Man Telo dan jumlah deposit. Pak Man Telo telah dituduh atas kesalahan pengambilan deposit secara haram dan telah dikenakan hukuman berikut. Hukuman pertama, denda RM250,000, hukuman kedua RM500,000 dan satu tahun penjara. Walau bagaimanapun, aset yang diperoleh oleh beliau tidak dapat dilucut hak pada masa itu kerana tiada peruntukan AMLATFA ketika kes Pak Man Telo. Jika sekarang, Pak Man Telo atau seumpamanya bukan hanya akan didenda dan di penjara tetapi harta mereka juga akan dilucut hak kerana motivasi utama penjenayah-penjenayah ini adalah wang.

Kalau wang mereka dilucut hak dan kemudian dimasukkan ke dalam Wang Disatukan Kerajaan, maka motivasi mereka untuk melakukan jenayah akan berkurang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan saya dan minta maaf kepada yang saya tidak menjawab.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada apa Yang Berhormat?

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana tadi ada program dekat sekolah, kawasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa. Tak mengapa.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Ini minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kebelakangan ini ada dua hari rasuah punca...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi saya panggil Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat tak ada.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah tu sekarang ini maknanya tidak boleh Yang Berhormat cakap lagi.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tak, tak. Ini berkenaan dengan tadi Ahli Yang Berhormat ada keluaran mengenai mesin kuda. So, Yang Berhormat Menteri tadi bagi penjelasan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat minta penjelasan?

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Ya, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Ini penjelasan yang tadi Ahli Yang Berhormat yang mengatakan mesin kuda dah haram dan dadah. So, saya yakin apakah *guarantee* dengan izin yang boleh diberi oleh kerajaan di mana mesin-mesin kuda ataupun tauke-tauke mesin kuda yang menjalankan aktiviti haram seperti seksyen 3 ini dapat ditangkap ataupun aset-aset mereka dibekukan dan juga tadi Ahli Yang Berhormat lagi satu ada minta berkenaan dengan cadangan mahkamah. Ini saya nak penjelasan daripada Timbalan Menteri. Cadangan supaya melibatkan mahkamah ini adalah kerana AMLATFA ini mengambil 90 hari sebelum dibawa untuk pendakwaan dan dalam masa tempoh

ini, syarikat-syarikat yang terbabit itu tidak boleh mengeluarkan apa juga wang dan ini akan menjejaskan perniagaan mereka jikalau didapati selepas penyiasatan bahawa syarikat berkenaan itu tidak terbabit dalam wang haram. Apa pandangan ataupun penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan menggunakan mahkamah untuk mendapat perintah sitaan? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tentang judi dan sebagainya saya dah jawab berapakah jumlah kes yang kita telah tangkap dan berapakah kes yang didakwa. Saya tidak berhajat untuk mengulanginya. Dalam masa sehari dua ini di muka hadapan akhbar telah begitu hebat menyatakan tentang wujud kejadian judi haram di merata tempat. Saya kira tentunya pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan dan sedang mengambil segala tindakan yang wajar dan satu lagi, bukan hanya pihak polis tetapi juga pihak berkuasa tempatan perlu mengambil tindakan daripada segi pelesenan untuk menutup mana-mana pusat yang didapati melaksanakan judi haram ini. Saya kira ia bukan suatu yang sukar kerana semua premis itu boleh dilihat dari luar jalan dan tentunya amat mudah untuk dikesan sama ada mereka melakukan perkara yang haram ataupun tidak.

Mengenai bagi membantu orang disiasat di bawah AMLATFA ini, peruntukan AMLATFA yang sedia ada membolehkan bayaran untuk sara hidup dan bayaran lain yang dibenarkan dilakukan. Rang undang-undang ini telah menggariskan proses dan peranan pegawai atasan dan pegawai penyiasat di dalam penilaian jumlah amaun yang dibenarkan dan pelepasan amaun tersebut kepada individu atau syarikat yang terlibat.

■1600

Bererti ada kaedah untuk memberikan sara hidup kepada pihak syarikat dan tuan punya syarikat. Katakanlah jika diperlukan sebanyak RM20,000 sebulan maka kita akan lepaskan RM20,000 sebulan kepada individu atau syarikat yang terlibat. Tambahan pula di bawah SOP, agensi penguat kuasa undang-undang dikehendaki membuat penilaian terlebih dahulu bagi perbelanjaan yang munasabah dan membuat pembekuan separa akaun jika perlu. Ini satu lagi kaedah. Manalah tahu yang ditangkap itu ada empat orang isteri misalnya maka tentulah lebih keperluan yang diperlukan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi segala-galanya itu dilihat oleh pegawai penguat kuasa undang-undang sebelum membuat pembekuan. Individu atau syarikat dinamakan di bawah perintah tersebut boleh memohon untuk peningkatan. Dia boleh mohon untuk peningkatan jumlah yang boleh dilepaskan untuk perbelanjaan sara hidup. SOP tersebut juga mengehendaki agensi penguat kuasa undang-undang untuk memberi keputusan dalam tempoh satu minggu. Tuan Yang di-Pertua, Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee terima kasih.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya celah sedikit...

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Mencelah kah?

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tidak. Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak penjelasan? Saya benarkan dahulu dia hendak minta penjelasan.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan yang baik. Ini yang saya cakap fasal mesin kuda ini dekat 30 tahun sudah mesin kuda ini bermaharajalela di negara kita ini.

So adakah kerana pihak polis pun ada banyak kerja. Adakah cadangan kementerian untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya khas untuk *predicate offence*, dengan izin, di mana AMLATFA ini akan menjalankan tugas seperti badan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Adakah satu cadangan oleh kementerian supaya untuk membentuk sebuah organisasi yang efektif dan tiada campur tangan dari mana-mana pihak? Adakah cadangan dari kementerian untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk semua kesalahan-kesalahan di bawah AMLATFA?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Kita tadi sudah sebut ada satu jawatankuasa khas di bawah Bank Negara Malaysia dan 16 agensi kerajaan dan di bawahnya. Suruhanjaya itu tidak perlulah Yang Berhormat Senator. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya bangkitkan masalah yang adakah benar bahawa Singapura adalah tempat yang selamat untuk menyimpan wang haram daripada Malaysia. Adakah benar atau dakwaan semata-mata?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu dakwaan Yang Berhormat. Sebelum ini Switzerland. Selepas itu dakwaannya ialah berpindah ke Singapura. Itu hanya dakwaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Saya hendak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ada tiga perkara Tuan Yang di-Pertua. Pertama takrifan penganas yang saya hanya hendak minta penjelasan sama ada dalam perbahasan saya sebutkan. Apakah kita menggunakan Resolusi 1267 Majlis Keselamatan PBB dalam memberikan takrifan keganasan itu hanya kepada yang disebut dalam Resolusi 1267 yang mana Taliban dan juga hanya Al-Qaeda sahaja. Itu yang pertama.

Kedua, apa Yang Berhormat Timbalan Menteri bangkitkan tadi dalam konteks patuh syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan juga Akta Bank Negara 2009 itu memang sudah pun saya bangkitkan dalam perbahasan saya. Itu memang sudah dikawal selia yang mana aspek patuh syariah itu memang diberikan perhatian khusus di bawah akta-akta ini. Akan tetapi bagaimanakah pula aktiviti-

aktiviti yang tidak dikawal selia oleh mana-mana akta sama ada di bawah agensi Bank Negara mahupun Suruhanjaya Sekuriti yang menggunakan sewenang-wenangnya label patuh syariah? Itu soalan saya yang saya perlukan penjelasan.

Ketiga berkenaan dengan bagi mereka yang tidak bayar cukai. Saya amat bersetuju bagi mereka yang tidak bayar cukai ini diletakkan sebagai kesalahan jenayah. Cuma yang saya bangkitkan tadi sebab ini persepsi di bawah, di kalangan rakyat mengatakan seolah-olah LHDN ini ada pilih kasih. Bagi mereka yang tidak bayar cukai yang mana ratusan juta, berbilion tetapi apabila minta diskaun diberikan layanan istimewa. Akan tetapi bagi rakyat marhaen di bawah yang hanya tidak bayar cukai mungkin tidak sampai RM3000, RM4000 tetapi didenda. Apakah ini akan menjadi mangsa kepada kesalahan jenayah yang akhirnya harta mereka disita? Ini saya minta dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebagai contoh HAMAS dan Ikhwanul Muslimin disebut sebagai penjenayah oleh sesetengah negara. Akan tetapi Malaysia tidak menganggap mereka sebagai penjenayah kerana takrifan kita adalah berdasarkan kepada takrifan PBB. PBB kata tidak pengganas maka mereka itu tidak pengganas.

Sebagaimana saya sebut tadi Menteri Dalam Negeri ada mempunyai kuasa yang tertentu untuk melabelkan satu itu sebagai penjenayah ataupun tidak dan tentulah ada kriteria-kriteria yang tertentu. Memang kita ada akta-akta tentang kewangan Islam yang penting untuk mengelakkan salah guna patuh syariah itu. Apa yang penting? Apa yang penting ialah ada lesen atau tidak, itu yang terlebih dahulu.

Jika mereka ingin melakukan sesuatu yang berkaitan tentang pengumpulan deposit awam misalnya mereka perlu mendapatkan lesen terlebih dahulu. Jika dalam syarat-syarat lesen itu ada kriterianya. Kalau mereka tidak mempunyai lesen maka mereka tidak boleh melaksanakan aktiviti itu langsung tidak boleh meletakkan sama ada patuh syariah atau pun tidak. Perkara yang penting pada saya ialah penguatkuasaan. Memang ada berlaku macam contoh macam Geneva, mereka kata ia patuh syariah pelaburan emas itu. Akan tetapi yang penting pelaburan itu sendiri tidak mempunyai lesen dan kita pun telah mengambil tindakan terhadap pelaburan emas Geneva. Kemudian mengenai...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Mengenai cukai. Sekejap Yang Berhormat. Mengenai cukai. Cukai memang dibenarkan dalam Akta Cukai Pendapatan untuk mereka yang merasa terkhilaf Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mengenakan cukai terhadap diri mereka merayu. Itu adalah termasuk dalam akta LHDNM.

Oleh kerana itu tidak menjadi kesalahan untuk mana-mana syarikat dan orang perseorangan merayu jika dikenakan jumlah taksiran tertentu cukai. Sama ada jumlahnya itu diluluskan berapa banyak atau tidak ia bergantung kepada satu jawatankuasa di peringkat LHDNM. Dalam kes-kes yang tertentu dibawa kepada makluman Menteri.

Saya berharap agar tidak ada sebarang salah guna kuasa di peringkat Lembaga Hasil Dalam Negeri dari segi memutuskan, sama ada memutuskan kepada pihak syarikat besar ataupun terus meletakkan hukuman kepada orang kecil. Saya harap perkara itu tidak berlaku. Segala-galanya itu telus. Kita ada jawatankuasa, kita ada *board of directors* di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan mereka melaksanakan tugas *without fear or favour*. Mereka melaksanakan tugas yang sepatutnya mereka laksanakan.

Bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa misalnya sebagai contoh Lembaga Hasil Dalam Negeri- contoh kalau ada sebut pilih kasih. Kalau ada kes melalui kesalahan pengambilan deposit haram misalnya di bawah Akta Bank Negara Malaysia pada masa yang sama tidak melaporkan pendapatan di bawah seksyen 112, Akta Cukai Pendapatan atau kurang melaporkan pendapatan. Bagi sebarang penangguhan tempoh bayaran atau mengurangkan jumlah bayaran atau penalti ia adalah tertakluk kepada proses tadbir urus.

Kita tidak ada angka-angka mengatakan bahawa orang kecil sekian banyak dikenakan dan orang besar sekian banyak dilepaskan. Angka-angka itu kita tidak ada. Jadi kita tidak bolehlah membuat jangkaan-jangkaan sebagaimana persepsi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih. Saya kira itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan yang panjang lebar.

**Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Bagi saya satu ruang pertanyaan kepada Yang Berhormat. Ini fasal mesin kuda. Saya hendak cadangkan boleh tidak polis jadi ketua membanteras dengan segera dan disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan *chief*, Ketua Polis Negara dan juga dilibatkan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana saya tengok pengalaman saya di negeri kalau Ketua Polis Negara tidak terlibat bersama susahlah tindakan boleh diambil.

#### ■1610

Oleh kerana itu saya cadangkan Ketua Polis Negara jadi *chairman*, jawatankuasanya Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Memang betul-betul itu Yang Berhormat. Setuju sangat lah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang panjang lebar. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 78 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.14 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang biasanya dirujuk sebagai Akta 555 telah digubal dan mula berkuat kuasa pada 31 Disember 1967. Ia bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pengajian tinggi swasta di Malaysia. Akta tersebut menyatakan beberapa perkara seperti prosedur penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawal seliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) Akta 555 juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar IPTS yang telah dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 3(1) untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Akta 555 pernah dipinda sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2003, tahun 2009 dan tahun 2012.

Pindaan ke atas Akta 555 pada tahun 2012 melibatkan penyelarasan peruntukan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), [Akta 30] yang berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam bidang politik. Pindaan ke atas Akta 555 merupakan suatu usaha berterusan bagi memastikan perkembangan sektor IPTS adalah dikawal oleh peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan yang selari dengan keperluan semasa sektor pengajian tinggi swasta supaya perkhidmatannya adalah berkualiti dan lestari.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyemak Akta 555 dan peraturan-peraturan yang lain sejak tahun 2011 yang didorong oleh perkembangan pendidikan tinggi semasa termasuk proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta yang dijalankan ke atas IPTS bertaraf universiti bermula pada tahun 2012. Proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta membolehkan pelabur asing memegang ekuiti sebanyak 100% dalam urusan penubuhan IPTS serta memerlukan sektor pengajian tinggi swasta mematuhi prinsip liberalisasi yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada penambahbaikan suasana pendidikan tinggi, ekonomi dan sosial. Antara impak positif yang dihasilkan daripada proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan akses dan ekuiti pendidikan kepada pengguna tempatan dan juga asing;
- (ii) meningkatkan pengantarabangsaan;
- (iii) meningkatkan modal atau pelaburan;
- (iv) meningkatkan pembangunan modal insan;
- (v) meningkatkan daya saing;
- (vi) meningkatkan kualiti dan seterusnya pengiktirafan; dan
- (vii) mengurangkan kos pendidikan ke atas pelajar terutamanya pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara.

Bagi memastikan bahawa persediaan menghadapi proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta berjalan lancar dan berkesan, pelbagai strategi aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan. Perbincangan dan pemantauan pelaksanaan telah diadakan di dalam beberapa siri *Strategic Reform Initiatives Labs*, dengan izin, mesyuarat bersama agensi-agensi seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan *Malaysian Services Development Council* (MSDC) dengan izin, bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan. Sesi konsultasi dengan pelbagai *stakeholders* juga turut diadakan. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada usaha-usaha membangunkan kapasiti IPTS oleh kerajaan selain daripada usaha IPTS sendiri untuk berdaya saing dan usaha-usaha untuk mempromosikan peningkatan perdagangan melalui penyingkiran halangan perdagangan bebas.

Dalam hal ini pematuhan prinsip liberalisasi iaitu ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi sering menjadi rujukan. Kuasa Menteri untuk mempelawa pelabur untuk menubuhkan IPTS di bawah seksyen 22 dilihat sebagai bertentangan dengan kewajipan *Most Favoured Nation* (MFN) dengan izin, di bawah perjanjian rangka kerja WTO mengenai perkhidmatan, bahagian dua. Sehubungan itu, bagi melancarkan pelaksanaan liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta, maka pindaan kepada seksyen 22 dengan menyingkirkan amalan permohonan bagi penubuhan dibuat atas pelawaan perlu dilakukan.



Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi keperluan liberalisasi, Kementerian Pendidikan mencadangkan agar seksyen 22 di bawah Akta 555, dipotong supaya peruntukannya tidak menjadi halangan atau mengelirukan pelabur asing yang ingin melabur dan menubuhkan IPTS di Malaysia. Sektor perkhidmatan pendidikan khususnya pengajian tinggi, sedang berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan globalisasi telah menghasilkan dan membentuk hala tuju baru pengajian tinggi dengan melahirkan beberapa trend baru seperti pendidikan merentasi negara dengan izin, *Transnational Education* (TNE), liberalisasi, kolaborasi dan sebagainya. Arus perkembangan ini telah mengubah landskap pengajian tinggi negara khususnya sektor IPTS di mana pada masa kini didapati ramai pelabur asing telah mula menubuhkan IPTS di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta dilaksanakan untuk menarik pelabur asing bagi menyediakan IPTS bertaraf dan bereputasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, proses liberalisasi menuntut pelbagai keperluan bagi menepati prinsipnya seperti ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi. Proses liberalisasi akan mengurangkan halangan, memudahkan perniagaan dijalankan dan mengukuhkan peraturan domestik. Strategi sedemikian perlu supaya suasana perniagaan menjadi lebih yakin dan kondusif kepada pelabur asing untuk berniaga.

Bagi memenuhi keperluan liberalisasi dan di dalam merencanakan proses mengantarabangsakan sektor pengajian tinggi, pindaan seksyen 22, di bawah Akta 555 adalah penting dan kritikal kerana peruntukannya adalah bercanggah dengan inisiatif proses liberalisasi sektor pendidikan swasta negara. Pindaannya amat diperlukan kerana sektor pendidikan swasta negara khususnya penubuhan IPTS bertaraf universiti telah pun melalui proses liberalisasi pada tahun 2012. Percanggahan tersebut jika tidak dibetulkan akan menimbulkan isu ketidakpatuhan dasar-dasar liberalisasi antarabangsa. Hal ini akan mengeruhkan imej negara dan menjejaskan hasrat Malaysia untuk menjadi hab pendidikan serantau.

Pindaan seksyen 22 dan seksyen yang berkaitan dengannya perlulah dilaksanakan supaya tidak membawa implikasi kepada peruntukan lain. Cadangan pindaan adalah untuk memansuhkan permohonan bagi penubuhan universiti, kolej universiti dan kampus cawangan dibuat atas pelawaan Menteri. Dengan pemansuhannya, dasar asal iaitu kelulusan menubuhkan IPTS bertaraf universiti, kolej universiti, kolej dan kampus cawangan luar negara masih kekal melalui seksyen 6 di bawah Akta 555.

Pindaan ke atas Akta 555 akan dapat memenuhi kehendak dasar liberalisasi negara dan seterusnya memudahkan pelabur asing menubuhkan IPTS di Malaysia seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong seksyen 22 Akta 555 yang menghendaki Menteri membuat pelawaan terlebih dahulu sebelum boleh memohon kelulusan untuk menubuhkan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri. Ini selaras dengan dasar liberalisasi perkhidmatan yang berhubung dengan sektor pendidikan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 23, Akta 555 untuk menegaskan tentang kehendak pemakaian peruntukan Akta 555 berhubung dengan permohonan bagi penubuhan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan universiti, kolej universiti luar negeri.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas.

Sebelum saya menjemput atau memanggil nama Yang Berhormat yang hendak berbahas, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti yang telah dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Kita cuma ada beberapa jam hari ini dan besok sepanjang hari untuk membahaskan tiga rang undang-undang termasuk Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014.

Jadi bagi rang undang-undang ini, setakat ini saya ada 14 nama Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Datuk Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu, dan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh.

Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat supaya berada di dalam Dewan sepanjang masa supaya apabila kita panggil Yang Berhormat berada dalam Dewan. Seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, kalau kita panggil Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan, kita tidak akan panggil lagi. Begitu juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sentiasa berada dalam Dewan sebab kita dapat lihat siapa yang selalu berada di dalam Dewan, siapa yang jarang berada di dalam Dewan dan siapa yang tidak berada di dalam Dewan.

Jadi dengan itu, tanpa melengahkan masa, saya ingin menjemput Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Dipersilakan Yang Berhormat.

**6.27 ptg.**

**Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ingin menyokong Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014. Saya ucapkan tahniah di atas pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Antara tujuan utama pindaan adalah untuk memotong seksyen 22, Akta Institusi Pendidikan Tinggi 1996 [*Akta 555*] supaya ianya tidak menjadi penghalang atau mengelirukan pelabur asing yang ingin melabur dan menubuhkan IPTS di negara ini. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, dengan izin, *centre for academic excellent* di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa pada abad ke-21 ini, ia memerlukan negara ini meningkatkan kecemerlangan imej dan kualiti pendidikannya ke taraf dunia atau memperoleh status *world class education* dengan izin.

Dengan pindaan rang undang-undang ini, kita yakin jumlah IPTS akan bertambah di negara ini. Implikasi pindaan, mengikut maklumat yang sedia ada, hingga November 2012, terdapat 37 buah universiti swasta, 20 kolej universiti swasta, tujuh buah kampus cawangan universiti luar negara dan 414 buah kolej swasta di negara kita. Mohon statistik IPTS terkini dan juga mohon penjelasan Kementerian, pada tahun 2013, kementerian telah mengumumkan moratorium iaitu pembekuan ke atas penubuhan IPTS. Justeru itu, adakah pindaan ini telah menghapuskan moratorium ini?

Kita yakin dengan pindaan ini, jumlah penubuhan IPTS akan bertambah dan akan memberikan impak kepada penambahan pelajar asing, tenaga pengajar dan keperluan infrastruktur juga akan bertambah dengan pesat di negara ini. Secara dasarnya, kerajaan mempunyai perancangan rapi terhadap perkembangan sektor pengajian tinggi negara. Walau bagaimanapun, aspek kualiti bidang ini juga tidak boleh diketepikan. Dalam memastikan negara kekal berdaya saing, pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi bagi mengerakkan ekonomi berinovasi amatlah perlu dihasilkan melalui IPT yang berkualiti.

**■1630**

Justeru itu, saya ingin memohon penjelasan dari kementerian, apakah usaha seiring pindaan ini yang dilakukan bagi menjamin aspek kualiti IPTS? Saya juga ingin memohon penjelasan, apakah IPTS di negara ini juga akan diaudit menggunakan *Code of University Good Governance* (CUGG) dan *University Good Governance Index* (UGGI) seperti mana yang dilakukan kepada IPTA yang ingin dianugerahkan autonomi dan audit di setara iaitu bagi kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan kecemerlangan IPTS yang ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria dan syarat yang menjadi tenaga pengajar di IPTS? Kita maklum, untuk menjadi tenaga pengajar di IPTS, perlulah memiliki kelayakan akademik sama ada PhD, *Masters* atau ijazah dan perlu mendapatkan permit mengajar daripada kementerian. Walau bagaimanapun, dalam proses mendapat permit, apakah mereka ini juga di *interview* atau perlu dipilih dalam hanya kalangan yang terbaik sama ada dari kalangan akademiknya atau sahsiahnya. Ini kerana,

jika dibandingkan dengan tenaga pengajar IPTA, kita hanya mengambil yang terbaik di kalangan yang memohon. Mereka juga dilihat dari aspek penyelidikan dan kelulusan mereka di samping sahsiah mereka. Kerajaan sendiri juga meletakkan dasar yang jelas iaitu semua IPTA haruslah mempunyai sekurang-kurangnya 60% tenaga pengajar yang memiliki PhD bagi menjaga kualiti IPTA.

Justeru itu, adakah kerajaan juga akan mengadakan dasar yang sama kepada IPTS? Apakah kaedah pemantauan ataupun sistem yang diguna pakai bagi kualiti pensyarah IPTS? Di samping itu, kita juga difahamkan ada juga IPTS yang sedang beroperasi di negara kita, memberi kelulusan walaupun pelajar mereka tidak lulus ataupun memberi kelulusan yang lebih tinggi walaupun lulusnya rendah kerana ingin memastikan IPTS mereka terus mendapat pelajar. Saya ingin bertanya, bagaimana kerajaan boleh mengatasi perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013, terdapat seramai 123,273 orang pelajar asing daripada 163 buah negara yang sedang menuntut di negara ini dan seramai 94,281 orang pelajar di IPTS. Selebihnya, 28,992 orang belajar di IPTA. Saya ingin memohon penjelasan, apakah unjuran jumlah kemasukan pelajar asing di negara ini sehingga tahun 2020? Saya juga memohon penjelasan, apakah syarat kelayakan minimum bagi memasuki IPTS di negara kita? Jika bagi kemasukan IPTA, pemilihan kemasukan adalah berasaskan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90% akademik dan 10% kokurikulum. Hari ini, banyak isu pelajar asing telah menjadi masalah kepada negara kita. Sebagai bukti, mengikut jawapan Dewan Negara pada 29 April 2014, seramai 4,377 orang pelajar antarabangsa gagal menamatkan pengajian mereka disebabkan masalah prestasi akademik, kehadiran, kesihatan dan juga kewangan. 32 orang pelajar asing terlibat dengan kes jenayah mengikut rekod PDRM dan 1,390 orang pelajar asing ditangkap melibatkan kesalahan tinggal lebih masa dan melanggar pas pelajar Jabatan Imigresen Malaysia. Difahamkan ada juga pelajar asing yang terlibat dengan kes-kes maksiat seperti pelacuran. Jadi, jika ini benar berlaku, berapakah yang terlibat dan berapakah yang telah ditangkap dan bagaimana untuk mengelakkan kes-kes ini berlaku lagi di masa hadapan.

Kita juga maklum, kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai usaha bagi penjarangan agar pelajar-pelajar yang *genuine* sahaja yang dibenarkan belajar di negara ini. Ini termasuklah saringan dari Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan yang terkini melalui *Education Malaysia Global Services* (EMGS), dengan izin, sebagai pusat sehenti bagi membuat saringan dan memproses kesahihan dokumen pelajar antarabangsa ini sebelum dibenarkan belajar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya juga ingin memohon penjelasan, apakah tahap kesediaan pusat EMGS bagi menjamin masalah pelajar asing benar-benar dapat dikawal? Berapakah jumlah kakitangan dan apakah kualiti dan jaminan keselamatan mereka (EMGS) yang ada. Adalah dicadangkan agar jumlah kakitangan EMGS perlu bersesuaian dengan jumlah kerja dan juga perlulah mempunyai sifat integriti yang tinggi dan juga diberi jaminan keselamatan yang baik. Ini kerana kita maklum, sesetengah daripada pelajar yang datang kadangkala fizikal mereka telah menggerunkan kita. Kita ambil kira sindiket jenayah antarabangsa yang dianggotai oleh mereka. Kita tahu sebahagian

pelajar datang daripada Afrika, badannya besar-besar. Mereka juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak baik. Jadi, bagaimana ini dapat kita tangani?

Sehubungan dengan sikap pelajar asing yang sering kali mencetuskan perasaan bimbang masyarakat tempatan dengan budaya yang bertentangan dengan masyarakat setempat, saya mencadangkan subjek mata pelajaran wajib diperuntukkan dalam Akta 555 yang diajar di IPTS perlu ditambah baik *syllabus*nya. Proses pengajaran juga harus diajar oleh pensyarah tempatan supaya intipati mengenai budaya tempatan dan sahsiah masyarakat setempat benar-benar dapat disampaikan atau difahamkan dengan baik dengan pelajar-pelajar ini bagi mengimbangi sikap dan budaya mereka. Ini kerana ramai yang datang dan terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sesuai dengan budaya tempatan. Sebab itu mereka mesti di orientasi dalam tempoh yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting berkenaan dengan kualiti sistem pendidikan tinggi adalah berkenaan program yang ditawarkan oleh IPTS. Kita maklum, daripada pembacaan kita, banyak terdapat lambakan siswazah berlaku dalam pasaran kerja atau banyak siswazah yang tidak mendapat pekerjaan ekoran daripada ilmu yang mereka miliki tidak bertepatan dengan kehendak pasaran. Jadi, amat perlu bagi kerajaan memastikan IPTS yang akan dibina boleh selari dengan inspirasi negara bagi menyediakan modal insan yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran.

Kita sedia maklum bahawa Blueprint Kebolehpasaran Graduan 2012–2017 telah pun dilancarkan pada akhir tahun 2012 bertujuan memenuhi keperluan guna tenaga profesional dan mahir bagi pembangunan negara. *Blueprint* ini adalah satu panduan dalam memastikan kurikulum yang ditawarkan di IPT sentiasa selari dengan perkembangan dan keperluan pelbagai pihak termasuk industri. Sejauh manakah kementerian mengaplikasikan *blueprint* ini kepada sistem IPTS di negara ini bagi memperkukuhkan kebolehpasaran graduan mereka. Kita juga maklum, kementerian juga telah memperkenalkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) sebagai satu mekanisme yang menghubungkan pengajian dengan pekerjaan di mana industri bekerjasama dengan penyedia pendidikan agar pelajar diterap dengan kemahiran dan keperluan dalam pekerjaan. Promosi kebolehpasaran graduan melalui ICOE ini juga akan melibatkan pembangunan wilayah ekonomi seperti Wilayah Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak.

#### ■1640

Justeru itu, saya memohon penjelasan jumlah pelaburan atau IPTS yang telah ditubuhkan mengikut kawasan pembangunan wilayah ekonomi negara. Apakah usaha atau promosi yang dilakukan oleh kementerian agar pelabur-pelabur boleh berminat untuk melabur mengikut bidang keperluan pasaran negara bagi membina IPTS mereka? Selain itu juga adalah dicadangkan agar sekurang-kurangnya satu universiti swasta berasaskan keperluan pasaran akan dibina di setiap pembangunan wilayah ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon kementerian menyatakan, apakah alasan kursus-kursus kejuruteraan dimoratoriumkan ataupun dibekukan mulai tahun 2011 sehingga 2016 iaitu selama lima tahun? Saya mohon juga secara spesifik kursus kejuruteraan yang dibekukan memandangkan kursus-kursus ini amat diperlukan dalam perkembangan industri negara dan juga amat diperlukan bagi penyediaan tenaga kemahiran tinggi negara, patutnya tidak dibekukan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat, tepat lima belas minit. Seterusnya dipersilakan To' Puan Hajah Zaitun.

#### 4.42 ptg.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi memberi kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang perkembangan institusi pengajian tinggi khususnya Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) [Akta 555] yang telah berkuat kuasa semenjak 1967 lalu. Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah meminda akta ini beberapa kali bagi memastikan perkembangan sektor IPTS ini dikawal dan dipantau sebaik-baiknya. Pindaan Akta 555 kali ini adalah bertujuan untuk melancarkan proses liberalisasi sektor pengajian tinggi swasta dan penambahbaikan IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan Bahagian IV, Akta Ibu dengan memotong seksyen 22 iaitu pindaan ini akan dilancarkan lagi pelaksanaan liberalisasi sektor pengajian swasta yang telah dimulakan semenjak tahun 2011 lagi dengan membuka pintu yang luas kepada pelabur asing yang membolehkan mereka melabur dan menubuhkan IPTS di negara ini dengan pegangan 100% ekuiti. Langkah kerajaan ini adalah bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang peringkat global. Saya mengalu-alukan langkah murni kerajaan ini, namun kewujudan IPTS perlu mendapat kawalan yang sewajarnya daripada segi pelbagai aspek.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, agar menggalakkan perkongsian yang bijak dan lestari antara pelabur antarabangsa dan pelabur tempatan dalam IPTS ini. Saya percaya langkah ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, pelabur asing dan pelabur tempatan dalam membangun pembangunan IPTS. Ia bukan sahaja bagi memenuhi permintaan pelajar tempatan tetapi juga kepada pelajar antarabangsa. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat ini berapakah bilangan IPTS yang telah ditubuhkan termasuk IPTS dari luar negara dan berapakah bilangan pelajar dan kos pelaburan yang terlibat serta bilangan pengajian yang dijalankan oleh IPTS ini?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengajian IPTS ini, ada beberapa isu yang ingin saya bangkitkan. Pertamanya, berhubung dengan kelulusan untuk mengikuti pengajian ini yang didapati terlalu rendah. Sebagai perbandingannya, jika ingin memasuki pengajian matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kelulusan minimum yang diperlukan adalah 3A. Sedangkan untuk mengikuti pengajian perubatan swasta hanya memerlukan 2A sahaja. Maksudnya, jika ada wang sesiapa pun boleh memasuki IPTS tanpa mengira kelayakan masuk.

Dalam hubungan ini, saya menggesa kerajaan supaya menetapkan kelulusan minimum mengikuti pengajian di IPTS demi mengawal kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi termasuk IPTS bagi memastikan hanya pelajar yang layak sahaja dibenarkan mengikuti pengajian. Adalah tidak wajar IPTS ini hanya mementingkan keuntungan sahaja semata-mata tanpa memikirkan mutu pelajar yang mengikuti pengajian di IPTS. Dalam aspek ini haruslah kementerian meneliti dan memantau secara serius Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan kualiti pendidikan swasta yang sering dipersoalkan termasuk dalam bidang perubatan seperti kedoktoran dan kejururawatan kerana tidak mencapai kualiti dan tahap profesional yang dikehendaki. Akibatnya, berlaku lambakan graduan perubatan bidang kedoktoran dan yang dipersoalkan daripada segi kualiti dan profesional. Mutu dan kualiti yang rendah di kalangan graduan IPTS adalah kerana kegagalan kementerian memantau dan mengawal pembelajaran di IPTS.

Daripada segi modul dan kelayakan pensyarah, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah kerajaan mempunyai rekod atau data tentang pensyarah-pensyarah IPTS ini dari segi kelulusan dan sebagainya? Pensyarah IPTS ini perlu dikawal dengan ketat sebagaimana kerajaan mengawal pensyarah tempatan. Di samping itu, saya ingin menggesa agar *Malaysia Qualification Agency* (MQA) memantau dan mengawal pendidikan di IPTS ini bagi memastikan mutu graduan yang dilahirkan. MQA perlu memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menentukan standard pendidikan yang ditawarkan.

Saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan graduan IPTS ini mendapat ijazah kelas pertama tetapi sejauh manakah kelulusan mereka ini setanding dengan kelulusan IPTA? Kelulusan kelas pertama ini juga menjadi tiket kepada graduan ini untuk dikecualikan dari membayar balik pinjaman PTPTN. Saya berharap kerajaan mengkaji semula pengecualian pembayaran balik pinjaman PTPTN ini daripada graduan IPTS. Malah, pelajar-pelajar IPTS ini telah membebankan kerajaan dan layanan yang istimewa ini sewajarnya dikaji semula. Saya berharap kerajaan akan memberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar IPTA yang memerlukan pinjaman pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga ialah berhubung dengan laporan status pelajar asing di IPTS ini yang kebanyakannya berlindung di sebalik visa pelajar tetapi sebenarnya bekerja dan berniaga. Malah, ramai yang menjalankan kegiatan tidak bermoral yang lain-lainnya sebagaimana yang didedahkan di dada-dada akhbar. Malah, Jabatan Imigresen pun tidak dapat mengesan pelajar-pelajar asing selepas beberapa bulan memasuki negara ini dengan tujuan untuk belajar.

**■1650**

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mengawal pelajar-pelajar asing yang memasuki negara ini? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan pelajar-pelajar ini tidak menyalahgunakan visa yang dikeluarkan iaitu visa pelajar. Sehubungan dengan itu, saya menggesa kerajaan turut mengambil tindakan kepada IPTS kerana kegagalan mereka mengawal pelajar-pelajar asing ini. Tindakan yang tegas dan berterusan perlu diambil bukan sahaja kepada pelajar-pelajar asing yang menyelewengkan visa pelajar tetapi juga IPTS yang mengambil pelajar asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 23 yang bertujuan untuk menegaskan tentang kehendak pemakaian peruntukan Akta 555 bagi penubuhan IPTS di negara ini. Langkah ini akan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau bertaraf antarabangsa. Langkah ini saya percaya akan membolehkan kemasukan universiti-universiti ternama peringkat antarabangsa di negara ini memandangkan Malaysia mempunyai banyak kelebihan untuk pelabur asing termasuklah pelaburan dari segi pendidikan.

Antaranya kestabilan politik, ekonomi yang mapan, faktor keselamatan dan keamanan negara yang terjamin dan kos sara hidup yang rendah. Saya difahamkan kos sara hidup di Malaysia adalah antara yang terendah di dunia. Saya percaya pindaan rang undang-undang ini akan merencanakan lagi bidang pendidikan negara dan mampu melahirkan tenaga-tenaga kerja mahir dan tenaga-tenaga kerja profesional bagi terus memajukan dan membangunkan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kerajaan juga meneliti secara serius lambakan penyakit sosial sebagaimana yang dinyatakan di atas nama visa pelajar. Dengan itu saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

**4.52 ptg.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta ini. Mengikut statistik pelajar-pelajar perubatan yang telah menamatkan pelajaran mereka pada tahun 2011 ialah 3,564. Pada tahun 2012 angkanya 3,743 dan pada tahun lalu iaitu 2013 angkanya ialah 4,991. Jadi pada masa sekarang pelajar-pelajar kita memang bertuah sebab kalau mereka tidak diterima masuk ke IPTA mereka ada peluang dan pilihan lain iaitu masuk ke IPTS. Ataupun kalau mereka tidak dapat *course* yang diminati di IPTA mereka juga boleh melanjutkan *course* yang diminati oleh mereka ikut IPTS.

Di sini saya ingin menarik perhatian kerajaan tentang statistik yang saya katakan tadi. Kalau ikut statistik itu pada masa dahulu kita kekurangan doktor. Kemungkinan pada masa sekarang sudah cukup dan ada kemungkinan tidak lama lagi kelebihan doktor. Di sini maksudnya doktor kita akan



menghadapi pengangguran. Jadi yang ini bukan sahaja dalam bidang doktor. Malah yang ini pun lanjut ke farmasi, doktor pergigian dan sebagainya.

Jadi di sini saya ingin bertanya kementerian apakah langkah-langkah untuk kawalan supaya apa yang saya kata tadi janganlah profesion tersebut terlebih dan akibatnya memang tidak dapat pekerjaan. Di sini saya juga ingin bertanya adakah *syllabus* dan kualiti pelajaran IPTS sama dengan taraf IPTA? Kenapa saya bertanya begitu kerana saya dapat aduan dari orang awam iaitu masa untuk pelajar sesuatu kursus di IPTS itu jauh lebih pendek daripada pelajar di IPTA. Ambil contoh pelajaran perubatan. Kalau ikut IPTA iaitu dua tahun untuk STPM atau 'A' Level dan sebagainya dan lima tahun untuk kos perubatan tersebut. Jadi jumlahnya tujuh tahun.

Akan tetapi aduan itu tentang pelajar yang ikut IPTS, di mana *foundation* itu hanya perlukan setengah tahun dan *course* itu hanya perlukan tiga tahun. *To be specific* universiti tersebut ialah di Indonesia. Jadi jumlah masa itu ialah tiga setengah tahun sahaja. Kenapa perbezaan masa dengan tujuh tahun ini dan tiga setengah tahun itu begitu besar? Jadi di sinilah saya memang hendak tanya adakah *syllabus* dan kualiti itu sama?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya, sila.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Kalau kita lihat hendak masuk IPTA atau IPTS seseorang pelajar selepas tingkatan lima ada banyak terus dalam bulan Januari pergi mengambil satu kursus. Dalam masa sembilan bulan sahaja boleh mendapat satu kelayakan untuk masuk ke universiti. Sembilan bulan. Budak-budak masuk matrikulasi kebanyakannya satu tahun. Akan tetapi kalau seseorang itu menunggu sampai masuk STPM mengambil satu setengah tahun untuk mengambil peperiksaan, jadi dia akan rugi satu tahun. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai STPM? Perlukah kita hanya kurangkan ia kepada satu tahun?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Jadi itu sistem pendidikan. Jadi kita haraplah Yang Berhormat Menteri boleh berikan penjelasan. Saya memang bukan pakar dalam sistem pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Jadi saya teruskan. Keadaan tadi tersebut memang keadaan yang tidak adil untuk pelajar yang ikut IPTA. Lebih baik kita ikut IPTS supaya tiga setengah tahun itu sudah jadi masa untuk cari duit. Bukan?

#### ■1700

Perbelanjaan untuk tujuh tahun dan tiga setengah tahun ini untuk menghabiskan, menamatkan kos perubatan tersebut, memang berbeza sangat. Jadi, memanglah ini perlu perhatian kementerian dan beri penjelasan apakah langkah untuk mengadili perkara tersebut.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian kerajaan tentang pelajar yang melakukan jenayah dengan visa pelajar. Saya fikir punca untuk jenayah tersebut memanglah orang berniat jahat datang sini

untuk melakukan jenayah untuk mencari duit. Akan tetapi IPTS, adakah mereka mementingkan *interest* mereka dan melakukan kelonggaran dan *negligence* apabila menawarkan *seat* kepada pelajar asing itu. Kalau ada kelonggaran atau *negligence*, adakah apa-apa tindakan atau hukuman oleh kerajaan kerana perbuatan tersebut secara langsung menimbulkan, memberatkan jenayah di negara kita serta negara kita bukan sahaja nama kita atau IPTS kita namanya di jejas, tetapi serta ekonomi kita terjejas juga. Dengan ini, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Dato' Boon Som. Silakan.

### 5.03 ptg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Pindaan) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, kepada semua rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, selamat berpuasa. Memang letih bulan puasa dan kepada yang bukan Muslim, biarlah kita ambil iktibar pada bulan ini sebagai satu pengorbanan kepada kita untuk kita mengharmonikan bangsa Malaysia sebagai satu bangsa yang kita hormati semua.

Jadi, buanglah babikah, buanglah khinzirkah ataupun pakai *chewing gum* di bulan-bulan puasakah, biarlah kita semua ini adalah makhluk tuhan, dicipta oleh tuhan di sebuah kapal *Noah of Ark*, Noah, Nabi Nuh. Saya mohonlah supaya kita hidup semula keharmonian bangsa kita supaya kita hidup aman. Kita sekarang ini ke arah *close road* sudah bangsa kita ini, terpinggir. Banyak institusi asing yang dari sini, rakyat kita makin diasingkan. Adakah disebabkan pendidikan institusi pengajian tinggi swasta ataupun daripada rakyat kita sendiri yang terdedah kepada unsur-unsur yang lebih terasing daripada negara kita ini. Jadi saya mohonlah kepada semua rakyat Malaysia dan kepada semua masyarakat kita, biarlah kita lakukan satu pengorbanan pada bulan puasa ini untuk mengharmonikan keadaan untuk kembali kepada asal zaman anak-anak, datuk, tok wan kita dulu untuk masa depan kita supaya kita lebih hidup bersama lebih lama lagi ataupun 100,000 tahun lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh dan juga Timbalan-timbalan Menteri Pendidikan yang telah membantu masyarakat Siam pada tahun ini. Saya tidak terima rayuan daripada masyarakat Siam menyatakan bahawa orang Siam ini tidak boleh dapat masuk dalam matrikulasi. Mereka yang cemerlang pada tahun ini semuanya telah mendapat tempat dalam matrikulasi dan juga yang tidak dapat kecemerlangan pun dapat masuk ke vokasional.

Begitulah saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini bahawa jaminan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan bahawa masyarakat Siam, bumiputera ini telah dikotakan. Saya mintalah kementerian lain ataupun badan-badan bahagian pelaksanaan lain supaya mencontohi Kementerian Pendidikan ini supaya janji dikotakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, saya.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Sebenarnya, apa yang saya melihat sekarang ini adalah kebanjiran institut pengajian tinggi swasta ini lebih kepada, kiblatkan kepada barat. Kenapakah kita hendak tubuhkan sebagai *international education hub* di Malaysia ini? Kenapakah kita tidak pergi ke arah *Look East Policy* yang diamalkan oleh Tun Dr. Mahathir dahulu seperti Jepun. Mereka juga ada institusi yang lebih bermutu, juga kepada Singapura dan sebagainya dan juga kepada pendidikan lain seperti Korea yang pendidikan mereka juga tinggi. Jadi saya mohonlah Kementerian Pendidikan supaya memandang ke arah timur, menjalankan misi pelaburan ke arah *education hub* ini supaya membawa mereka masuk ke Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebagai *international education hub* ini.

Jadi, sambil itu saya memohon supaya Kementerian Pendidikan Tinggi ini mengadakan mata pelajaran khas kepada IPTS seperti juga pelajaran sivik dan kewarganegaraan supaya mereka memahami apa itu Malaysia dan apa itu kedudukan sebenarnya. Jangan sahaja terdedah kepada pelajaran daripada institusi luar negara, tetapi juga kita harus menanamkan ilmu semangat kemalaysiaan terhadap rakyat Malaysia ini, terhadap pelajar-pelajar IPTS ini. Juga kepada pelajar-pelajar negara, saya mencadangkan supaya khusus memahami kebudayaan masyarakat Siam dijalankan sendiri oleh Kementerian Pendidikan supaya kursus itu dapat memahami, bukan sahaja mereka memahami kedudukan kebudayaan malah mereka boleh menguar-uarkan kedudukan Malaysia, apakah yang ada di Malaysia ini. Bukan sahaja mengambil pelajaran mendapatkan pelajaran di Malaysia ini tetapi juga dapat menimba pengetahuan, kedudukan rakyat majmuk Malaysia dan juga tempat keagamaan dan sebagainya yang memahami antara satu sama lain dan supaya mereka boleh bawa balik ke negara mereka dan juga menjalankan apa yang dijadikan Malaysia sebagai satu bukan sahaja pendidikan secara ilmu, juga pendidikan secara holistik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya IPTS yang semakin hari semakin bertambah di Malaysia ini, saya meminta supaya Kementerian Pendidikan juga memantau bahawa biarlah IPTS itu IPTS yang mempunyai *establishment* ataupun *established* di negara. Jangan sahaja ambil daripada luar untuk tujuan semuanya untuk memperbanyakkan IPTS ini tetapi biarlah berkualiti dan pelajarannya pun berkualiti. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1710

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Norliza, tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Puan Bathmavathi? Yang Berhormat Puan Bathmavathi pun tidak ada dalam Dewan. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**5.10 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berkongsi, berbahas berhubung dengan akta untuk meminda Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibentangkan oleh Menteri tadi dalam kewajaran untuk meminda rang undang-undang ini merupakan satu tuntutan semasa yang perlu dilakukan di dalam memenuhi keperluan-keperluan institusi pengajian tinggi khasnya daripada institusi pengajian tinggi dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita merupakan salah sebuah negara yang meletakkan pelajaran di tempat yang tertinggi. Kita boleh lihat hal ini di dalam setiap kali belanjawan yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini di mana belanjawan untuk pelajaran merupakan yang tertinggi daripada kementerian-kementerian yang lain. Ini merupakan satu bukti bahawa Malaysia meletakkan pelajaran di tempat yang tertinggi dan penting di mana dengan pelajaranlah negara kita atau mana-mana negara pun akan mencapai kemajuan dan tamadun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan fasal-fasal yang telah diterangkan untuk dihapuskan di dalam akta ini semata-mata untuk melicinkan. Saya merujuk terus kepada fasal 2 bertujuan memotong seksyen 22, Akta 555. Bagi IPTS Akta 555 itu merupakan satu sinonim dengan sebutan mereka dan mana-mana IPTS pun apabila sebut Akta 555 adalah merujuk kepada institusi swasta.

Jadi dalam hal ini kalau dulunya akta ini mengehendaki Menteri membuat pelawaan terlebih dahulu sebelum boleh memohon kelulusan untuk menubuhkan universiti, kolej universiti atau kampus cawangan. Ini adalah peraturan yang telah pun diamalkan. Dengan pemansuhan ini, kita boleh memahami bahawa Institusi Pengajian Tinggi Swasta boleh memohon terus kepada kementerian tanpa mendapat pelawaan terlebih dahulu daripada Menteri dan ini merupakan suatu kelonggaran dan merupakan satu ruang yang boleh menyenangkan pihak-pihak berkenaan untuk membuat permohonan.

Kalau sebelumnya mereka perlu mendapat pelawaan Menteri dan mungkin juga untuk mendapat pelawaan Menteri itu perlu pada masa yang lama sehingga Menteri berpuas hati terhadap sesuatu institusi itu. Akan tetapi keadaan sekarang boleh memberi satu ruang yang lebih baik di mana mana-mana institusi yang merasakan yang ingin menubuhkan mana-mana kolej dan kolej universiti atau universiti yang merasakan diri mereka layak boleh memohon kepada kementerian.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, adakah pemotongan ini khusus untuk institusi dari luar negara sahaja ataupun ia juga termasuk IPTS ataupun kolej universiti dalam negara termasuk terpakai dalam seksyen ini, dalam perbincangan kita ini. Kalau sekiranya pemotongan ini berlaku, saya juga ingin tahu berapa lama tempoh yang akan diambil oleh sesuatu institusi itu mendapat maklumat atau kebenaran daripada pihak kementerian apabila semua syarat-syaratnya sudah cukup. Apabila sesuatu institusi dikatakan gagal, berapa lama pula mereka akan menerima jawapan daripada kementerian dan kegagalan itu apakah mereka boleh memohon kembali untuk mendapatkan apa yang

mereka mohon seperti kolej universiti atau universiti pada masa yang akan datang dan adakah perlu tempoh yang sesuai setelah dibuat penyelidikan dan juga pemantauan oleh pihak kementerian.

Dalam hubungan ini, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian dengan lulusnya akta ini adakah ia juga berkait dengan hal-hal lain seperti kewajipan pelajar-pelajar khasnya luar negara memahami Malaysia ataupun kalau dulu saya ingat mereka perlu mengambil Bahasa Malaysia. Sebab saya melihat ia merupakan satu perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar-pelajar luar negara. Kalau kita pun pergi belajar ke mana-mana negara, pergi ke UK ataupun Jerman, atau Perancis, atau Rusia atau mana-mana negara kita perlu mengambil secukupnya bahasa negara itu walaupun kadang-kadang pembelajarannya dilakukan dalam bahasa lain. Adakah hal itu akan dikenakan, atau telah, atau sedang dikenakan kepada pelajar-pelajar ini yang belajar di Malaysia. Sebab kita tidak mahu mereka hanya mari belajar ilmu itu sahaja tetapi budaya Malaysia dan mereka tidak menghormati negara kita dan sedikit sebanyak bahasa kita mereka mengetahui.

Saya temui beberapa pelajar yang telah tamat di Malaysia. Saya ke negara mereka, saya temui mereka dan saya bercakap dengan mereka nampaknya mereka tidak tahu sangat tentang Malaysia dan apa lagi hendak bercakap Bahasa Malaysia. Bagi mereka, duduk di Kuala Lumpur tidak memerlukan Bahasa Malaysia. Mereka cukup dengan bahasa Inggeris yang ada dan mereka pun rasa tidak perlu mengetahui Malaysia secara yang sepatutnya mereka tahu di mana tempat mereka belajar menimba ilmu sehingga mereka berjaya sebagai seorang yang bergelar yang mendapat ijazah pertama, ijazah kedua dan seterusnya.

Kalau hal ini berlaku bagi saya ia sangat tidak kena dengan matlamat negara kita bukan kita hanya semata-mata untuk menjadi hab pelajaran tetapi kita juga ingin mengeksport budaya kita, bahasa kita kepada orang lain melalui pelajar-pelajar ini walaupun tahap penguasaan maklumat mereka dan juga bahasa mereka tidak setinggi yang ada pada masyarakat kita. Ini saya ingin berkongsi bahawa perkara seperti ini perlu kita tengok kembali dan kalau sekiranya kementerian telah melaksanakan saya sangat junjung tinggi.

Begitu juga saya ingin bertanya berhubung dengan permohonan untuk mendapat taraf kolej universiti dan juga universiti kepada universiti kolej dan juga kolej universiti yang ada di dalam negara. Adakah ia melalui proses yang sama ataupun akan kekal proses yang lama? Kalau ini kita tengok ini tidak perlu pada pelawaan Menteri kalau kolej-kolej dari dalam negara atau juga kolej universiti yang sedia ada untuk mendapat universiti adakah mereka boleh mengikuti keadaan yang sama atau sebaliknya. Kalau sekiranya mereka diberikan keadaan yang sama, maka ini satu perkembangan yang saya rasa sangat baik dan kalau mereka perlu mengikut proses yang lama maka saya rasa itu perlu diberi satu penilaian yang semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian, setakat ini kalau kita tengok nisbah antara pelajar IPTS dengan pelajar IPTA. Berapa nisbah yang semasa supaya kita boleh tengok peranan IPTS ini dalam membangun pelajaran di dalam negara.

**■1720**

Saya tengok banyak IPTS yang ada di dalam negara kita ini, sampai ratusan ada yang sangat berjaya, ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Kalau boleh tahu dalam hubungan ini, berapa jumlah IPTS yang tidak berjaya dan terpaksa tutup? Apa sebenar faktor-faktor yang menyebabkan IPTS itu terkandas dan tidak boleh berjalan. sehingga kalau menurut maklumat yang saya ada, IPTS itu pada peringkat awalnya bagus tapi akhirnya tidak ada pelajar lagi. Di mana silapnya? Saya yakin dan percaya pihak kementerian mempunyai maklumat yang lengkap berhubung dengan hal-hal seperti ini.

Begitulah juga kita tengok ada IPTS yang sangat berjaya dan mereka telah dapat meningkat daripada kolej kepada kolej universiti dan seterusnya ke universiti. Apa pula faktor yang boleh dikongsi oleh orang-orang lain tentang kejayaan mereka itu? Adakah kerana modal yang cukup ataupun juga ditambah dengan pengurusan yang baik? Dan juga mungkin ada keantarabangsaannya di situ atau mungkin juga ada elemen-elemen lain yang boleh membantu sehingga menjayakan.

Saya melihat peluang pelajar kita yang tidak dapat masuk ke IPTA, mereka ada lagi satu ruang ini. Saya mengucapkan syabas kepada IPTS yang telah memberi tampungan kepada ruang pembelajaran di dalam negara sehingga negara kerana IPTA tidak mampu menampung seluruhnya. Ini kita lihat dalam perkembangan pembelajaran yang semakin meningkat dan jumlah pelajar yang semakin ramai yang dalam negara kita pun. Oleh kerana itulah adanya IPTS ini ialah dapat memberi tampungan kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk ke IPTA, di mana IPTA walaupun sudah puluhan universiti tetapi masih belum dapat menampung keseluruhan pelajar-pelajar kita.

Kedua, IPTS ini juga dia dapat menarik pelajar-pelajar dari luar negara dan ini merupakan satu pelaburan yang baik. Saya yakin dan percaya pelajar-pelajar yang datang ke negara kita adalah bertujuan untuk menimba ilmu kerana di sini ada beberapa elemen yang terdapat, yang menarik mereka. Pertama, saya dok tanya bertanya mereka kerana kosnya rendah berbanding dengan UK, US dan negara-negara Eropah yang lain, sedangkan kualiti pembelajaran tidak kurang dari sana. Ini satu faktor yang menarik. Kedua keamanan yang ada di dalam negara ini yang menyebabkan mereka rasa selesa dan mereka rasa tidak takut untuk tinggal di sini. Ketiga ialah masyarakat kita yang sangat memuliakan orang luar dan orang kita melihat kan orang luar ini kadang-kadang terlebih sikit, terlajak.

Walau bagaimanapun, itu satu sikap yang baik dan yang ketiga ialah yang saya hendak sebut, saya rasa dukacita kerana ada segelintir masyarakat, pelajar-pelajar ini yang jadikan negara kita tempat mereka melakukan jenayah. Saya sangat dukacita hal itu. Walaupun golongan mereka ini tidak ramai tetapi memberi imej yang tidak baik kepada negara-negara yang berkenaan. Kita juga tidak mahu Malaysia dijadikan tempat menjadi lambakan kepada golongan tersebut. Oleh kerana itu saya ingin menyampaikan hasrat saya kepada pihak kerajaan supaya kita membuat saringan yang betul-betul kepada mana-mana pelajar yang ingin datang belajar ke negara kita supaya mereka dapat pelajaran dan kita dapat memberi yang sebaiknya kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin pihak kementerian sekali lagi mengawal dan memantau apa jua yang dibawa oleh pelajar-pelajar asing ini ke negara kita. Ini supaya negara kita

tidak akan jadi lambakan dari segi jenayah dan juga pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan apa yang sedang kita- yang ada di negara kita. Kita tidak mahu perkara-perkara songsang berlaku di dalam negara kita ekoran daripada pertembungan masyarakat kita dengan golongan-golongan itu. Saya dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyakkah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit? Dua minit, Tiga minit lagi.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Lebih kurang itulah. Saya dapati ada sebahagian tempat di dalam masyarakat kita di Lembah Klang khususnya yang mereka rasa tidak tenteram dengan kehadiran pelajar-pelajar ini kerana mereka membawa budaya masing-masing dengan membuat bising dan juga tidak menghormati orang-orang tempatan. Hal-hal ini saya harap pihak kementerian memberi pemantauan kepada pihak-pihak kolej yang mengambil pelajar-pelajar tersebut. Ini supaya mereka tahu menyesuaikan diri di mana tempat mereka berada seperti pepatah orang tua kita kata "*Di mana kita berada, kalau di dalam kandang kambing mengembek, kalau di kandang lembu berteballah dia*".

Dengan kata-kata itu saya menyokong perubahan ini dan ucapan terima kasih dan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

#### 5.26 ptg.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana membawa kami semua ini, Ahli Dewan Negara ke KLIA2 baru-baru ini. Dengan melawat ke sana, jadi saya nampak banyak input-input yang kita dapat tahu semasa di KLIA2 itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi masa sedikit kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Institut Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014 ini.

Pindaan RUU ini adalah untuk memotong seksyen 22, Akta 555 yang kesannya boleh memudahkan pihak melabur untuk membina institusi pendidikan tinggi swasta di negara ini. Kalau sebelumnya IPTS dibina memerlukan pelawaan Yang Berhormat Menteri tetapi pindaan ini membenarkan IPTS dibuka oleh sesiapa pun asalkan mematuhi segala Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta [Akta 55]. Dalam kata lain, usaha ke arah merealisasikan sektor pengajian tinggi swasta merupakan usaha yang tepat kerajaan bagi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau. Saya juga turut berpandangan proses pelawaan yang diguna pakai sebelum ini dilihat memberi prinsip negatif dalam kalangan pelabur luar negara dan masyarakat antarabangsa.

Persepsi mereka adalah hanya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dibeli oleh dan ditubuhkan di Malaysia dan IPT dijemput akan memberi pertimbangan serta laluan proses khas selain layanan istimewa pihak berkuasa. Saya yakin dengan pindaan Akta 555 ini, ianya akan mengurangkan

halangan kepada pelabur-pelabur luar negara yang ingin menubuhkan IPTS di Malaysia dan menyediakan platform untuk menarik IPTA luar negara.

Banyak lagi sebenarnya kebaikan dan kelebihan yang bakal dinikmati oleh sektor pendidikan IPTS ini jika penubuhan diliberalisasikan dan direalisasikan. Antaranya secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa dan memberi peluang kepada IPTS tempatan menambah pendapatan. Malah IPTS tempatan juga dilihat bakal mendapat peluang mengadakan kerjasama dengan IPT luar negara terkemuka sepatutnya membolehkan penjenamaan di peringkat antarabangsa bagi membolehkan pasaran.

■1730

Tuan Yang di-Pertua walaupun secara dasarnya hanya melibatkan sedikit pindaan tetapi impaknya secara langsung akan meliputi keseluruhan sistem IPTS di negara ini. Secara tidak langsung akan boleh memenuhi pelaksanaan dasar-dasar negara dan perkembangan sumber ekonomi negara. Ini kerana segala dasar pembangunan negara seperti Program Transformasi Ekonomi dan segala perancangan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 hanya boleh dicapai berasaskan kepada sumber manusia yang berkualiti, menepati kehendak pasaran pekerja dan mampu bersaing di peringkat global.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Justeru itu, pindaan rang undang-undang ini memang tepat pada masanya dan pindaan ini juga sudah pasti akan menambahkan lagi bilangan IPTS di negara ini. Namun begitu, antara perkara penting ialah mengenai persediaan kepada kementerian sendiri di dalam membawa hala tuju pendidikan negara untuk melahirkan siswazah yang mempunyai kemahiran tinggi terutama dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional. Ini kerana jumlah tenaga kerja mahir negara hari ini hanya 28%, jauh beza dengan jumlah tenaga mahir di negara-negara maju seperti Jerman 90%, Finland 58% dan Singapura 58%. Justeru itu, penjelasan jumlah IPTS berstatus teknikal sehingga 2014 adalah mencadangkan dan menyarankan kerajaan bagi meningkatkan jumlah IPTS yang berstatus teknikal atau vokasional ini kerana menambahkan tenaga kerja mahir IPT berstatus teknikal amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar memaklumkan di dalam Dewan, ada di negara luar seperti Finland, institusi pengajian tinggi berasaskan teknikal mula diperkenalkan hanya pada tahun 1991 sehingga 2013. Finland mempunyai sebanyak 24 buah universiti yang berstatus teknikal dengan dikenali sebagai *polytechnic*. Sebanyak 21 buah daripada IPTS ini diuruskan oleh syarikat berhad manakala tiga buah lagi diuruskan oleh pihak berkuasa yang mana boleh melahirkan sebanyak 20,000 orang pelajar di peringkat ijazah dan 200 orang pelajar sarjana setiap tahun. Sehingga tahun 2013 seramai 130,000 orang pelajar yang belajar di universiti berasaskan teknikal.

Justeru itu, adalah dicadangkan kerajaan hanya meluluskan cadangan IPTS berstatus teknikal dengan pihak universiti bagi memastikan graduan yang dihasilkan bukan hanya berkemahiran tetapi



juga memenuhi kehendak universiti. Ini bagi menarik lebih ramai pelajar IPTS bagi mewujudkan lebih ramai keperluan tenaga mahir negara. Insentif tertentu kepada pelajar yang juga boleh diberikan selain daripada insentif yang ada sekarang. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya teruskan, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Semua Ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai yang ada di Dewan ini adalah dijemput untuk berbuka puasa pada petang ini, saya berharap semua Yang Berhormat mengambil perhatian agar dapat kita bersama. Tanpa membuang masa saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Senator Puan Puan Bathmavathi

### 5.33 ptg.

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan kita, dasar menyatakan bahawa kita memberikan peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia. Ini amat dialu-alukan oleh golongan OKU. Ini bermakna bahawa orang kurang upaya di negara kita tidak dipinggirkan dalam soal pendidikan. Tambahan pula dalam Akta OKU, seksyen 28 menyatakan bahawa kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah bagi membolehkan orang atau kanak-kanak orang kurang upaya melanjutkan pelajaran, menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan OKU dan antara yang harus disediakan ialah prasarana, kelengkapan, bahan-bahan pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan OKU.

Jadi, dalam IPTS haruslah pertamanya bangunan IPTS harus mesra OKU. Ini sepatutnya mengikut undang-undang UBBL dan kerajaan harus memastikan bahawa semua IPTS mengikut undang-undang tersebut dan IPTS yang tidak mematuhi undang-undang itu tidak sepatutnya diberikan CCC atau kelulusan untuk menjalankan IPTS itu. Antara prasarana lain yang harus disediakan ialah kemudahan bagi murid-murid ataupun pelajar-pelajar pekak juga mengikuti kursus di IPTS dan juga kepada pelajar yang buta dan mereka yang memerlukan sokongan bantuan seperti *support services* yang harus diberikan oleh pembantu lain.

Bagi orang pekak harus disediakan jurubahasa yang cukup supaya mereka boleh mengikuti kursus tanpa halangan dan bagi pelajar buta pula harus disediakan prasarana kelengkapan IT yang cukup dan juga perkhidmatan Braille. Apa yang penting ialah untuk menubuhkan satu unit di bawah hal ehwal pelajar di setiap IPTS untuk menguruskan dan juga mengendalikan semua perkhidmatan kepada pelajar-pelajar OKU yang ada di IPTS.

Setakat ini terdapat dua contoh IPTS yang baik yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan bagi OKU iaitu *Monash University Sunway* dan juga *University of Nottingham* di Semenyih. Saya pernah pergi ke sana dan ada risalah yang disediakan dan brosur mereka juga ada menyatakan bahawa terdapat semua kelengkapan untuk OKU. Sebagai menggalakkan lebih banyak OKU mengikuti kursus di IPTS dan untuk memberikan peluang pengajian tinggi kepada OKU, saya juga mengesyorkan

supaya pihak swasta yang mendirikan IPTS itu menawarkan beberapa biasiswa bagi OKU untuk menggalakkan mereka menikmati atau mendapat pengajian tinggi. Ini boleh dipandang sebagai suatu aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) bagi pihak swasta tersebut. Jadi, itu sahaja cadangan dan bahas saya untuk rang undang-undang IPTS ini dan saya menyokong rang undang-undang tersebut, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Datuk Raja Ropiaah.

### 5.38 ptg.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Pindaan) 2014. Di antara perkara penting pindaan rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memotong seksyen 22, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Akta 555 yang mengehendaki Menteri membuat pelawaan terlebih dahulu sebelum boleh memohon kelulusan untuk menubuhkan universiti di negara ini yang dilihat sebagai bercanggah dengan inisiatif proses liberalisasi sektor pendidikan swasta negara. Selain daripada membantu proses liberalisasi pendidikan negara, pemotongan seksyen ini juga dapat mengelakkan kekeliruan pelabur asing yang ingin menabur dan menubuhkan IPTS di negara ini.

Malaysia sudah sekian lama berhasrat untuk menjadi hab pendidikan serantau. Dengan pindaan rang undang-undang ini akan memberikan peluang untuk membina Malaysia sebagai hab pendidikan serantau dengan mengurangkan halangan-halangan kepada pelabur luar negara yang ingin melabur dan menubuhkan IPT di Malaysia serta menyediakan platform untuk menarik lebih banyak IPT yang terulung dari luar negara ke Malaysia. Pindaan ini secara tidak langsung akan bakal meningkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa dan memberikan peluang kepada IPTS tempatan menambah pendapatan dengan mengadakan lebih banyak kerjasama dengan IPT luar negara.

### ■1740

Yang amat penting ialah liberalisasi sektor pengajian tinggi akan memungkinkan perkongsian dan pemindahan kemahiran serta teknologi dalam pelbagai bidang pembelajaran yang terkini di antara institusi pengajian tinggi awam dengan IPT luar negara khususnya dalam perkongsian kemudahan penyelidikan dan pembangunan.

Pertambahan IPTS sudah pasti memerlukan pertambahan tenaga pelajar yang benar-benar berkualiti, sedangkan kita maklum, kita masih lagi kekurangan tenaga pengajar mahir terutamanya yang mempunyai PhD. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memberi penekanan kepada isu ini dengan mengadakan peruntukan khusus bagi meningkatkan jumlah pensyarah sehingga sekurang-kurangnya mencapai 60% tenaga pengajar di IPT mempunyai PhD.

Isu ini amat jelas bagi memastikan kelangsungan sesebuah IPT, faktor tenaga pengajar yang berkualiti amat penting. Justeru itu, apakah usaha kerajaan bagi memastikan pertambahan bilangan

IPTS ini juga akan seiring dengan pertambahan jumlah tenaga pengajar yang berkualiti? Pihak manakah yang akan memantau kualiti pensyarah yang akan mengajar di IPTS yang akan dibina?

Pendidikan bertaraf dunia merupakan satu komitmen dan usaha Kementerian Pendidikan bagi memperbaiki kualiti pendidikan negara supaya ia dapat ditingkatkan kepada satu taraf yang tinggi dan mampu menyaingi negara maju yang lain. Di sini, program yang bakal ditawarkan amat penting. Ini kerana banyak negara yang telah pun berkembang dalam sistem pendidikannya akan sampai ke suatu tahap kualiti pelajar-pelajarnya tidak memenuhi pasaran semasa disebabkan program yang ditawarkan tidak mengikut keperluan perkembangan pasaran kerja semasa.

Sebagai contoh, negara Korea Selatan yang kini telah melakukan reformasi terhadap sistem IPT negaranya berikutan perkembangan pesat sistem pendidikan tingginya dikritik kerana dikatakan sistem yang ada tidak responsif kepada keperluan pasaran semasa. Justeru itu, amat penting agar program yang hendak ditawarkan oleh pembukaan IPTS baru mesti bersifat internasional, mempunyai standard yang tinggi dan dapat memenuhi keperluan pasaran kerja terutamanya dalam persiapan negara kita ke arah negara maju tahun 2020.

Kita juga sedia maklum bahawa *Malaysia Qualification Agency* (MQA) bertanggungjawab menjaga segala urusan berkaitan kualiti IPT di negara ini. MQA juga mempunyai kuasa bagi memantau semua program atau subjek yang diajar di IPT di negara ini. Mohon penjelasan, apakah tahap kesediaan pihak MQA dari aspek kualiti dan juga kuantiti staf bagi tanggungjawab memantau dan memastikan kualiti sama ada dari aspek program atau pengurusan IPTS yang akan bertambah kesan daripada dasar liberalisasi pendidikan ini?

Untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, perubahan yang hendak dibuat mestilah sesuai dengan tuntutan semasa. Dalam konteks Malaysia, sistem pendidikan mesti dibangunkan dan dibuat pembaharuan supaya ia dapat memenuhi tuntutan bagi menjadi negara maju tahun 2020. Untuk mencapai negara maju, negara amat memerlukan pekerja mahir. Pada hari ini, negara hanya mempunyai 28% tenaga mahir dan kerajaan menyasarkan 50% tenaga mahir pada tahun 2020.

Untuk itu juga, kerajaan kini telah memberi nafas baru kepada bidang pendidikan teknologi dan vokasional. Jadi saya mohon penjelasan, apakah ketegasan kerajaan dalam memastikan pelabur-pelabur yang akan membina IPTS di negara ini akan sehaluan dengan aspirasi negara?

Saya tidak hendak ambil masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Datuk Hajah Noriah Mahat.

**5.45 ptg.**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi

Swasta (Pindaan) 2014 pada petang ini. Sehubungan daripada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berusaha untuk membawakan rang undang-undang ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, proses liberalisasi pendidikan telah dilaksanakan beberapa tahun dahulu dan pastinya mekanisme perundangan perlulah kemaskan dan ditambah baik selaras dengan perkembangan semasa bagi memastikan pelaksanaan liberalisasi pendidikan di negara ini dapat diiktiraf di dunia dan seterusnya kita dimaklumkan bahawa dalam aspek pematuhan prinsip liberalisasi iaitu ketelusan, keobjektifan dan tiada diskriminasi sering menjadi rujukan.

Namun, bagi memastikan pelarasan semasa, kuasa Menteri untuk mempelawa pelabur untuk menubuhkan IPTS di bawah seksyen 22 dilihat sebagai bertentangan dengan kewajipan *most favored nation*, dengan izin, di bawah Perjanjian Rangka Kerja dengan WTO mengenai perkhidmatan, Bahagian II, maka pindaan kepada seksyen 22 dengan menyingkirkan amaran permohonan bagi penubuhan dibuat atas penyelewengan perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan pendidikan khususnya pengajian tinggi sedang berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus ledakan globalisasi telah menghasilkan dan membentuk hala tuju baru pengajian tinggi dengan melahirkan beberapa trend baru seperti pendidikan merentasi negara dengan izin, *transnational education* (TNE), liberalisasi, kolaborasi dan sebagainya. Arus pembangunan ini telah mengubah landskap pengajian tinggi negara khususnya sektor IPTS di mana pada masa kini didapati ramai pelabur asing telah mula menubuhkan IPTS di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau yang bertaraf antarabangsa.

Sepertimana yang telah dimaklumkan Menteri bahawa beberapa siri perbincangan dan pemantauan pelaksanaan telah dilaksanakan dalam *Strategic Reform Initiatives Lab* atau SRI Lab bersama agensi-agensi seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau PEMANDU dan *Malaysia Services Development Council* atau MSDC bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan dan juga sesi konsultasi dengan pelbagai *stakeholders* juga turut diadakan. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada usaha-usaha membangunkan kapasiti IPTS oleh kerajaan selain daripada usaha IPTS sendiri untuk berdaya saing dan usaha-usaha untuk mempromosikan peningkatan perdagangan melalui penyingkiran halangan perdagangan bebas. Maknanya, kita telah melaksanakan perkara sewajarnya sebelum melaksanakan dasar liberalisasi pendidikan ini.

Namun begitu, dalam hal penubuhan IPTS ini, kita harap Menteri kawallah penubuhan-penubuhan ini. Kita perkasakan yang dah ada ini dan kita buat kajian dari semasa ke semasa pola kursus yang telah ditawarkan agar kita punya hala tuju yang jelas dengan matlamat dasar liberalisasi IPT di negara ini.

Saya ingin bertanyakan beberapa soalan kepada pihak yang berkenaan, berapakah jumlah IPTS seratus peratus milik warga negara asing? Berapakah jumlah universiti hasil usaha sama atau kolaborasi dengan universiti-universiti luar negara sama ada milik kerajaan atau swasta?

■1750

Seterusnya berapakah jumlah IPTS milik rakyat atau badan atau syarikat Malaysia, berapakah jumlah milik bumiputera? Apakah kerajaan mempunyai mekanisme tertentu bagi menjaga kepentingan dan kelangsungan institusi milik warganegara tempatan terutamanya bumiputera. Berapakah jumlah IPTS milik tempatan yang ditutup atau akan ditutup dan apakah insentif yang diwujudkan oleh kerajaan bagi membantu IPTS-IPTS milik rakyat Malaysia agar tidak ditutup yang menyebabkan timbul beberapa masalah kepada pelajar-pelajar IPTS berkenaan seperti mana yang berlaku kepada beberapa universiti baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan IPTS yang begitu banyak juga dilihat banyak pelbagai masalah, membawa pelbagai masalah baik dari segi sosial mahupun kualiti pendidikan pelajar itu sendiri. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam memastikan IPTS-IPTS yang sedia ada ini menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelajar?

Saya juga difahamkan kebanyakan IPTS ini beroperasi bagi mendapatkan keuntungan semata-mata dan tidak mempedulikan nasib dan masa depan pelajarnya di mana kita sering mendengar pelajar-pelajar IPTS ini sukar-lepasan IPTS ini sukar mendapat pekerjaan kerana bidang pengajian mereka ikuti di IPTS-IPTS ini tidak ada keperluan dalam pasaran. Sebagai contoh bidang kejururawatan yang dimaklumkan berlaku lambakan di pasaran kerja. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sistem pengajian tinggi di Malaysia sekarang terlampau menumpukan perhatian kepada jumlah bilangan universiti dan bukan kepada mutu pendidikan dalam universiti. Selaras dengan matlamat negara maju berpendapatan tinggi, pastinya kita perlu melahirkan tenaga insan yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi. Jadi pengawalan mutu pendidikan bagi melahirkan modal insan yang sedemikian adalah perlu menjadi keutamaan kepada pemantauan dan pengawalan mutu pendidikan di IPTS.

Kita maklum bahawa kerajaan mewujudkan badan pemantauan seperti *Malaysian Qualification Agency* (MQA) bagi memantau hal berkenaan. Namun kita hairan kenapa sistem sudah baik yang dilaksanakan tetapi kita masih menghadapi masalah kelemahan siswazah yang menyebabkan mereka sukar mendapat pekerjaan di pasaran kerja.

Daripada segi kawalan kepada kursus-kursus yang dilaksanakan, telah diwujudkan badan pemantauan telah diwujudkan dikatakan MQA ini hanya memberi kelulusan kepada sesebuah institut untuk menjalankan kursus-kursus yang tertentu tetapi tidak menjamin supaya penghantaran kursus-kursus ini adalah cukup mendalam dan mencapai tahap yang minimum. Untuk mendapat kelulusan kursus, sebuah institut hanya perlu membentangkan kertas rangka silibus kepada MQA. Kadang-kadang rangka yang dicadangkan dilihat baik mutunya tetapi pengisian pelaksanaannya tidak dapat

menjamin atau mengawal mutu yang diberikan. Soalan saya, sejauh manakah fungsi MQA ini dapat ditambah baik selaras dengan kehendak industri ini?

Ukuran kejayaan kita dalam liberalisasi bukan sahaja terletak kepada IPTS tetapi juga kepada kualiti pelajar dan siswazah yang dikeluarkan. Untuk mencari tempat untuk kita belajar pastinya secara umumnya kita melihat kepada kualiti IPT tersebut. Jadi apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan mutu-mutu pendidikan IPTS ini mencapai tahap yang sepatutnya? Begitu juga tenaga pengajar di IPTS, sejauh mana kawal selia yang dilaksanakan? Apakah tapisan keselamatan yang sewajarnya dilaksanakan terutamanya ke atas pensyarah-pensyarah luar kerana kita bimbang mereka ini membawa ideologi-ideologi yang tidak baik dan boleh merosakkan generasi pelajar-pelajar kita.

Kita juga memohon kementerian mengadakan satu *website* yang bersepadu berkenaan dengan IPTS di Malaysia ini agar maklumat berkenaan IPTS ini senang diperoleh dan dicapai rakyat. Dengan ini, fasal 4 pindaan, berapakah jumlah pelawaan yang termasuk dalam kategori di bawah seksyen iaitu sebelum akta ini berkuat kuasa?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap pindaan ini kepada akta ini dapat dilaksanakan dengan penuh efektif dan dapat membantu negara kita mencapai matlamat hab pendidikan terbaik di rantau ini. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

#### 5.55 ptg.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk berbahas Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Walaupun akta ini hanya sehelai kertas sahaja, tetapi untuk saya, akta ini memang satu akta yang penting sekali. Ini kerana melibatkan pendidikan tinggi. Untuk saya, pendidikan tinggi ini adalah asas ataupun *starting point* untuk mereka mengakhiri pelajaran mereka, remaja-remaja dan masuk menjadi tenaga kerja untuk negara kita.

Sama ada Malaysia dapat capai objektif kita hendak jadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, hendak menjadi sebuah negara yang maju bergantung kepada tenaga kerja yang kita dapat jayakan melalui institusi pengajian tinggi. Jadi pentinglah, sungguh pentinglah kualiti pendidikan yang kita berikan sama ada di IPTA dan IPTS ini, sejajar dengan objektif negara kita.

Saya begitu tertarik dengan penerangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa hasrat kita ialah menjadi satu hab. Satu hab pendidikan yang bertaraf antarabangsa dan juga kita mengadakan pindaan rang undang-undang ini untuk menjadi lebih liberal. *I want to be more liberal to attract foreign universities to come to this country*, dengan izin.

Statistik yang dikeluarkan oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA) pagi tadi saya melayari web pakai *Google* didapati ada 29 universiti IPTA, 96 kolej. Untuk IPTS, kita ada 30 universiti dan 62 universiti kolej, 351 kolej di Semenanjung Malaysia, di Malaysia ya. Juga ada banyak statistik dan laporan yang menunjukkan bilangan pelajar-pelajar asing di Malaysia adalah lebih. Lebih daripada 100 ribu pada ketika ini.

Walaupun bilangan universiti kita banyak, kita dapat menarik. Memang dapat menarik pelajar-pelajar asing datang ke Malaysia. Akan tetapi satu fakta yang kita tahu ialah kemerosotan kualiti universiti kita di taraf antarabangsa. Baru-baru ini saya dapat baca di akhbar, di kalangan Asia pun tidak ada universiti kita yang terletak di *top 100 position*. Jadi saya fikir polisi-polisi yang kita ada sebelum ini, di mana kita telah menubuhkan begitu banyak universiti. Begitu banyak kolej, begitu banyak universiti kolej perlu kita lihat balik secara teliti.

Kenapa walaupun kita dapat *attract*, menarik 100 ribu pelajar-pelajar asing, begitu banyak universiti tetapi kualiti kita tidak naik, merosot dalam kebelakangan ini. Jadi saya pun hendak minta penerangan daripada Kementerian Pendidikan, sebab kualiti ini penting. Saya ada beritahu tadi, sama ada negara kita dapat mencapai objektif kita jangka masa panjang, kita ada objektif. Akan tetapi kalau tenaga kerja tidak betul dan *mismatch* itu susah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya sampuk sekejap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih kerana memberi saya peluang Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mendaftarkan nama untuk berbahas mengenai topik ini. Akan tetapi bila mendengar percakapan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh tadi ada dua, tiga perkara yang terlintas dalam fikiran saya.

#### ■1800

Bila kita mengatakan ingin menjadikan negara ini sebagai *hub* pendidikan, adakah tujuannya bernama pendidikan atau tujuannya *economic*? Objektifnya *education* atau *economics*? Kalau sekiranya matlamatnya ialah *economic*, ada atau tidak unjuran ekonominya selepas satu jangka masa sepuluh atau tujuh tahun yang akan datang umpamanya. Ini perkara-perkara yang saya cuma hendak rumuskan tetapi tidak berhajat hendak bercakap. Akan tetapi kalau mendapat penjelasan daripada Dato' Jaspal Singh. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya tidak dapat memberi penjelasan. Sebab saya ingat penjelasan itu lebih baik daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi pada pandangan saya...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Bukan. Soalan saya tidak tepat barangkali. Adakah Dato' Jaspal Singh merasakan perlu adanya unjuran ekonomi? Kalau tujuan *hub* itu ialah ekonomi, unjuran ekonominya. Kalau tujuan *hub* itu adalah pendidikan, apakah unjurannya dalam sepuluh tahun akan datang? Apa yang kita harapkan daripada kewujudan *hub* ini? Saya rasa perlu unjuran seperti itu. Satu lagi umpamanya kenapa tiba-tiba selama ini perlu undangan daripada Menteri, sekarang tidak perlu

lagi? Kenapa perlu undangan daripada Menteri di suatu masa dahulu tetapi sekarang tidak perlu lagi? Ini perkara-perkara yang barangkali Dato' Jaspal Singh ingin mengikut sertakan [*Ketawa*]

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Bagi pandangan saya, sebab kita sudah ada banyak universiti dan 351 buah kolej swasta, 62 buah universiti kolej. *It appears*lah, nampak seperti keutamaan itu lebih kepada ekonomi daripada pendidikan yang bertaraf tinggi. Selepas itu nombor dua, apakah ukuran atau *how do you measure*? Kalau kita hendak betul-betul *measure* ini, kita kena tengok berapa ramaiakah pelajar-pelajar ini dapat ditempatkan dalam pekerjaan dengan mudah, sama ada tiga bulan atau enam bulan atau mereka betul-betul menganggur selama dua tahun? Akan tetapi statistiknya ini semua tidak ada, tidak boleh didapati di negara kita.

Jadi soalan saya tadi, *we have to look back*, sama ada objektif yang kita belum mula ini sama ada ia bertujuan pendidikankah atau mengutamakan ekonomi seperti yang disebutkan oleh Senator. Jadi saya hendak tahu di sini, saya ingat penting. Bukan hendak tahu sangat, ini memang penting. Apakah cara pemantauan daripada kementerian yang kita- bagaimana kita memantau terutamanya prestasi kolej-kolej universiti dan universiti kolej swasta? Memang universiti kerajaan dah lama, *maybe*, tetapi universiti swasta ini- macam mana kita memantau? Kalau seseorang hendak masuk universiti di UK ataupun di Amerika Syarikat atau di Australia, bila kita melayari web, kita dapat statistik universiti itu. Okey berapa orang *apply* dan berapa orang yang dapat.

Apakah *qualification* AABkah, BBCkah, semua ada di sana. Selepas itu yang paling penting itu pekerjaan. Selepas mereka *graduate* dalam masa tiga bulan, berapa peratus dapat kerja, selepas dua bulan berapa peratus dapat kerja, berapa peratus buat PhD ataupun buat *Masters*? Apakah gaji purata mereka? Statistik semua memang ada. Kalau kita hendak cakap kita hendak jadi *hub* antarabangsa, kita perlukan statistik seperti ini untuk universiti-universiti di negara kita. Baru kita tahu sama ada universiti ini bertaraf tinggi atau tidak. Ia bukan sekadar hendak beri satu kertas. Selepas empat tahun datang ke *Sunway*, kita buat satu makan malam bagus sekali, panggil seorang beri ijazah. Okey, sekarang *you Bachelor of Arkah* atau *Bachelor Sains*, dapat satu ijazah tetapi tidak boleh dapat kerja. Apa gunanya?

Bukan sahaja itu, selepas itu pelajar itu dia mengambil pinjaman dari PTPTN, tidak boleh dapat kerja satu tahun, dua tahun atau tiga tahun, tidak boleh bayar pula, *another problem*. So, perkara ini memang penting sekali, mesti kita teliti dengan betul-betul.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh sambung sedikit? Tuan Yang di-Pertua boleh, sekejap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Yang Berhormat Jaspal Singh menyebut tentang aspek ekonomi dan aspek pekerjaannya. Satu lagi yang saya rasa cukup membimbangkan dan patut juga diambil kira ialah semalam saya pergi ke salah sebuah kolej swasta yang terancang dengan bilik pelajarannya yang sama dengan- bertaraf empat bintang, dengan *Starbuck* di kampus itu. Jadi yang saya bimbangkan nilai apakah yang akan ditanam oleh universiti ini nanti kepada pelajar-pelajarnya sama



ada pelajar yang datang dari luar negeri atau para pelajar kita? Jadi kebimbangan tentang nilai-nilai budaya, nilai-nilai pemikiran yang hendak disebarakan oleh universiti itu patut di ambil kira juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya kalau elok Yang Berhormat sendiri berhujah dalam perkara ini dan tanya...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya tidak mendaftar lagi, itu yang saya bimbang Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak sempat mendaftar [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya fikir...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kalau boleh saya mendaftar esok, bolehlah. Kalau untuk petang ini memang tidak bersedia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cara Yang Berhormat itu elok Yang Berhormat sendiri berhujah supaya dapat- tidak payah ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh bukan mahir dalam perkara ini. Tidak mengapa teruskan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus hendak berucap atau tidak?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Not today.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, inilah ini. *So*, sekarang ini Dato' Jaspal Singh kalau cuba- jangka masa yang sesuai...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus ini, *he pushing me to limit*, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya hendakkan setiap orang itu ada masa dia, kita hadkan dan tumpukan apa perkara-perkara yang hendak dibangkitkan dalam tajuk yang kita bahaskan dalam rang undang-undang ini. Silakan.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator. Jadi saya juga hendak kementerian meneliti balik 100,000 orang pelajar-pelajar di Malaysia ini. Pelajar apa yang kita menarik ini? Sebab kalau kita dapat menarik pelajar yang betul-betul mempunyai kebolehan yang tinggi, macam katakan satu pasukan bola sepak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa *go to the point*, contoh-contoh ini kurang sedikitlah.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Okey, *so* kalau pelajar itu berkebolehan tinggi, *so* tentu kualiti universiti kita naik. Jadi kalau kita mementingkan ekonomi sahaja, mementingkan yuran yang mereka bayar itu, kita ambil siapa sahaja, tidak kira dia punya kebolehan asalkan datang Malaysia, kita penuhkan universiti dengan *Starbuck*, dengan kedai kopi cantik-cantik, beri mereka satu kelengkapan yang bagus, *for attraction*. Itu bukan dasar yang kita hendak.

Jadi kementerian mesti hendak *review* sekali lagi. Bagi *foreigner* yang datang ini, saya pun tidak hendak tekan mengenai itu. Ramai daripada Senator-Senator yang telah pun bercakap tadi, mungkin dia datang di sini untuk sebab lain. Bayar yuran, dapat visa tetapi buat benda lain. Jadi ini semua kita mesti memantau betul-betul. Pendapat saya ini, kalau kita hendak kata, kita hendak jadi

lebih liberal, sungguh bahaya. Saya berpendapat kita sudah terlalu liberal. Di dalam pendidikan tinggi, negara kita sudah terlalu liberal. Adalah lebih penting sekarang kita fokus kepada kualiti *education*.

Seperti 20 tahun dahulu kita terlalu liberal dalam sistem *banking*. Kita tahu *banking* ini tidak boleh hidup. Kita pun bergabung balik, *make sure* dia punya kualiti bagus. Saya pun hendak tahu daripada kementerian sama ada kementerian memantau kolej-kolej kecil yang kualiti tidak bagus, universiti-universiti kecil kualiti tidak bagus itu, kita gabungkan balik, kita buatlah universiti yang besar, yang bermutu tinggi. Itu sahajalah, terima kasih saya ucapkan Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Selepas itu, saya fikir Yang Berhormat Menteri jawab.

#### 6.09 ptg.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014. Tuan Yang di-Pertua, bila mana saya membaca akta-akta ini, saya terus memasuki komputer saya dengan bertanya kepada *Google*, kenapa mahu datang ke Malaysia untuk belajar?

#### ■1810

Sungguh menarik Tuan Yang di-Pertua bila saya mendapat jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelbagai pelajar di dalam *Google* saya tersebut. Pertama, Tuan Yang di-Pertua ialah jawapan yang cukup menarik sekali iaitu kepelbagaian makanan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah yang dijadikan satu kebanggaan untuk datang ke Malaysia untuk belajar kerana kepelbagaian makanannya. Maka liberalisasi yang hendak dibuat oleh Kementerian Pendidikan saya rasa akan *fail* di dalam objektifnya.

Kedua, jawapan yang diberikan ialah kesempatan untuk melancong. Ini dijawab sendiri oleh pelajar-pelajar yang hendak datang ke Malaysia. Sebab itu mungkin pengalaman saya menjadi satu pengajaran. Tiga tahun lepas saya telah meminta untuk membuka sebuah akademi spa bersama seorang pakar doktor pakar. *Alhamdulillah* rupa-rupanya kami merupakan bumiputera yang pertama mendapat lesen untuk menjalankan akademi ini. *Alhamdulillah* kami berjalan dan saya kemudian di tahun kedua saya memohon kepada kerajaan supaya saya diberikan peluang untuk mendapat pelajar-pelajar daripada luar negara.

*Alhamdulillah* tahun lepas keputusan telah diberikan dan kami dibenarkan untuk mengambil pelajar-pelajar daripada luar negara. Bila mana keputusan diberikan yang membenarkan kami untuk mendapat pelajar-pelajar daripada luar negara, Tuan Yang di-Pertua hendak saya maklumkan kepada Dewan ini pelbagai panggilan yang saya dapat daripada orang-orang yang tidak saya ketahui mereka ini meminta supaya mereka dibenarkan membawa masuk pelajar-pelajar khususnya daripada Filipina dan di China yang minta supaya kokurikulum kami itu daripada pukul 9 pagi dan berhenti pada 12

tengah hari dan 12 tengah hari sehingga petang anak-anak murid itu tidak di *monitor* ataupun tidak di selenggara oleh pihak kami.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua mereka hendak menggunakan kolej saya ini untuk mendapat visa masuk ke Malaysia, datang ke sekolah mungkin sampai jam 12. Belajar sikit sebanyak selepas itu *Wallahua'lam bissawab* apa yang akan mereka lakukan. 90% daripada mereka ini adalah wanita-wanita. Jadi gambar-gambarnya ada kepada saya. Kepada Yang Berhormat yang berminat boleh jumpa saya [*Ketawa*]

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua yang saya *Google* tadi yang menyatakan bahawa keadaan cuaca di Malaysia stabil. Ini sebab mereka hendak datang ke Malaysia kerana keadaan cuaca di Malaysia ini stabil. Tsunami pun kena sikit-sikit. Gempa bumi tidak ada. Oleh sebab itu kalau kita melihat pelajar-pelajar yang datang ke sini semuanya hanya berseronok, hanya orang kata hendak menggembirakan diri, hendak lari daripada negara mereka yang cuaca mereka kemungkinan tidak menentu, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudahan tempat tinggal. Ini tidak payah saya kupas berhubung dengan kemudahan tempat tinggal. Lain-lain yang saya tengok pengiktirafan program IPT Malaysia setaraf dengan IPT antarabangsa. Ini saya ucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana ini pengiktirafan yang diberikan oleh pelajar-pelajar yang hendak datang ke Malaysia ini. Kos sara hidup dan yuran keluarga adalah berpatutan berbanding dengan negara-negara asal pelajar-pelajar ini. Ini saya rasa amat baik.

Akan tetapi dalam menyokong hasrat dan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hak pendidikan tertinggi serantau saya juga hendak memohon kepada Kementerian Pendidikan supaya dikaji semula yuran-yuran daripada kolej-kolej swasta ini supaya dapat anak-anak kita ini. Anak-anak kita khususnya bumiputera dapat masuk juga ke dalam kolej-kolej swasta ini. *Alhamdulillah* saya diberi rezeki dapat juga menghantar anak ke Sunway tetapi *masya-Allah* yurannya cukup tinggi sekali. Saya rasa kalau setakat menjadi guru besar sahaja tidak dapat hendak menghantar anak ke universiti-universiti yang sebegini.

Perjalanan udara menjadi semakin cepat mudah dan murah. Ini jawapan pelajar-pelajar di dalam *Google* saya tadi. Ya, kita ada *AirAsia* sekarang yang menawarkan begitu murah sekali sehingga ada anak-anak kita yang setiap kali cuti mereka akan bercuti dan begitu juga dengan pelajar-pelajar swasta di sini akan pulang ke rumah mereka. Satu ketika saya dapat anak saya juga pernah mengikut sahabatnya pulang ke negaranya selama seminggu bercuti kerana kemudahan yang begini murah diberikan oleh sistem udara yang ada sekarang.

Mempunyai rakan atau kaum keluarga yang pernah belajar di Malaysia. Ini fakta Tuan Yang di-Pertua. Ini fakta di mana sebab itu kalau kita tengok daripada statistik saya melihat statistik daripada pelajar-pelajar yang dari mana banyak sekali pelajar daripada China, India yang saya tidak tahu yang daripada Yemen mari ikut mana. Pelajar-pelajar daripada China dan India kemungkinan besar mereka ini mempunyai kaum keluarga yang pernah belajar di Malaysia ataupun mempunyai keluarga di sini. Jadi sebab itu mereka hendak datang belajar di Malaysia, di kolej swasta di Malaysia.

Mempunyai rangkaian sistem IT yang efisien untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar. *Alhamdulillah* sistem IT yang kita ada pada hari ini amat membanggakan. Cumanya saya hendak menyentuh sedikit IT yang ada di kawasan kampung ini. Kawasan kampung ini kesian kadang-kadang saya kawasan saya itu anak-anak terpaksa bawa *Netbook 1Malaysia* pergi duduk di kawasan *microdisk* yang diletakkan oleh kerajaan. Semasa hendak meletakkan dulu dikatakan bahawa lima kilometer daripada *disk* itu kita dapat masuk akses internet.

Akan tetapi bila *actuality* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kena pergi dekat dengan *disk* itu baru dapat akses. Kesian tengok budak-budak pergi duduk keliling *disk* itu sampai terkencing pun ada Tuan Yang di-Pertua kerana tidak sempat. Berebut hendak ambil akses ini. Kita dapati bahawa kerajaan memberi dengan begitu banyak sekali *Netbook 1Malaysia* ini kepada pelajar-pelajar yang saya rasa hanya menyimpan di kawasan saya sendiri ada pelajar yang menjualnya kerana tidak dapat hendak menggunakannya kerana tidak ada *access to Internet*. Komputer-komputer ini kemodenannya itu cepat sekali dan perlu ditukar, perlu di *upgrade* Tuan Yang di-Pertua. Yang diberi tiga tahun lepas sudah tidak boleh dipakai. Kalau dipakai pun hanya *basic* sahaja.

Baru-baru ini pula Yang Berhormat Menteri Komunikasi telah mengumumkan bahawa akan diberikan kepada guru-guru pula *Netbook 1Malaysia* ini supaya guru-guru semua ada peningkatan dari segi akses komputernya. *Alhamdulillah*, tapi apakah Tuan Yang di-Pertua kita beri kereta kepada manusia-manusia ini tetapi kita tidak beri lebu rayu. Bagaimana mereka ini hendak berjalan? Kereta simpan di rumah. Jangan jadi satu masa dahulu waktu FELDA dahulu beli peti ais buat almari Tuan Yang di-Pertua kerana elektrik tidak ada. Ini yang kita takut anak-anak ini yang datang ke sini katanya rangkaian sistem IT yang efisien untuk memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar ini.

#### ■1820

*Alhamdulillah*, saya ucap terima kasih Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Keselamatan dan keharmonian masyarakat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, keharmonian dan keselamatan ini juga membimbangkan sekarang ini. Ini kerana banyak sekali parti politik khususnya pembangkang yang kadang-kadang membawakan isu-isu yang menakutkan bukan sahaja *parents*, malah pelajar-pelajar yang akan datang ke Malaysia ini. Baru-baru ini anak menantu saya, anak saya berkahwin dengan 'orang putih', dia balik ke England jumpa mak dia, balik kampung dia.

Dia menceritakan bagaimana bacaan-bacaan daripada anak menantu saya ini, bagaimana bapanya membaca *blog* berhubung dengan Malaysia sehinggakan dia menyatakan bahawa dia takut hendak hantar anaknya balik ke Malaysia ini. *Alhamdulillah* kerana cucu dia saya pegang di sini, cucu saya ini saya pegang, dia kena balik juga kerana anak dia ada di sini. Akan tetapi hakikatnya, inilah yang dibawa oleh pembangkang termasuk *bloggers* yang menyokong pembangkang. Politik negara kita juga dalam keadaan stabil dan rakyat yang berbilang kaum dapat hidup dengan aman. Saya tidak mahu komen ini Tuan Yang di-Pertua.

Masyarakat Malaysia masih mampu bertutur dalam bahasa Inggeris dengan memuaskan. Ini fakta yang diberikan. Masyarakat Malaysia rata-rata— saya pun hari pertama duduk di sebelah saya ini

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid, dia cakap 'orang putih' dengan saya. Saya ingat dia 'orang putih', mewakili 'orang putih' mana, tetapi dia cakap 'orang putih' dengan saya. *Alhamdulillah*, kita sama-sama dengan kita dapat bercakap 'orang putih'.

Negara Islam yang mengamalkan sikap sederhana dan toleransi yang baik, *alhamdulillah*. Akan tetapi jangan sampai jadi sebuah kolej di Birmingham. Apa yang saya baca di Birmingham, United Kingdom ini memang keterbukaannya terserlah sekali. Banyak kolej yang boleh membuka sekolah dan terdapat sebuah kolej di Birmingham yang membuka sebuah sekolah agama kerana banyaknya, kurikulumnya bagus. Saya tidak tahu sama ada ini Syiah ataupun tidak Syiah, ramai pelajar yang hendak pergi ke sana sehinggakan kolej ini terpaksa mengadakan cabutan bertuah untuk hendak masuk ke kolej ini. Akhirnya, didapati bahawa kolej inilah yang membawa kader yang *trained*, dengan izin, kader-kader yang telah pun ditangkap oleh pihak CIA. Kita bimbang juga perkara ini sekiranya ada di Malaysia, apakah perkara-perkara ini akan dibendung dengan terhapusnya atau penukaran akta yang diusulkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan. Pertama, adakah kajian sudah dibuat berhubung dengan isu dan masalah dalam menarik pelajar-pelajar antarabangsa ke Malaysia seperti mana yang saya bacakan tadi? Adakah isu dan masalah sosial pelajar antarabangsa sekarang ini yang ada di Malaysia telah pun dibuat kajian setakat mana ia membimbangkan?

Soalan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar pengurusan dan pengambilan pelajar-pelajar ke IPTS akan dikemaskinikan? Saya tidak hendak baca yang ada sekarang, tetapi saya tengok terlalu longgar pengurusan dan sistem pengambilan pelajar-pelajar tersebut.

Ketiga, saya melihat semasa kolej-kolej ataupun universiti-universiti swasta ini dipelawa oleh Menteri, maka kita tengok ada universiti-universiti yang berkualiti seperti Monash, Swindon, Curtin dan *University of Nottingham* di UK. Saya juga merupakan salah seorang Lembaga Pengarah Malaysian *University of Science and Technology* (MUST) yang mana *twinning* programnya dengan MIT Amerika. Semasa kami hendak membawa MIT ke Malaysia ini, memang banyak sekali soalan yang dibuat oleh kementerian. Adakah dengan terhakisnya ataupun pindaan perlembagaan ini, perkara yang sama ataupun adakah satu *committee* jawatankuasa yang diadakan untuk membuat saringan kolej swasta ini untuk datang ke Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul pindaan ini. *Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mendengar segala perbincangan Yang Berhormat kemukakan dalam rang undang-undang ini. Saya mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya berharap sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, kerana banyak perkara yang saya fikir berkualiti yang telah pun dibahas dan saya minta juga pihak kementerian menjawab dengan berkualiti juga... [*Tepuk*] Ini kerana saya fikir sungguhpun saya dicemburui oleh masa, tetapi saya percaya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju kita akan teruskan hari ini sampai pukul 7 malam kerana masa telah pun kita

janjikan untuk berbuka puasa, esok saya fikir Yang Berhormat boleh sambung kalau ada apa-apa ini. Jangan terburu-buru hendak menjawab, habiskan cepat tetapi tidak menjawab apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat semua.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sehingga jam 7 malam tetapi jangan berhenti setakat itu *because* beri peluang kepada- selepas ini balik fikir balik, *prepare for tomorrow, you* jawab. Sekian, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri mulakan sekarang.

### 6.27 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas nasihat dan juga cadangan yang telah diberi yang mana saya akan terima dan akan beri laluan sekiranya perlu untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mencelah ataupun mendapat penjelasan secara terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya cuba. Tuan Yang di-Pertua, seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas dan dua orang Ahli Yang Berhormat mencelah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah yang telah mencelah apabila perbahasan sebentar tadi.

Rata-rata Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat spesifik tentang rang undang-undang ini, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa akta ini harus dipinda supaya liberalisasi sektor IPTS ini dapat dikuatkuasakan dan akan menjadikan negara Malaysia sebagai satu hab pendidikan. Rata-rata semua Ahli Yang Berhormat Senator bersetuju sebulat suara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan persetujuan.

Walau bagaimanapun, saya terima banyak isu yang telah dibangkitkan walaupun banyak perkara yang dibangkitkan itu tidak kena-mengena dengan rang undang-undang ini. Namun, saya akan cuba sedaya-upaya memberi jawapan-jawapan tersebut dengan harapan bahawa jawapan-jawapan dan segala isu yang telah dibangkitkan itu, jawapan-jawapan ini dengan secara langsung atau tidak langsung akan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk menjelaskan kepada rakyat Malaysia isu-isu yang telah pun dibangkitkan adanya di antara banyak perkara.

Saya akan mula memberi jawapan-jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat rasa isu-isu yang dibangkitkan tidak tersenarai dalam jawapan saya, saya

mohon Yang Berhormat untuk mencelah atau memberi peringatan kepada saya supaya sahabat-sahabat, rakan seperjuangan saya di Kementerian Pendidikan yang bersama saya akan dapat membantu memberi jawapan.

■1830

Sekiranya perlu, Yang Berhormat boleh juga menghubungi saya, secara *detail* saya boleh memberi jawapan yang sewajarnya. Saya mula dengan memberi jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang telah membangkitkan paling banyak perkara berkaitan dengan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Datuk Seri, Yang Berhormat Datuk Seri telah meminta statistik terkini IPTS.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita ada 59 buah universiti, 32 buah kolej universiti, sembilan buah kampus cawangan luar negara, 433 buah kolej dan jumlah keseluruhan buat masa sekarang ialah 533. Adakah pindaan ini telah hapuskan moratorium IPTS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, moratorium IPTS yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2013 untuk selama dua tahun ini, moratorium ini masih berkuat kuasa sehinggalah ia dimansuhkan oleh Menteri.

Apakah IPTS akan dinilai menggunakan kod CUGG iaitu *Code of Practice Good Governance*, dengan izin, seperti di IPTA. Yang Berhormat Datuk Seri, audit yang dilaksanakan ke atas IPTS menggunakan instrumen khusus bergantung kepada fokus audit. Selain itu, pihak MQA juga melaksanakan audit institusi menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit* ataupun dikenali sebagai COPIA. Unjuran kemasukan pelajar asing ke Malaysia sehingga tahun 2020.

Pada tahun lalu, tahun ini kita menganggarkan lebih kurang 140,000 pelajar. Tahun 2015, seramai 150,000 pelajar. Peningkatan ini kita anggarakan 10,000 pelajar meningkat setiap tahun. Tahun 2016, seramai 160,000 pelajar. Tahun 2017, seramai 170,000 pelajar. Tahun 2018, seramai 180,000 pelajar. Tahun 2019, seramai 190,000 pelajar dan pada tahun 2020, kita jangka akan ada lebih kurang 200,000 pelajar asing di negara kita.

Yang Berhormat Datuk Seri juga meminta penjelasan sama ada KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) apakah usaha untuk mengekalkan dan tingkatkan kualiti IPTS. Yang Berhormat Datuk Seri, pengawalseliaan IPTS dijalankan bagi memastikan kualiti IPTS yang ditubuhkan dan beroperasi adalah menepati keperluan semasa. Bagi memastikan kualiti terus ditekankan, antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) empat usaha yang kita laksanakan ialah meningkatkan atau mengetatkan syarat dan kriteria kualiti;
- (ii) meminda peruntukan dalam Akta 555 yang mencerminkan usaha tersebut;
- (iii) rasionalisasi bagi memastikan hanya IPTS yang berkualiti sahaja yang terus beroperasi; dan
- (iv) meningkatkan fokus penyelidikan di universiti swasta.

Untuk soalan Yang Berhormat Datuk Seri sejauh mana Kementerian Pendidikan Malaysia mengaplikasikan kebolehpasaran graduan. Yang Berhormat Datuk Seri, Kementerian Pendidikan

Malaysia telah melaksanakan program kebolehpasaran graduan untuk melengkapkan graduan daripada aspek kelayakan profesional dalam pelbagai sektor. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar semester atau tahun akhir yang mempunyai purata nilai gred kumulatif sebanyak 2.5 dan ke bawah serta pelajar daripada bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan daripada industri. Program ini terbahagi kepada tiga *cluster* utama iaitu *structured internship*, dengan izin, program pentauliahan profesional *certification* dan *bridging the gap*, dengan izin. Kesemua program ini dirangka dengan jaringan erat bersama industri dan juga IPTA sekali gus memberikan pelajar program berbentuk *industry driven* dan graduan memenuhi kehendak industri semasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mewujudkan program pusat kecemerlangan industri atau *Industry Centre of Excellence* dengan nama ringkasnya ICoE sebagai platform untuk memberi pendedahan secara *hands-on*, kemahiran *soft skill* dan *hard skill* kepada pelajar dan tenaga pengajar melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri. Pendedahan kepada pelajar dibuat seawal semester pertama pelajar mengikuti pengajian di IPT. Cadangan mata pelajaran wajib Akta 555 perlu ditambah baik dan mesti diajar oleh pensyarah tempatan dan sesuaikan diri pelajar dengan budaya tempatan. Ini merupakan cadangan Yang Berhormat Datuk Seri sebentar tadi.

Untuk maklumat Datuk Seri, mulai September 2013, mata pelajaran umum ataupun MPU telah dilaksanakan di IPTS bagi menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW). Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajian kursus wajib di IPTA, IPTS dan politeknik. Mata pelajaran yang terkandung dalam MPU meliputi aspek penghayatan falsafah, nilai dan juga sejarah. Penguasaan kemahiran insaniah, penguasaan ilmu pengetahuan di Malaysia dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan juga kokurikulum.

Melalui mata pelajaran MPU atau mata pelajaran umum seperti pengajaran Malaysia, budaya tempatan boleh diterapkan kepada pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa. Mata pelajaran MPU seperti Hubungan Etnik, TITAS, Bahasa Melayu Komunikasi serta pengajaran Malaysia di IPTS secara amalnya diajar oleh pensyarah tempatan. Apakah kriteria pemilihan pelajar asing masuk ke IPTS sama dengan IPTA. Untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Seri, pelajar yang mohon masuk ke IPTS termasuk pelajar asing perlu mematuhi syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan. Bagi pelajar asing, kelayakan akademik adalah tertakluk kepada kelayakan yang dinilai taraf sama dengan kelayakan bagi pelajar Malaysia. Selain itu, pemohon dikenakan syarat penguasaan bahasa Inggeris melalui pencapaian ujian kelayakan seperti TOEFL dan IELTS.

Yang Berhormat Datuk Seri juga membangkitkan isu syarat menjadi tenaga pengajar di IPTS. Tenaga pengajar mestilah berkelayakan dalam bidang yang hendak diajar, perlu satu tahap lebih tinggi daripada program yang diajar contohnya bagi ijazah sarjana muda, pensyarah perlu ada ijazah sarjana. Tenaga pengajar IPTS perlu memohon permit mengajar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Apakah kaedah pemantauan bagi kualiti pensyarah IPTS. Pemberian permit mengajar kepada pensyarah IPTS adalah berdasarkan kelayakan akademik pensyarah dan dokumen-dokumen lain yang



diperakukan oleh ketua eksekutif atau naib canselor. Bagaimana atasi masalah IPTS yang tidak menjaga kualiti akademik demi untuk mendapatkan pelajar.

Semua dokumen itu yang telah disahkan tadi harus disahkan dan diakui sah oleh unit pendaftaran universiti IPTS tersebut dan sekiranya mereka tidak mendapat pengesahan dan sekiranya mereka gagal memberi maklumat-maklumat ini, maka kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Datuk Seri juga minta maklumat tentang IPTS yang telah dibangunkan mengikut wilayah pembangunan negara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, walaupun moratorium telah dilaksanakan, beberapa wilayah seperti Iskandar dan juga Pagoh masih dibuka untuk penubuhan baru ini. Di Iskandar sahaja telah terdapat IPTS seperti berikut; *Newcastle University Maxton of Malaysia, University of Southampton, University of Reading Malaysia, Raffles University Malaysia, Masterskill University College, UniKL MITEC, College Pegasus, Marlboro College* dan *Netherlands Maritime Institute of Technology*. Itu di antara kolej-kolej IPTS yang ada di Iskandar.

#### ■1840

Walau bagaimanapun, bagi hab pendidikan Pagoh, ia masih dalam proses perancangan untuk dibangunkan. Apakah sebab-sebab kursus kejuruteraan dibekukan selama lima tahun? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kursus kejuruteraan dibekukan selama lima tahun untuk menyemak semula lambakan kursus dan program kejuruteraan yang pelbagai agar kursus ini mempunyai nilai kebolehpasaran yang baik. Itu sahaja sebabnya mengapa ia dibekukan untuk lima tahun.

Seterusnya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Di antara perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ialah apakah langkah kerajaan pastikan agar pelajar asing tidak salah gunakan visa pekerja. Langkah mengatasi penyakit sosial atas nama visa pelajar. Isu yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat sebentar tadi. Saya akan jawab sekali isu ini.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin isu ini akan menjadi maklumat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, atas sebab-sebab keselamatan dan bagi menjamin keharmonian negara, kerajaan telah memperketat kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini bagi memastikan pelajar tersebut benar-benar terdiri daripada pelajar-pelajar yang tulen ataupun *genuine students*.

Bagi menjamin ketulenan pelajar yang memasuki Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan *Education Malaysia Global Services (EMGS)* sebagai pusat sehenti atau *one stop centre* bagi memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen-dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke IPTS sebelum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses pengeluaran pas pelajar.

Syarat-syarat bagi pelajar antarabangsa untuk memohon pas pelajar melalui EMGS akan disaring melalui dua peringkat. Pertama sebelum memasuki negara kelulusan visa dengan rujukan,

saringan akademik EMGS, saringan keselamatan PDRM dan saringan imigresen daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Kedua, selepas memasuki negara kelulusan pengeluaran stiker pas, saringan kesihatan dan *bio security* EMGS. Dua kali. Satu sebelum masuk dalam negara dan satu lagi setelah masuk dalam negara. Pelaksanaan EMGS adalah berdasarkan pencegahan atau *preventive* di mana setiap permohonan secara individu dan berkelompok boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan telah mendapat stiker pas, dia akan tertakluk kepada *Standard Operation Procedure* dengan izin agensi penguatkuasaan. Untuk makluman, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia boleh mengambil tindakan secara terus terhadap IPT yang didapati cuai dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang mendaftar di IPT tersebut.

Selain daripada itu Kementerian Pendidikan Malaysia juga melalui bahagian penguatkuasaan dan *inspectorate* turut melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS secara bersepadu bersama agensi kawal selia yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah.

Semua IPTS yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemantauan dan penyeliaan ke atas pelajar antarabangsa di IPTS adalah merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tahap kesedaran IPTS dan juga pelajar didapati meningkat dalam mematuhi garis panduan pengurusan pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu IPTS yang gagal kawal pelajar asing mereka dikenakan tindakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh minta laluan? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Dengan pemantauan yang sedia ada, kalaulah pemantauan ini dibuat dengan betul-betul, tidak adalah surat khabar yang menyatakan banyak penuntut dari luar negara ini yang terlibat dengan jenayah dan sebagainya.

Saya hendak tahu Yang Berhormat kalau boleh, kalau ada sekarang daripada pemantauan ini berapa banyak pelajar yang tidak mengikut peraturan pelajaran sehinggakan menjadi ataupun buat perkara-perkara lain selain daripada belajar. Saya ingat Yang Berhormat faham. Terima kasih.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan.

**Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman soalan. Berapakah IPTS yang telah pihak kerajaan atau Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee atas isu ini. Saya akan dapatkan maklumatnya dan akan beri jawapan sebentar lagi. Untuk maklumat secara terperinci, kita telah mengurangkan masalah pelajar-pelajar asing yang memberi masalah kepada negara daripada segi jenayah dan sebagainya.

Tanggungjawab EMGS ini kita telah beri tanggungjawab yang begitu penting kepada mereka untuk memastikan. Oleh kerana itulah sekarang sejak kebelakangan ini jumlah pelajar-pelajar yang memberi masalah jenayah ini telah berkurangan tetapi perkara ini kita akan memantau setiap masa dan kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan bukan sahaja terhadap pelajar malah kita juga akan mengambil tindakan terhadap IPT tersebut. Maklumat terperinci akan saya berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee sebentar lagi.

Saya akan terus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Kualiti pendidikan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu sejauh mana Kementerian Pendidikan Malaysia ada mempunyai rekod pensyarah IPTS dari segi kelayakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, rekod-rekod pensyarah ada disimpan di pangkalan data IFMS ataupun IPTS Information Management System. Malah banyak maklumat lain seperti profil IPTS pelajar juga disimpan di IFMS ini. Oleh yang demikian, kementerian sentiasa mempunyai maklumat-maklumat terperinci tentang semua pensyarah ini kerana kelulusan pensyarah-pensyarah ini akhirnya akan diberi oleh kementerian. Maka kementerian memang mengawal pensyarah-pensyarah berikut.

Tentang permohonan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga mohon Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji semula pengecualian pembayaran balik PTPTN yang dibuat yang dapat ijazah kelas pertama bagi pelajar di IPTS tetapi diragui kualitinya. Subjektif apa Yang Berhormat katakan itu, *very subjective* tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat ijazah kelas pertama diberi berdasarkan kelulusan *senate* universiti tersebut. Antara dokumen yang perlu disertakan ialah pertama salinan ijazah sarjana muda kepujian kelas pertama yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT.

Kedua, salinan transkrip...

■1850

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan 6.50, saya minta Yang Berhormat sambung esok dan buat seketika ini semua Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk Usul Penangguhan. Silakan Yang Berhormat.

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 15(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN PENANGGUHAN****Hak Untuk Pekerjaan Tetap**

**6.50 ptg.**

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi masa hadapan pekerja dan keluarga mereka, kerajaan patut memastikan kestabilan ekonomi dan *security* kewangan pekerja dan keluarganya. Kerja tetap sehingga umur persaraan adalah suatu hak pekerja, di mana kini berlaku semacam kecenderungan di mana majikan sudah banyak menggunakan kontrak pekerjaan jangka pendek atau tetap yang sangat bersifat tidak menentu atau dengan izin, *precarious* di mana jika pun kerja yang pekerja tersebut buat masih wujud, majikan tidak melanjutkan tempoh pekerjaannya bahkan pergi mendapatkan pekerja baru.

Persoalannya mengapa? Mungkin untuk menafikan timbulnya anggapan bahawa pekerja itu pekerja tetap sehingga umur tamat tempoh perkhidmatan. Lagi lama pekerja itu bekerja dan jika pekerjaannya tetap sehingga tamat tempoh perkhidmatannya, maka ada kepastian bahawa gaji dan haknya akan bertambah di mana kerja kontrak jangka pendek, langsung tidak mengambil kira kekananan atau dengan izin, *seniority* atau umur dan juga tidak akan pasti penjana pendapatan menjadi lebih baik.

Jika kerajaan prihatin kepada pekerja dan keluarga mereka, maka kerajaan hendaklah segera memastikan bahawa semua pekerja mendapat kerja secara tetap atau dengan izin, *regular* sehingga tamat tempoh perkhidmatan dan mengehendkan penggunaan kontrak kerja jangka pendek atau tetap kepada kerja di luar perniagaan asas atau *core business* majikan atau dihadkan kepada peratusan yang terhad sahaja.

Pembekal pekerja iaitu kontraktor tenaga kerja atau *contractor for labour* semestinya tidak menjadi majikan. Majikan sewajarnya merupakan tuan punya dan operator tempat kerja atau sebagai prinsipal. Dewan wujudnya *contractor for labour* kita kini membenarkan apa dipanggil hubungan,

pekerjaan tiga pihak atau dengan izin *triangular employment relationship* di mana bagi pekerja ini adalah bersifat sangat tidak menentu atau dengan izin, *precarios*.

Kontraktor tenaga kerja atau *contractor for labour* adalah pihak ketiga yang tidak perlu ada dalam perhubungan kerja yang mana sewajarnya hanya wujud adalah perhubungan dua pihak iaitu majikan yang merupakan tuan punya atau operator tempat kerja yang memerlukan pekerja. Kontraktor tenaga kerja atau *contractor for labour* adalah dikenal sebagai parasit yang mendapat keuntungan daripada usaha pekerja. Ini tidak sepatutnya berlaku.

Adalah lebih baik jika wang yang kini masuk ke dalam saku kontraktor tenaga kerja itu terus diterima oleh pekerja sendiri di mana hal ini akan membantu meningkatkan pendapatan pekerja dan keluarga mereka. Kontraktor tenaga kerja tidak ada kuasa untuk memperbaiki keadaan kerja dan tempat kerja. Sistem *contractor for labour* ini juga menafikan hak pekerja untuk menikmati faedah perjanjian kolektif atau dalam bahasa Inggeris disebut *collective bargaining agreement* yang wujud di antara majikan di tempat kerja sebagai *principal* dan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja di tempat kerja.

Mereka yang digaji oleh kontraktor tenaga kerja atau *contractor for labour* hanya kekal sebagai kerja dan bukan pekerja tetap dalam erti kata atau dalam bahasa Inggeris disebut *employee*. Kerajaan hendaklah memperlihatkan keprihatinannya dengan menghapuskan kontraktor tenaga kerja atau *contractor for labour* dan pastikan bahawa semua pekerja hendaklah ada hubungan kerja terus dengan mereka yang benar-benar memerlukan pekerja untuk menjalankan kerja sama ada di ladang, di kilang atau di tempat kerja lain dengan majikan *principal* yang sudah tentu akan menjana pendapatan dan keuntungan pada semua pihak.

Pekerja warga Malaysia harus mempunyai keupayaan mengambil bahagian dalam semua aspek aktiviti kehidupan dalam negara ini. Mereka ada hak untuk mencadangkan, melobi, berkempen dan bertindak untuk sesuatu hal yang mereka percaya selaras dengan hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Harus diingat bahawa pergerakan buruh telah bergiat aktif dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan negara ini daripada penjajah Inggeris.

Perdana Menteri semasa pelancaran enam bidang keberhasilan utama Tenaga Nasional Berhad bagi Program Transformasi Satu TNB pada 17 Mei 2014 menyatakan bahawa pekerja ialah aset utama syarikat. Akan tetapi saya ingin mengembangkan bahawa yang lebih penting adalah bahawa pekerja ialah aset utama negara iaitu aset utama Malaysia di mana kerajaan sewajarnya membuat apa yang perlu dalam menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja dan keluarga mereka.

Kerajaan mesti bertindak dan semua bentuk kerja yang bersifat tidak menentu dan tidak stabil atau dengan izin *precarious* hendaklah dihapuskan. Untuk menjaga kebajikan pekerja, pekerja memerlukan kestabilan ekonomi di mana apa yang perlu ialah kerja tetap dan stabil sehingga tamat tempoh perkhidmatan dan perhubungan terus di antara majikan dan pekerja tanpa ada pihak ketiga atau kontraktor tenaga kerja atau disebut sebagai *contractor for labour*.

Adalah wajar bagi kerajaan bertindak seperti di Thailand dan di negara-negara lain mewujudkan sebuah Skim Bantuan Pekerjaan semasa tidak ada pekerja dan mempunyai pendapatan atau apa yang dikenal sebagai dalam bahasa Inggeris *unemployment benefit*. Ini sangat perlu kerana obligasi kewangan pekerja dan keluarganya adalah berterusan walaupun pekerja itu hilang kerja dan tidak ada pendapatan. Sesungguhnya, bagi negara yang prihatin akan rakyatnya khususnya para pekerja, maka adalah wajar ianya membantu para pekerja di masa dalam kesusahan dan kesulitan hidup ini. Apa yang diperlukan oleh para pekerja ialah apa yang dipanggil *unemployment benefit* iaitu bantuan pekerja semasa tidak ada kerja atau pendapatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat menjawab.

### 6.58 ptg

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Syed Shahir bin Syed Mohamud yang saya kira sentiasa cukup prihatin tentang nasib dan masa depan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, cuma masa agak terhad. Jadi, sudah tentulah saya bercadang untuk memberikan jawapan yang sebaik mungkin kepada Dewan ini dan khusus kepada Yang Berhormat Senator agar mendapat kepuasan dan penjelasan daripada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sangat prihatin dengan kesejahteraan semua rakyat terutamanya golongan pekerja seperti mana juga Yang Berhormat Senator nyatakan. Bagi memastikan semua golongan pekerja mendapat manfaat hasil daripada kestabilan ekonomi, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*] di mana pekerja-pekerja mesti dibayar gaji asas tidak kurang dari RM900 di Semenanjung Malaysia, RM800 di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Berdasarkan perangkaan, dianggarkan seramai 3.4 juta orang pekerja telah mendapat manfaat daripada penguatkuasaan akta ini. Di samping itu, satu akta yang dikenali sebagai Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013. Melalui peruntukan akta ini, umur persaraan minimum bagi seseorang pekerja ialah 60 tahun. Mana-mana majikan yang menghentikan pekerja mereka sebelum mencapai umur 60 tahun atau secara pra masa tanpa persetujuan daripada pekerja adalah dianggap telah melakukan kesalahan di bawah akta ini.

### ■1900

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi dan pelbagai bentuk bantuan dan program kerajaan dalam membantu meringankan beban hidup pekerja di negara ini, yang sudah tentu saya tidak dapat sebut satu persatu seperti mana yang dibentangkan dalam Bajet 2014.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sistem kontraktor untuk buruh (*contractor for labor*) seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat senator telah wujud dan diamalkan dalam sistem ekonomi negara sejak sekian lama. Kerajaan menyedari tentang permasalahan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi pekerja-pekerja yang bekerja di bawah sistem ini.

Oleh itu satu peruntukan telah dibuat dalam Akta Kerja 1955 yang mewajibkan mana-mana kontraktor untuk buruh di dalam sektor perladangan mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja dalam tempoh 14 hari sebelum mereka membekalkan tenaga kerja. Maknanya kita hendak pastikan supaya pekerja ini diberikan jaminan. Oleh sebab itu kita hendak daftar dengan Jabatan Tenaga Kerja.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini tafsiran *subcontractor for labor* di bawah seksyen 2 Akta Kerja 1955 telah dipinda kepada *contractor for labor* atau kontraktor tenaga kerja berkuat kuasa pada 1 April 2012. Susulan pindaan tafsiran ini peruntukan baru seksyen 33A telah diwujudkan untuk mewajibkan kontraktor tenaga kerja berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Maknanya dia mesti daftar dengan Jabatan kita. Pindaan ini dibuat bagi memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia untuk mengawal dan memantau aktiviti pembekalan oleh kontraktor tenaga kerja. Tanpa peruntukan pindaan ini kerajaan tidak mempunyai sebarang mekanisme khusus untuk mengawal dan memantau aktiviti kontraktor tenaga kerja. Sebenarnya Yang Berhormat Senator maksudkan kalau boleh kita hapuskan terus. Betul Yang Berhormat ya?

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, niat kerajaan mewujudkan peruntukan *contractor for labor* bagi memastikan semua pekerja yang bekerja melalui sistem *contractor for labor* di sektor perladangan mendapat perlindungan sewajarnya sebagai seorang pekerja. Dengan adanya maklumat mengenai kontraktor serta pihak prinsipal, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja dapat membuat pemantauan ke atas pihak majikan bagi memastikan pekerja mendapat hak-hak mereka sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Dahulu kalau *subcontractor for labor* ini Tuan Yang di-Pertua ini dia bebas, dia tidak daftar dengan kita. Jadi dia sahaja ambil pekerja.

Sehingga Januari 2014, seramai 3,284 kontraktor untuk buruh di sektor perladangan telah mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di mana seramai 39,868 pekerja melibatkan seramai 7,136 pekerja tempatan dan 32,732 pekerja asing menikmati pelbagai faedah perlindungan. Ini banyak Tuan Yang di-Pertua kalau saya hendak sebut gaji minimum, cuti, elaun-elaun yang boleh kita rujuk kepada akta ini. Apa yang termaktub di bawah Akta Kerja 1955 dan juga pembayaran gaji minimum seperti mana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) membantah pindaan ini kerana didakwa akan menggalakkan lagi penggajian pekerja melalui kontraktor tenaga kerja. Sedangkan penggajian terus tanpa orang tengah adalah lebih baik. Berikutan adalah bantahan dan permintaan oleh Kesatuan Sekerja khasnya oleh pihak MTUC terhadap pindaan ini peruntukan berkaitan kontraktor tenaga kerja ini hanya dikuatkuasakan di sektor pertanian dan perladangan sahaja. Maknanya *contractor for labor* ini untuk perladangan sahaja sekarang ini. Pihak

NUPW bersetuju pindaan ini dikuatkuasakan di sektor perladangan kerana ia memberi lebih perlindungan kepada para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga membangkitkan tentang isu kecenderungan majikan menggunakan kontrak perkhidmatan jangka pendek untuk menggaji pekerja. Dalam hubungan ini kontraktor perkhidmatan jangka pendek atau turut dikenali sebagai *fix term contract* dengan izin, adalah dibenarkan oleh undang-undang kerana terdapat jenis dan bentuk pekerjaan yang mana khidmat seseorang pekerja itu diperlukan untuk tempoh masa yang tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, seseorang pekerja itu diambil bekerja dalam kontrak bertempoh tetap atau jangka pendek. Peruntukan Undang-undang Buruh seperti Akta Kerja 1955 tetap terpakai dari segi memberikan terma dan syarat minimum pekerjaan dan memberikan perlindungan kepada pekerja tersebut. Malahan sekiranya pekerja tersebut dibuang kerja secara tidak adil sebelum tamat tempoh kontrak mereka, beliau boleh memfailkan representasi bagi pemecatan salah di bawah Akta Perhubungan 1967 itu.

Selain itu sekiranya kontrak bertempoh tetap itu melebihi 24 bulan atau dua tahun, maka majikan akan terikat untuk menggaji pekerja tersebut sehingga mencapai umur persaraan minimum 60 tahun. Maknanya kalau kontrak perkhidmatan itu lebih daripada dua tahun, majikan tidak boleh menghentikan dia. Dia mestilah memberikan perkhidmatan pekerja itu sehingga umur 60 tahun. Kalau kata 40 umur dia sekarang, maknanya dia ada 20 tahun, mesti. Kecuali ada sebab-sebab tertentu yang lain seperti tata tertib dan peraturan yang lain. Sehingga mencapai umur persaraan 60 tahun seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Umur Persaraan minimum 2012.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator berhubung dengan *precarious employment* dengan izin atau pekerjaan yang tidak menentu yang dikaitkan dengan kontraktor tenaga kerja, kerajaan berpandangan isu ini boleh ditangani dengan adanya pemantauan dan kawalan ke atas aktiviti kontraktor tenaga kerja itu sendiri. Ini kerana pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor tenaga kerja bergantung kepada *assignment*, dengan izin yang diberikan kepadanya oleh kontraktor tenaga kerja yang merupakan majikannya. Kontraktor tenaga kerja tersebut bertanggungjawab sebagai majikan kepada pekerja-pekerja yang digaji dan mesti mematuhi dan memberikan segala hak dan faedah yang termaktub pada pekerja tersebut mengikut undang-undang yang ada.

Selain itu isu *triangular employment relationship*, dengan izin, atau hubungan pekerja tiga pihak juga telah turut dibincangkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) semasa sesi persidangan ke-95 pada tahun 2006 menerusi laporan *The Employment Relationship Report*, dengan izin. Pihak ILO telah membincangkan perkara ini dengan mendalam dari segi mengenal pasti majikan, kedudukan prinsipal, hak-hak pekerja dan juga pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang. Malahan pihak ILO juga telah mengadaptasi *Employment Relationship Recommendation 2006 (No. 198)* dengan izin, pada persidangan tersebut.



Selain itu terdapat juga pembentangan *Regulation Triangular Employment*, dengan izin, yang telah dibuat pada tahun 2009 di Geneva berhubung dengan isu ini. Tuan Yang di-Pertua, ada isu-isu dan perkara-perkara yang boleh kita keluarkan tetapi memerlukan masa yang agak panjang. Mungkin Senator boleh mendapatkan daripada kita tentang perkara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan *unemployment benefit* ataupun *unemployment insurance* kerajaan telah melantik pihak ILO untuk menjayakan kajian dengan turut melibatkan pihak-pihak utama yang berkepentingan iaitu Persatuan Majikan Malaysia (MAF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bagi mengkaji cadangan mewujudkan skim tersebut di Malaysia. Laporan kajian telah diterima pada bulan Disember 2013 dan beberapa sesi konsultasi telah pun diadakan dengan *stakeholders* tetapi masih terdapat beberapa isu yang perlu diperhalusi. Pihak ILO dan kementerian akan meneruskan *engagement* dengan ataupun perundingan dengan *stakeholders* yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat senator atas keprihatinan menimbulkan isu-isu yang berkaitan yang telah pun saya jawab sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 1 Julai 2014, esok. Semua Ahli Yang Berhormat dijemput untuk berbuka puasa di Dewan yang disediakan. Semua sekali dijemput. Sekian terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.]***